



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KEDUA

SHAH ALAM, 04 JULAI 2013 [KHAMIS]

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
(Timbalan Speaker Dewan Negeri)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)
Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (Meru)
Y.B. Tuan Dr. Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)
Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)
Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)
Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (Sri Muda)
Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)
Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)
Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)
Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)
Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)
Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)
Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)
Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)
Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)
Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)
Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)
Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib (Taman Templer)
Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Chin Cheh (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datok)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak
S.M.S., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimatun Saadiah binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Haji Idrus
K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)
(menunaikan Umrah)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Suliman bin Abd Rahman, A.M.S., P.P.T.
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian binti Manan
Penolong Setiausaha

Puan Noor Diana binti Razali
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salbiah binti Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Ismail bin Habib
Bentara

Encik Redzuan bin Adam
Encik Shazrin bin Dzahari
Encik izal Izlan bin Misnon
Penolong Bentara

Puan Noor Syazwani binti Abd Hamid
Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Pelapor Perbincangan

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

Dewan dimulakan pada jam 10.00 pagi

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahir rahmannir rahim, assalammualaikum w.b.k.* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat hari ke-5 bagi Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor yang ketiga belas dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER : Sri Muda

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI B. HJ SHAFIEI : Terima kasih Puan Speaker, soalan nombor 66.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI B. HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PASAR BARU TAMAN SRI MUDA

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berikan status terkini pembinaan pasar baru di Taman Sri Muda?
- b) Bila pembinaan akan dimulakan dan jangkaan tarikh siap?
- c) Berapakah anggaran kos pembinaannya dan berapakah harga sewaan satu bulan?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Puan Speaker Majlis Kerajaan Negeri pada 5/2 tahun 2012 pada 8 Februari 2012 telah bersetuju agar pihak PTG Selangor mengambil tindakan untuk menyegerakan pewartaan tanah di Taman Sri Muda tersebut supaya MBSA dapat menyediakan perancangan pembangunan bagi tanah yang dimaksudkan dan seterusnya di tender berdasarkan pada *cost development value* (GDV), peniaga dibenarkan beroperasi di tapak sedia ada sehingga bangunan pasar baru siap dibina. Tanah tersebut telah diwartakan bagi tujuan kawasan tempat letak kereta di lot 32974, Taman Sri Muda, Seksyen 25, Mukim Klang, Daerah Klang pada 23 Julai 2012. Perbincangan dengan pemilik tanah yang baru iaitu AEH Development Sdn. Bhd telah diadakan bagi membenarkan peniaga beroperasi di tanah milik mereka sehingga pembangunan siap, memandangkan peniaga telah menduduki tanah milik mereka dan sebahagian tanah tapak kawasan tempat letak kenderaan tersebut. Pemilik telah

bersetuju memberi tempoh terakhir sehingga penghujung tahun 2012 sahaja. Pada masa ini pihak Majlis telah pun menyediakan terma rujukan ataupun *term of reference* dan pelan bangunan pasar baru moden Sri Muda. Pasar baru ini mengandungi satu 69 unit gerai di tingkat bawah sebagai ruang pasar basah, *web market* yang menjual bahan-bahan segar seperti ikan, ayam, daging dan sayur-sayuran. Dua 67 unit gerai di tingkat 1 sebagai ruang pasar kering dengan izin *dry market* yang menjual barang-barang kering seperti bawang, telur dan lain-lain. Tiga 24 unit gerai makan di tingkat 2. Empat 3 tingkat tempat letak kereta. Pembinaan dijangka akan dimulakan pada awal tahun 2014 dan dijangkakan siap dalam tempoh dua tahun. Kos pembinaan dianggarkan sebanyak RM17.5 juta bagi menjana keuntungan *return of investment, term of investment* dengan izin dalam tempoh 15 tahun dengan faedah 5 peratus harga sewaan satu bulan, dianggarkan sewaan sebanyak RM700 hingga RM1,500.00 bagi satu unit gerai bergantung kepada keluasan lantai yang disewakan oleh majlis dijangkakan pihak majlis akan menerima kutipan sewaan sebanyak RM131,200 sebulan.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI B. HJ SHAFIEI : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Sri Muda soalan tambahan.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI B. HJ SHAFIEI : Soalan Tambahan Puan Speaker, tadi disebutkan yang pembangunan itu dibuat secara GDV dan pastinya konsep ini adalah secara BOT ia untuk memudahkan ataupun mungkin majlis mempunyai perancangan yang tersendiri. Persoalan saya ialah dalam keadaan sewa antara RM700 ke RM1,000.00 saya fikir dengan ruang yang kecil itu penjaja-penjaja tidak akan mampu membayar sewa. Kerana sekarang ini pun nilai sewanya antara RM180.00 ke RM300.00 bawah RM300.00 pun mereka mempunyai kesukaran jadi kalau waktu itu sewanya antara RM700.00 ke RM1,000.00 saya tidak fikir mereka akan mampu. Apakah Kerajaan Negeri memikirkan tentang persoalan ini? Kerana BOT ini, konsep ini sudah pun cuba dilaksanakan pada tahun 2009 tetapi penjaja membantah. Saya mohon penjelasan dari Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Saya kira untuk perkara ini memandangkan ada naik taraf sudah tentunya melibatkan kos tidak mungkin kerajaan dapat menanggung sepenuhnya. Walau bagaimana pun sekiranya ada masalah dari segi sewa yang terlalu tinggi mungkin perbincangan boleh diteruskan bagi memastikan cara-cara yang mungkin boleh dicari untuk mencapai satu persetujuan di antara semua pihak. Tapi sudah tentu kita tidak dapat mengekalkan sewaan yang sedia ada ini.

TUAN SPEAKER : Taman Templer

Y.B. TUAN ZAIDY B. ABDUL TALIB : Tuan Speaker soalan saya nombor 67.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAIDY B. ABDUL TALIB
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK: PEMBANGUNAN BELIA DAN INFRASTRUKTUR SUKAN

67. Program pembangunan belia dan infrastruktur sukan sangat penting dalam membina generasi pemimpin masa hadapan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah dan bajet dalam membangunkan infrastruktur sukan negeri dalam tempoh Mac 2008 sehingga April 2013 mengikut pecahan DUN?
- b) Berapakah jumlah dan bajet program sukan negeri Selangor dalam tempoh Mac 2008 sehingga April 2013 mengikut pecahan DUN?
- c) Apakah jenis-jenis sukan yang menjadi fokus kerajaan negeri Selangor dan apakah program yang dirangka untuknya?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Puan Speaker, Taman Templer bertanya berkaitan dengan program pembangunan belia dan infrastruktur sukan bagi tujuan membina pemimpin di masa akan datang. Berkaitan dengan pertanyaan jumlah dan bajet pembangunan infrastruktur sukan negeri pada tempoh Mac 2008 hingga 2013 mengikut pecahan DN kerajaan negeri tidak ada bajet untuk yang kita berikan untuk pembangunan infrastruktur kepada DN-DN ataupun mengikut pecahan DN. Walau bagaimanapun daripada tahun Mac 2008 sehingga 2013 Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM800,000 untuk membaik pulih infrastruktur sukan ataupun kemudahan sukan di peringkat negeri Selangor yang mana secara puratanya kalau saya bahagikan kepada 56 DN lebih kurang dalam RM16, 000 setiap DUN. Saya maklum bahawa ada sebahagian daripada DUN mungkin tidak mendapat peruntukan tersebut kerana baik pulih kadang kalanya memakan belanja hampir kepada RM20,000 atau lebih daripada RM20,000.

Bagi pertanyaan yang kedua berkaitan dengan program sukan yang kita berikan dalam tempoh yang sama mengikut pecahan DN bahawa kerajaan negeri juga tidak mempunyai bajet yang kita berikan secara mengikut pecahan DN-DN walau bagaimanapun daripada Kerajaan Negeri kita memberikan sejumlah peruntukan kepada majlis sukan daerah yang di mana kita berikan pada tahun 2008 hingga 2012 sejumlah RM15,000 setiap Majlis Sukan Daerah yang ada di negeri Selangor. Dan cuma pada tahun lalu kerajaan negeri memberikan peruntukan RM100,000 kepada Majlis Sukan Daerah yang mana kita berpandangan mereka mempunyai kekangan kewangan terutamanya kepada Majlis Daerah Sabak Bernam, Majlis Daerah Kuala Selangor dan Majlis Daerah Kuala Langat, Majlis Daerah Hulu Selangor setiapnya mendapat RM100,000 untuk tujuan pembangunan dan sukan di peringkat Majlis

Daerah masing-masing. Bagi soalan yang ketiga berkaitan dengan fokus Kerajaan Negeri di dalam program-program pembangunan sukan yang dirangka untuk tahun ini. Selain daripada memajukan sukan yang berprestij tinggi, Kerajaan Negeri juga memfokuskan beberapa program sukan yang mana melibatkan jumlah pingat emas pungutan pingat emas yang banyak di dalam sukan sukma termasuk sukan angkat berat, sukan akuatik, sukan olahraga, sukan menembak, kenu, lumba basikal, gana stik, sukan memanah antara program-program yang kita jalankan untuk membangunkan sukan ini dengan kita adakan program-program penyertaan kejohanan yang berprestij tinggi di peringkat kebangsaan dan kita dedahkan atelit-atelit kita.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sijangkang masa sudah cukup.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih, Puan Speaker soalan saya ialah untuk aktiviti sukan yang bukan *mainstream* dengan izin seperti *outdoor bowling*, *soft* dan sebagainya adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi peruntukan dan membantu pembangunan sukan-sukan ini?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Daripada peruntukan yang kita ada sejumlah RM3.2 juta setiap tahun saya kira ini untuk portfolio belia dan sukan, saya kira ini jumlah yang terlalu kecil. Walau bagaimana pun bila ada permintaan-permintaan persatuan yang mungkin di bawah kemampuan kita boleh memberi sedikit sebanyak sumbangan dalam jumlah yang tidak lebih daripada RM3,000.00 sebegitu. Walau bagaimanapun saya kira mungkin GLC-GLC dapat membantu dalam memperkembangkan sukan, mungkin bukan sukan-sukan yang berprestij ini supaya akhirnya juga memberikan peluang kepada mereka yang berminat di dalam sukan-sukan tertentu untuk membangunkan sukan-sukan yang disebutkan tadi. Terima kasih.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Soalan Tambahan Puan Speaker.

TUAN SPEAKER : Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG : Terima kasih Puan Speaker saya ingin tanya memandangkan pemuda merupakan aset negara, adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk memberikan peruntukan yang lebih banyak dalam aspek sukan mana-mana program yang berkenaan dengan pemuda. Dan soalan yang kedua saya adakah Y.B. EXCO bersedia untuk mengagihkan peruntukan itu mengikut DN disebabkan di setiap Y.B.-Y.B. di sini saya rasa memang perlu memandang serius untuk mengerakkan lagi lebih banyak program yang membawa manfaat kepada pemuda? Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya kira dalam sidang kali ini daripada Ahli-ahli Dewan Negeri yang sifatnya juga anak muda mengutarakan banyak permohonan-permohonan ataupun cadangan-cadangan bagi menambah jumlah peruntukan dan sebagainya. Dan saya kira kerajaan negeri yang ada pada hari ini mendengar dan insya-Allah mungkin kita bincangkan pada peringkat ini sekiranya peruntukan itu yang kita dapat lebih baik daripada sebelum ini, saya kira tidak ada masalah untuk kita agih-agih. Walau bagaimanapun saya mengharapkan agar semua Ahli Dewan Negeri dengan peruntukan yang ada cuba manfaat juga supaya akhirnya sebahagian daripada peruntukan itu juga dapat kita sama-sama membangunkan anak-anak muda di negeri Selangor ini terutamanya dalam aktiviti sukan yang lebih tersusun dan manfaat. Dan saya tidak nafikan sebahagian besar daripada Ahli Dewan Negeri juga telah mengadakan program-program yang bersifat sukan antaranya contohnya seperti Taman Medan yang mengadakan satu bentuk kelab bola sepak yang saya ingat boleh menjadi contoh kepada DN-DN yang lain dengan peruntukan yang ada dan mungkin sumbangan kebanyakan daripada GLC. Mungkin boleh turut sama menyumbangkan kepada pembangunan terutama anak muda negeri Selangor ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF : Terima kasih Puan Speaker, soalan saya bernombor 68.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK: KEKURANGAN BEKALAN AIR

68. Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) menasihati rakyat agar berjimat menggunakan air kerana rizab air bersih terawat yang semakin berkurangan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah air bersih terawat dan rizab air dari tahun 2008 hingga 2013 berbanding permintaan?
- b) Apakah langkah segera untuk mengatasi masalah ini?
- c) Apakah status kelulusan perintah pembangunan loji rawatan air Langat Dua.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahhir rahmannir rahim*, Puan Speaker Dengkil bertanyakan tentang isu kekurangan isu bekalan air. Dua perkara yang perlu kita jelaskan, satu ialah air mentah kedua ialah air terawat. Air mentah ialah sumber air untuk kita gunakan setelah dia dirawat. Di Selangor kajian menunjukkan, kajian dibuat

oleh sumber air negara yang dia buat kajian selama antara tahun (2000-2050). Kajian itu menunjukkan bahawa jumlah air mentah yang boleh berada di Negeri Selangor ialah 17,000 juta liter sehari (JLH), *seventeen millions liter a day* dan air-air tersebut telah dipantau dari tujuh (7) empangan utama Negeri Selangor. Untuk itu, tiap-tiap bulan LUAS (Lembaga Urus Air Selangor) akan mengiklankan keadaan-keadaan empangan yang berada di negeri Selangor. Jadi, dewan sudah mengetahui jumlah boleh keluaran air ialah 17,000 juta. Keperluan air di negeri Selangor ialah antara 3,000 – 3,500 jumlah liter air yang kita perlukan di Selangor buat masa ini. Tapi melalui 34 rawatan air negeri Selangor ia kita ada mempunyai 34 Loji Rawatan Air di Selangor. Keluaran Loji Rawatan Air di Selangor bila air mentah itu di rawat dan keluaran ialah 4,606 juta liter sehari dan ada kalanya dia boleh ditingkatkan kepada 4,800 juta sehari. Jadi bayangkan kita ada 17,000 juta air mentah yang kita keluarkan ialah 4,800 juta sehari dan penggunaannya ialah 3,000-3,500. Apa yang berlaku?. Yang berlaku ialah yang sampai kepada pengguna ialah hanya 70% daripada keluaran tersebut. 70% daripada 4,800 ataupun 5,000 kita ambil ialah 3,500 juta liter sehari. Jadi pada dasarnya kalau kesemua air yang kita rawat itu sampai kegunaan pengguna tak ada masalah air tak ada masalah tak cukup air. Tapi masalahnya ialah 30% daripada air yang kita rawat yang dipanggil *non revenue water* adalah dia hilang dalam pengagihan, maknanya...

TUAN SPEAKER : Y.A.B. Dato' Menteri Besar masa menjawab sudah habis.

Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN : Soalan tambahan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ok. Akhir sekali saya nak tunjukkan itu yang saya nak nyatakan apakah soalnya mengatasi masalah ini. Masalah ini akan hanya dapat di atasi jika jumlah *non revenue water* peratus *non revenue water* itu dikurangkan daripada 30% ke 20 % ke 15% seperti di dalam perjanjian. Dalam perjanjian yang ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan SYABAS pada 2004.

TUAN SPEAKER : Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Terima kasih Puan Speaker, terima kasih kepada Y.A.B. Menteri Besar kerana penerangan yang cukup baik tadi. Soalan tambahan saya sebenarnya Y.A.B. Menteri Besar belum menjawab lagi soalan Bahagian C. Status kelulusan perintah pembangunan loji rawatan dan soalan tambahan saya ialah adakah Kerajaan Negeri bersetuju bahawa jumlah bekalan air terawat ini seperti mana yang diwar-warkan oleh....

TUAN SPEAKER : Masa bertanya sudah habis Y.B. Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Sekejap saya simpulkan bahawasanya jumlah air terawat akan begitu kritikal pada tahun 2014 dan saya ingin tahu siapakah penasihat-penasihat dan pakar-pakar air yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor sama ada di luar mahupun di dalam Negeri. Terima kasih.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker, penjelasan tentang perkara ini boleh diberikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan Unit Perancang Ekonomi dia tiap-tiap hari dalam seminggu dia mengadakan pemantauan. Jadi jawapannya ada pemantauan yang dibuat oleh negeri supaya jangan ada keadaan yang air tidak cukup. Kedua, KDED (Kumpulan Darul Ehsan Berhad) sejak bulan Disember dan November tahun lepas telah mengambil pekerja yang mempunyai keupayaan untuk memantau tentang keadaan penawaran air terawat di negeri dan untuk itu Kerajaan Negeri akan membuat satu majlis penerangan tiap-tiap bulan kepada mereka-mereka yang berminat mengetahui tentang keadaan air di negeri Selangor.

Jawapan yang ketiga, ialah dari penjelasan saya Langat 2 adakah perlu atau tidak. Jawapannya dia perlu tetapi dengan kiraan *economic value* kepada negeri, maknanya kita perlu jika harga yang kita ambil itu secocok dengan jangkaan kita kerana yang akan membayarnya ialah pengguna-pengguna negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Puan Speaker, masalah tentang kehilangan *non revenue water* sebanyak 30% yang tinggi ini melibatkan perbelanjaan yang tinggi menyebabkan perbelanjaan yang besar terutamanya bagi mengganti sistem paip yang ada yang menyebabkan kebocoran. Jadi saya ingin tahulah kepada Y.A.B. Menteri Besar apakah langkah-langkah yang akan diteruskan oleh SYABAS ini dalam membelanjakan perbelanjaan akan tidak dihalang dan begitu juga apakah langkah-langkah sokongan daripada Kerajaan Negeri untuk mengurangkan, tadi Y.A.B. Menteri Besar ada sebut nak kurangkan, tapi apakah langkah-langkah untuk mengurangkan daripada Kerajaan Negeri bagi membantu supaya kehilangan air ini dapat diatasi dengan masa yang segera. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker, pada soalan Y.B. Sungai Burong nampaknya telah mendapat *briefing* dari Puncak Niaga, jadi oleh sebab itu saya cadangkan juga Sungai Burong menerima *briefing* dari Kerajaan Negeri. Jadi boleh dapat yang di mana kumpulan...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Itulah yang kita nak tau ini. Kita dapat maklumat juga. Minta penjelasan ya.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong minta Y.A.B. habiskan dulu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sebabnya untuk itu sebab saya dipandang oleh Puan Speaker kerana saya ada *injury time* itu sebab saya kata penyelesaiannya tidak dapat dijawab dalam masa 2 minit dijawab dalam masa penjelasan andaian-andaian daripada segi ukuran, tapi saya ingin memberitahu Sungai Burong Kerajaan Negeri sudah bersedia untuk mengadakan perbincangan secara profesional dengan Kerajaan Pusat demi untuk menentukan bahawa rakyat Selangor akan mendapat perkhidmatan air terawat dengan harga yang terbaik sama ada ia dari Langat 2 ataupun daripada mana punca-punca air yang ada di negeri Selangor sebab daripada kenyamanan

saya jumlah air yang ada di dalam negeri Selangor ialah 17,000 juta liter sehari kita perlukan hanya tak sampai 3,500. Saya tingkatkan sampai kepada 5,000, kalau 5,000 juta liter sehari pun air di negeri Selangor cukup untuk memberikan perkhidmatan tersebut. Sebab kita ada 17,000 kita perlu katalah 5,000 kita naikkan kepada 6,000 masih lagi air itu ada di negeri Selangor tapi jawapan saya kalau kita dah terbuat Langat 2 kita duduk bersama berbincang bagaimana menggunakan air dari Langat 2 iaitu air daripada Pahang dengan harga yang terbaik untuk rakyat negeri Selangor. Jadi Sungai Burong dan bersama dengan saya untuk menentukan rakyat Negeri Selangor membeli air dengan air dengan harga yang terbaik untuk mereka.

TUAN SPEAKER : Baiklah soalan seterusnya, soalan 69 telah dijawab bersekali dengan soalan 22.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Y.A.B. Menteri Besar belum menjawab soalan saya.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong minta duduk dulu. Masa menjawab sudah habis. Sungai Burong saya minta duduk.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Bukan nak bahas, tadi sebab penjelasan tadi ...

TUAN SPEAKER : Sungai Burong, saya minta duduk.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Y.A.B. Menteri Besar dia jawab pasal penstrukturan air, saya tanya pasal...

TUAN SPEAKER : Saya kena guna Peraturan Tetap, Sungai Burong...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya ingat Y.A.B. Menteri Besar tak keberatan untuk menjawab soalan saya.

TUAN SPEAKER : Peraturan Tetap No. 42 mesyuarat hendaklah diam semasa pengerusi bercakap. Terima kasih ya. Ok, soalan 70 Bukit Antarabangsa tidak hadir. Dusun Tua.

Y.B. TUAN ROZALY BIN HASSAN : Terima kasih Puan Speaker, soalan saya No. 71.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

TAJUK : CAPAIAN MAKLUMAT

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan capaian maklumat di kawasan luar bandar di Negeri Selangor.
- b) Sila nyatakan keberkesanan promosi wifi percuma di kawasan-kawasan luar bandar di Negeri Selangor.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI : Terima kasih Puan Speaker, soalan daripada Dusun Tua ialah tentang capaian maklumat. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri Selangor bagi meluaskan capaian maklumat kepada rakyat Negeri Selangor adalah :

i. Menyediakan kemudahan WIFI Percuma kepada rakyat

Kerajaan Negeri Selangor telah mula memberikan perkhidmatan wifi secara percuma bermula pada tahun 2010 dengan pelaksanaan Projek Wifi atau dikenali sebagai “*Wireless Selangor*” ianya adalah usaha Kerajaan Negeri memperluaskan kemudahan *wireless* jalur lebar dan akses Internet ke semua kawasan di Negeri Selangor. Perkhidmatan yang ditawarkan ini membolehkan kemudahan capaian Internet tanpa wayar ini akan dinikmati oleh rakyat Selangor dengan percuma.

Berdasarkan sambutan dan penerimaan rakyat Selangor pada tahun 2012 dengan penggunaan peruntukan Geran Selangorku, kerajaan negeri Selangor telah menambahkan 112 lokasi lagi di seluruh negeri Selangor sama ada di luar bandar dan di bandar.

ii. Menyediakan Pusat Siber Rakyat (PSR)

Pusat Siber Rakyat ini ataupun PSR ini adalah langkah Kerajaan Negeri untuk mengurangkan jurang capaian Internet dan informasi sama ada untuk masyarakat di bandar dan juga di luar bandar. Ia adalah sebagai usaha Kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang berpengetahuan. PSR ini iaitu Pusat Siber Rakyat ini ditubuhkan bagi meningkatkan pendidikan komputer dan mengupayakan komuniti luar bandar mendapat akses dan menggunakan maklumat bagi meningkatkan taraf sosial ekonomi mereka. Beberapa program khusus juga akan dirancang dan dilaksanakan bagi melengkapkan sama ada orang kurang upaya, warga emas, pengusaha perusahaan mikro, ibu tunggal, belia dan golongan miskin di bandar dengan menggunakan perkhidmatan ICT dan seterusnya membantu peningkatan proses pembelajaran khususnya kepada mereka yang kurang berkemampuan.

PSR ini telah dilaksanakan sebanyak 15 lokasi yang bermula tahun 2009 hingga 2011. Lokasi-lokasi ini adalah :

- 1) PSR Perpustakaan Awam Bestari Jaya, Kuala Selangor.
- 2) PSR Perpustakaan Klang.
- 3) PSR Perpustakaan Awam Semenyih, Hulu Langat.
- 4) PSR Perpustakaan Desa Kampung Melayu, Ampang, Gombak.
- 5) PSR Sultan Abdul Samad, Banting.
- 6) PSR Dewan Kempas Seksyen 19, Shah Alam.
- 7) PSR Pusat Komuniti Kampung Kuantan, Klang.
- 8) PSR Perpustakaan Daerah Sabak Bernam.
- 9) PSR Perpustakaan Daerah Gombak.

Hinggalah yang ke 15 iaitu pekan Hulu Bernam. Lima lagi PSR akan ditempatkan di beberapa PSR desa dan bandar

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sementa, masa menjawab sudah habis.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Tuan Speaker, soalan nombor 72.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK: PROJEK DATUM JELATEK OLEH PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI Selangor (PKNS)

72. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini projek berkenaan?
- b) Apakah bentuk-bentuk faedah atau manfaat khusus yang diterima oleh pemilik asal premis berkenaan?
- c) Apakah kerajaan negeri bercadang untuk meneruskan projek pembangunan semula seperti projek Datum Jelatek di bandar-bandar utama di negeri Selangor?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker, Permatang membangkitkan tentang isu projek Datum Jelatek oleh PKNS. Saya akan mengedarkan kepada Permatang, penjelasan tentang projek Datum Jelatek yang disediakan oleh pihak PKNS. Kesimpulan dari soalan yang dibangkitkan oleh Permatang, pertama; permit *developer of license* telah akan bermula pada akan kita terima dari, satu daripada MPAJ Ampang Jaya dan juga daripada Kementerian Perumahan. Untuk pelaksanaannya bermula daripada bulan Julai ini. Kedua, pembangunan projek Datum Jelatek di Taman Keramat di mana *building plan* yang telah diluluskan pada 8hb. Mei 2013. Mereka yang memenangi tender akan diberikan kelulusan untuk memasuki tapak pada 30hb Mei 2013. Kedua, dari kenaikan di sini yang diberikan pemilik 192 unit yang terlibat akan mendapat tawaran 3 kali ganda dari tawaran yang diambil kira oleh Jabatan Penilaian. Pembangunan Datum Jelatek di pusat bandar Keramat adalah pembangunan semula iaitu *urban redevelopment* dan bersesuaian dengan keadaan setempat. Walau bagaimanapun, kita akan menentukan sekurang-kurangnya 50% masyarakat bumiputera ataupun usahawan bumiputera akan terlibat dalam projek ini.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih, Dato' Menteri Besar, saya ke belakang sedikit walaupun projek ini telah diluluskan. Saya nak minta penjelasan sama ada sewaktu pengambilan tanah ini dibuat sama ada pertama; adakah melalui perundingan dengan peserta ataupun menggunakan akta Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah Tahun 1960 ataupun menggunakan kaedah yang ketiga melalui pendengaran awam dan yang kedua soalan saya ialah; apakah Jabatan Penilaian ada juga mengambil penilaian pihak swasta dalam menentukan nilai pampasan yang diberi kepada peserta-peserta sebelum ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Memandangkan masa penjelasan ini agak singkat, saya nak tunjukkan contoh yang akan diterima oleh Permatang tentang kajian yang dibuat. Untuk kediaman, tawaran PKNS ialah RM300,000.00. nilai *Raine and Horne* ialah RM130,000.00. Nilai JPPH Jabatan Penilaian Negara ialah RM165,000.00. Untuk kedai, tawaran PKNS ialah antara RM450,000.00 dan RM500,000.00. Nilai *Raine and Horne* ialah RM140,000.00 ke RM160,000.00. Nilai yang dibuat oleh Jabatan Penilaian ialah RM155,000.00 dan kepada RM167,000.00. Jadi daripada maklumat ini menunjukkan PKNS telah memberikan harga yang jauh lebih tinggi daripada penilaian-penilaian tersebut.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker. Saya amat berterima kasih di atas penjelasan Yang Amat Menteri Besar tadi yang bersetuju

untuk menaikkan tawaran hingga 3 kali ganda, tetapi berasaskan kepada penilaian, walaupun 3 kali ganda dengan harga rumah yang ditawarkan yang paling murah ada RM700,000,00 ini masih di luar kemampuan penduduk di situ untuk tinggal di situ. Mereka boleh dapat wang itu untuk keluar tempat lain

TUAN SPEAKER : Sungai Burong soalan, terus kepada soalan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Soalan saya apakah dengan cara ini kita sebenarnya perlu membantu, apakah cara ini perlu kita membantu supaya pemilik-pemilik yang itu tidak kehilangan langsung dapat tanah yang saya rasa tujuan asal untuk memberikan apa orang kata peningkatan ekonomi kepada mereka yang baik.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya juga akan Puan Speaker mengedarkan maklumat yang diterbitkan oleh PKNS mengenai keadaan pemilik-pemilik yang 119 daripada mereka yang terlibat di dalam projek ini 192 dan mereka hanya 14 yang telah dinyatakan dalam kajian kita yang tak setuju, yang lain tu semua setuju dan bagaimana penggunaan dana mereka. Jadi kita telah berikan itu. Itu menunjukkan 192 masyarakat bumiputera menerima pampasan yang sesuai. Kedua, soalan yang kedua ialah apa jadi kepada projek tersebut. Dari projek tersebut, sekurang-kurangnya 337 keluarga baru bumiputera yang akan memiliki projek tersebut. Dari 192 kita telah meningkat kepada 300 sekurang-kurangnya 37 yang sanggup memiliki hartanah di kawasan tersebut. Jadi daripada segi pembangunan peningkatan hartanah masyarakat bumiputera dia bertambah lebih baik daripada keadaan yang ada sekarang.

TUAN SPEAKER : Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Terima kasih Puan Speaker, soalan 73.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK: PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menjunjung Perjanjian Cancun?
- b) Sila berikan jumlah penggunaan beg plastik di Selangor sebelum dan selepas kempen *Non Plastic Bag Day*.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Damansara Utama. Saya juga akan jawab sekali dengan soalan 109. Puan Speaker, Perjanjian CUNCUN yang dibuat pada 11 Disember 2010 di Mexico semasa persidangan 2010 *United Nations Climate Change Conference* telah memberi satu peluang kepada kerajaan Pusat untuk

mengumumkan pengurangan pelepasan gas rumah hijau dengan izin *greenhouse gases* sehingga 40%. Jadi ada 3 teras.

Satu adalah Teras Kecekapan Penggunaan Tenaga (*Energy Efficiency*). Di negeri Selangor apa yang kita telah buat ialah kita telah memberi satu insentif melalui beberapa PBT iaitu insentif kepada pemaju-pemaju supaya mereka boleh membina atau pun dapat diskaun bila mereka membangunkan *green building* ataupun bangunan hijau dan insentif ini diskaun dengan izin *infrastructure service fund*.

Selain daripada itu teras kedua tenaga yang boleh diperbaharui *renewable energy*. Di negeri Selangor kita telah membuat satu projek khas dua tahun yang lalu iaitu membangunkan satu mini hidro di kawasan luar bandar iaitu dekat Hulu Langat di kawasan perkampungan orang asli di mana mereka sekarang boleh dapat tenaga melalui mini hidro, mikro hidro 3 kg watt dan boleh menjanakan tenaga untuk 35 biji rumah. Selain daripada itu kita memang menggalakkan PBT-PBT untuk masuk dalam skim SEDA supaya mereka boleh dapat jana tenaga *renewable energy* tenaga suria dan sebagainya dan boleh dapat sedikit ganjaran daripada Kerajaan Pusat.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Soalan tambahan

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Saya belum habis, tunggu, sabar, sabar. EXCO juga telah mengarahkan EXCO PBT untuk mengkaji projek-projek dengan izin *waste to energy project* di mana teras ketiga iaitu pengurusan sisa pepejal boleh diuruskan secara baik. Dari JPBD Jabatan Perancangan Desa dan Bandar, satu garis panduan khas kejiranan hijau yang telah diluluskan dan semua PBT diarahkan untuk merancang melalui ataupun mengikut garis panduan tersebut.

Kerajaan Negeri pada 3 April 2013 juga telah memutuskan untuk memutuskan satu kajian penyelidikan di mana *greenhouse gasses* boleh diukur di mana kita ingin tahu juga bagaimana cara kita boleh jimat ataupun kurangkan *greenhouse gasses* di negeri Selangor.

Dengan izin Puan Speaker, saya akan teruskan dengan soalan (b) iaitu tentang Kempen Hari Tanpa Beg Plastik. Damansara Utama menanyakan berapa kita telah jimat pada tahun pertama mengikut anggaran dan juga data yang diberi oleh pengusaha-pengusaha lebih daripada 5 juta beg plastik telah berjaya dikurangkan dan kita akan terus dalam kempen ini dan pada tahun 2018 kita jangka akan ada bukan satu hari tetapi setiap hari akan jadi hari tanpa beg plastik. Dan perancangan kita juga bukan sahaja beg plastik tetapi kita juga telah membuat keputusan EXCO untuk mengurangkan kegunaan kertas yang tidak mesra alam dan menggunakan kertas kitar semula dengan izin *recycle paper*.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN : Nak tanya Y.B. EXCO, saya tahu tentang kempen-kempen dan inisiatif-inisiatif untuk menurunkan *greenhouse gasses* dengan izin tetapi pernahkah Kerajaan Negeri mengira berapa *percentage* atau peratus yang telah kita menurunkan *greenhouse gasses* itu dan berapa jauh kita daripada sasaran 40% penurunan *greenhouse gasses*, *thank you*.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Damansara Utama. Bukan sahaja kerajaan negeri tidak ada satu indeks untuk mengukur *greenhouse gasses* tetapi kerajaan Pusat setakat ini belum keluar indeks tersebut. Oleh sebab itu, tadi saya sudah sebut pada 3hb. April 2013 kerajaan negeri Selangor mengambil inisiatif sendiri untuk adakan satu kajian khas supaya kita menetapkan indeks-indeks tersebut mengikut kajian Cancun dan sebagainya, ikut *standard* piawai Piawai *International* antarabangsa supaya kita sendiri boleh ukur pengurangan ataupun penambahan *greenhouse gasses* di negeri Selangor.

Y.B. TUAN NG SZE HAN : Soalan tambahan

TUAN SPEAKER : Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Kinrara ingin nak tanya, adakah kerajaan negeri akan mewajibkan semua jenis perniagaan runcit di Selangor untuk menyertai kempen tanpa beg plastik dan kedua berapakah bangunan setakat ini berapakah bangunan di negeri Selangor telah mendapat *green building index* Sijil *Green Building Index*, terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Kinrara. Untuk jawapan yang kedua tadi (berapa bilangan bangunan), saya perlu jawab melalui tulisan kerana saya tidak ada data dengan saya. Syarat-syarat yang boleh dikenakan kepada peruncit-peruncit itu, saya juga perlu kerjasama daripada EXCO PBT di mana hanya melalui PBT kita boleh mensyaratkan peruncit-peruncit ataupun perniagaan-perniagaan untuk kurangkan atau langsung tidak memberi beg plastik secara percuma.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bila bertanyakan soalan tambahan kena berkaitan dengan soalan pokok. Tak boleh keluarkan soalan yang nak statistik berkenaan isu lain yang tak adil lah untuk pihak kerajaan nak dapatkan statistik *on the spot* untuk menjawab ya. Ok, soalan tambahan terakhir Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Puan Speaker. Soalan tambahan saya ada berkenaan dengan pengurangan *Green House Gas*. Apakah cadangan kerajaan negeri untuk program *adaptation* berbanding program *mitigation* berbanding penggunaan dana untuk *adaptation* (dengan izin) berbanding dengan menggunakan wang ataupun usaha untuk mengurangkan *Green House Gas*? Dan kedua, adakah ia akan menjadi wajib kepada semua pembangunan baru untuk mengikut *green building index* ataupun insentif sahaja dalam masa depan yang terdekat?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Bukit Gasing. *Green building index* itu setakat ini bukan semua PBT yang mengikut ataupun yang ada insentif tersebut kerana insentif tersebut harus datang daripada PBT sendiri ataupun akaun PBT. Jadi, kalau *financial accounts* (dengan izin) PBT tersebut memang cukup baik (sebagai contohnya Petaling Jaya, Subang Jaya dan juga Shah Alam), jadi mereka boleh memberi insentif tersebut. Kalau mereka tidak ada (sebagai contohnya jauh, di luar bandar dan sebagainya), memang mereka pada setakat ini tidak ada *financial capability* (dengan izin) untuk memberi insentif tersebut. Walau bagaimanapun, kita juga perlu kaji bolehkah kerajaan negeri memberi insentif selain daripada yang diberi oleh PBT.

Soalan yang sebelum itu (adaptasi ataupun mitigasi), *I have no idea what you're talking about* (dengan izin). Tapi saya akan cuba jawab. Setakat ini betul. Bukan saja Malaysia ataupun negeri Selangor tetapi boleh dikatakan sekarang kita semua kerajaan cuba *mitigate* ataupun mengurangkan ataupun mengurangkan kesan-kesan daripada *Green House Gas* ataupun perubahan iklim dan setakat ini sama juga di negeri Selangor, kita belum di tahap adaptasi di mana ia menjadi satu tabiat ataupun *it's becomes rain natural*. Jadi, saya memang cadangkan mungkin Bukit Gasing boleh memberi beberapa cadangan-cadangan ataupun syor-syor kepada kerajaan negeri di mana kita boleh menuju ke adaptasi dan bukan mitigasi.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bila bertanyakan soalan tambahan tanya satu sahaja. Jangan 'soalan pertama saya ini, soalan kedua saya ini', tak adil kepada orang lain ya. Baiklah, soalan 74 telah dijawab sekali dengan soalan 17. Gombak Setia.

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN : Puan Speaker, soalan nombor 75.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PROGRAM BELI DAN ANAK MUDA

75. Golongan belia dan anak muda adalah merupakan kelompok yang perlu diberikan perhatian sewajarnya.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sejauh manakah peluang pekerjaan disediakan oleh anak syarikat kerajaan negeri kepada Belia?
- b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan negeri bagi membantu anak muda yang terhimpit dengan kos sara hidup yang

tinggi seperti perlu menanggung yuran tinggi anak-anak di tadika dan taska?

- c) Adakah kerajaan negeri bercadang untuk membina Pusat Kegiatan Belia di semua DN?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Puan Speaker. Gombak bertanya berkaitan dengan keterlibatan anak syarikat kerajaan negeri di dalam memberikan peluang pekerjaan kepada warga belia. Secara umumnya anak-anak syarikat kerajaan negeri ada yang bekerjasama dengan dan memberi peluang pendidikan kepada belia di negeri Selangor terutamanya dalam menyediakan latihan teknikal contohnya yang dikendalikan oleh Kolej Inpens Selangor dan latihan-latihan yang dijalankan oleh Kumpulan Perangsang Selangor di dalam Program Rangsangan Kerjaya Siswazah Selangor dan juga Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor yang telah dilakukan dan juga sedang di dalam aktivitinya dan saya kira ini adalah usaha-usaha untuk merupakan titik permulaan kepada belia di dalam membantu mereka mendapatkan peluang pekerjaan di masa akan datang.

Berkaitan dengan langkah-langkah kerajaan negeri Selangor berkaitan dengan untuk membantu anak muda yang terhimpit dengan kos sara hidup yang tinggi seperti menanggung yuran tinggi anak-anak di tadika dan juga taska. Buat masa ini, kerajaan negeri ada memperuntukkan insentif kepada untuk penjagaan anak-anak di tadika dan juga di taska seperti mana dalam Program Melestari Ekonomi Selangor dan juga kerajaan negeri saya kira di masa akan datang juga boleh membina mengikut keupayaan kita membina tadika-tadika dan juga taska-taska di bawah jabatan masing-masing dengan memberikan peruntukan yang mungkin lebih murah kalau nak dibandingkan dengan yuran-yuran tadika ataupun taska yang dijalankan oleh pihak swasta pada hari ini.

Berkaitan dengan cadangan kerajaan negeri, adakah kerajaan negeri bercadang untuk membina Pusat Kegiatan Belia di semua DN. Saya kira ini antara pandangan yang baik. Walau bagaimanapun, setakat ini kita masih belum ada lagi pusat-pusat Kegiatan Belia di peringkat DN-DN dan kita merancang perkara ini secara berperingkat-peringkat untuk memajukan pembangunan belia itu sendiri. Antaranya Kerajaan Negeri telah mengadakan ataupun membina beberapa dataran anak muda dan juga gelanggang serba guna di DN-DN dan kita merancang untuk mengadakan setiap Dewan Negeri (setiap DN) akan ada satu gelanggang serba guna dan juga dataran anak muda. Setakat ini lebih kurang 20 gelanggang serba guna dan dataran anak muda telah siap dan saya kira yang penting adalah pengisian yang boleh dilakukan oleh anak-anak muda terutamanya struktur penggerak belia tempatan yang ada di negeri Selangor yang telah kita perdayakan dengan kewangan ataupun peruntukan yang kita berikan kepada mereka. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Puan Speaker, soalan 76.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK : PERKEMBANGAN EKONOMI

76. Selangor adalah negeri termaju dan penyumbang utama KDNK negara.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah indikator penting perkembangan ekonomi negeri 2013?
- b) Apakah pencapaian utama ekonomi Selangor sejak lima tahun pentadbiran kerajaan Pakatan?
- c) Apakah dasar dan hala tuju ekonomi negeri respons terhadap kelembapan ekonomi dunia?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker, Sungai Burong menanyakan tentang perkembangan ekonomi. Jadi, indikator tentang untuk pada tahun 2013 dan juga pencapaian utama ekonomi Selangor sejak lima tahun dan dasar dan hala tuju ekonomi negeri terhadap kelembapan ekonomi dunia. Dalam masa tiga minit tidak akan dapat dijawab tapi jawapan yang pertama ialah pertumbuhan ekonomi negara iaitu antara 5 ke 6 peratus akan memberi kesan kepada ekonomi negeri Selangor. Alhamdulillah, Selangor pada dasarnya mendahului ekonomi Malaysia dari segi peratus pertumbuhan. Kedua, bahawa salah satu daripada perkara utama yang kita mesti perhatikan ialah adakah negeri Selangor dapat peratus pertumbuhan lebih daripada negeri Malaysia secara purata? Jawapannya ialah benar. Selangor pada kebiasaannya mempunyai peratus pertumbuhan lebih tinggi dari negara Malaysia.

Kedua, ialah apakah keadaan ekonomi dunia yang akan memberi kesan kepada Selangor? Jawapannya ialah negara China telah menunjukkan keadaan ekonomi yang mula tidak mencapai *double digit growth* (maksudnya pertumbuhan yang tidak meningkat sampai 10 ke 12 peratus). Oleh kerana itu, keadaannya akan memberi kesan kepada negara Malaysia dan juga Selangor. Pengumuman yang dibuat oleh negara China bahawa pertumbuhan pada 2013 dan 2014 adalah hanya kepada tahap 5 ke 6 peratus akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negeri Selangor dan Malaysia.

TUAN SPEAKER : Y.A.B. Dato' Menteri Besar, masa menjawab sudah habis. Saya minta Yang Amat Berhormat bagi jawapan bertulis kepada Y.B. Sungai Burong.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Dah siap pun. Dah siap jawapan.

TUAN SPEAKER : Ok.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Puan Speaker.
Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Memang benarlah. Saya berterima kasih kerana Y.A.B. Menteri Besar telah menyediakan jawapan bertulis. Memang masa tak cukup. Saya ingin mencadangkan kalau boleh kita cadangkan supaya jawapan 3 minit ini terlalu pendek ya. Ini sebagai komenlah. Tapi soalan saya yang kedua ialah memang perlunya negeri Selangor untuk menghadapi cabaran sebagai *leading state* dari segi ekonomi. Soalan saya ialah apakah keutamaan dari segi tumpuan sektoral untuk menjadikan sebagai tunjang utama untuk memastikan negeri Selangor ini dapat meningkatkan ekonomi yang tinggi? Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker. Secara ringkas, kita mesti menerima hakikat bahawa industri negeri Selangor mesti tertumpu pada apa yang dipanggil *service industry* iaitu industri yang bertunjangkan kepada perkhidmatan dan negeri Selangor mempunyai fokus kepada *education services* seperti kewangan dan juga perkhidmatan yang dipanggil dalam bentuk apa yang dipanggil kesihatan. Dan ini telah dapat kita lihat. Dan perkara yang kedua adakah Selangor mesti berjaga tentang keadaan yang sebenar. Jawapannya ialah negeri Selangor mesti menentukan bahawa rakyat Selangor akan mendapat pekerjaan dan perkhidmatan yang ada *value added* nya kepada negeri.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku, soalan seterusnya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Kampung Tunku soalan 77.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: PEMILIHAN AHLI MAJLIS MELALUI PILIHAN RAYA DAN ELAUN AHLI MAJLIS

77. Kerajaan bercadang untuk mengadakan pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui cara pilihan raya.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah kerajaan sudah menyediakan draf pelaksanaannya dan dijangkakan paling awal ia dapat dilaksanakan?

- b) Adakah kerajaan setuju bahawa elaun bulanan Ahli Majlis adalah terlalu rendah dan ia perlu dinaikkan mengikut peredaran masa?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Puan Speaker, soalan (a) untuk soalan No. 77 telah pun dijawab semasa saya menjawab soalan no. 9. Untuk bahagian (b), Kerajaan Negeri akan mengkaji sama ada elaun Ahli Majlis semasa adalah bersesuaian dan perlu dinaikkan.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO sama ada Kerajaan telah menetapkan satu rangka masa untuk mencapai keputusan akhir tentang soalan yang saya tanya itu.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Perkara ini bukan satu perkara yang mendesak jadi tidak ada sebab mengapa satu jangka masa perlu kita lebih menumpukan kepada perkara-perkara lebih penting seperti pelupusan sampah, juga pemilihan Ahli Majlis. Saya kira itu adalah perkara yang penting. Secara umumnya Ahli Majlis Perbandaran yang besar seperti Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Subang Jaya selain daripada elaun asal mereka juga mempunyai elaun mesyuarat yang jauh lebih tinggi daripada ADUN itu sendiri yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Anggerik. Sekarang ini untuk Ahli Dewan Negeri adalah sebanyak RM75.00 sehari. Sementara untuk Ahli Majlis adalah RM150.00. Dua kali ganda lebih tinggi daripada ADUN dan sementara itu, ADUN bermesyuarat 20 hari lebih kurang dalam setahun. Sementara itu, banyak Ahli Majlis dalam majlis yang besar bermesyuarat lebih daripada itu. Jadi oleh itu, perkara itu bukan satu perkara yang mendesak untuk meminta satu rangka masa yang hendak ditetapkan.

TUAN SPEAKER: Batu Caves. Tidak hadir. Lembah Jaya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: SEKOLAH AGAMA

79. Di kawasan Ampang dan Pandan terdapat tapak untuk dibina Sekolah Menengah Agama.

Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Di atas permintaan yang tinggi, bilakah agaknya sekolah ini akan dibina?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHY : Puan Speaker, terima kasih kepada Lembah Jaya. Lembah Jaya ingin bertanya berkaitan dengan bagi kawasan Ampang

dan Pandan terdapat tapak untuk dibina sekolah menengah. Jadi soalnya di atas permintaan yang tinggi bilakah agaknya sekolah akan dapat dibina. Tapak-tapak Sekolah Agama Menengah di Ampang dan Pandan, sedang dikenal pasti kesesuaiannya dari segi keluasan, kedudukan dan lainnya. Insya-Allah ianya akan dimasukkan ke dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Yang Ke 11 sekiranya kajian mendapati is sesuai dan peruntukan telah diperolehi.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK: PENSTRUKTURAN INDUSTRI AIR

80. Kerajaan Negeri yang baru dibentuk berikrar untuk menyelesaikan masalah pengurusan industri air negeri secepat mungkin.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah Kerajaan Negeri yakin dapat menyelesaikan walaupun gagal 5 tahun lalu?
- b) Apakah langkah dan faktor yang membolehkan masalah ini segera diatasi?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sungai Panjang bertanyakan tentang kemajuan penyusunan semula industri air. Saya telah membuat beberapa kenyataan termasuk semalam yang Kerajaan Negeri akan mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan mengenai perincian tentang pelaksanaan penyusunan semula industri air seperti yang dipersetujui dalam Akta 655 iaitu Akta Penyusunan Semula Industri Air Malaysia. Apakah langkah yang untuk menyegerakan perkara ini jawapannya inisiatif ini sudah kita buat. Saya telah menulis surat kepada Perdana Menteri dan Perdana Menteri telah memberi jawapan untuk menentukan bahawa penyusunan semula dapat dipercepatkan.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: PENURUSAN SISA PEPEJAL OLEH PBT

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan apakah keberkesanan pengurusan sisa pepejal yang dikendalikan sendiri oleh PBT?
- b) Sila nyatakan berapakah jumlah penjimatan yang dapat diperolehi oleh setiap PBT jika dibandingkan semasa pengurusan di bawah Syarikat Alam Flora?
- c) Sila kemukakan pendekatan-pendekatan proaktif yang dilakukan oleh pihak PBT dalam menangani permasalahan sisa pepejal.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Puan Speaker, pengurusan sisa pepejal yang dikendalikan sendiri oleh PBT berkesan dalam penggunaan kos yang selama ini dibayar oleh Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd. Dengan cara melantik cara terus syarikat-syarikat yang sebelum ini menjadi sub kontraktor syarikat kepada AFSB. Di samping dengan penyelenggaraan sendiri pihak PBT juga dapat memantau kerja pengendalian sampah secara terus dan pegawai atau kakitangan PBT yang mengendalikan pengurusan sampah ini dapat mempelajari dan menangani pengurusan sisa pepejal di kawasan PBT masing-masing. Jumlah penjimatan yang diperolehi PBT berbanding dengan kendalian Syarikat AFSB adalah sebanyak RM53 juta, RM53.800,076.00 dan butir-butirnya akan dihantar kepada YB Sekinchan. Antara langkah proaktif yang telah dijalankan oleh pihak PBT adalah seperti pertama talian *hotline*, aduan sampah, dua, *squad* rayau mencari dan mengutip sampah, tiga unit *flying squad* atau Unit Tindakan Khas menjalankan kerja *backup* kutipan sampah, empat, Perjumpaan secara terus pihak PBT dengan kontraktor, lima, pengezonan semula kendalian di perkecilkan. Dan enam kutipan sampah 2 kali sehari kawasan Pusat Bandar.

Y.B. TUAN NG SUE LIM : Puan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih. Yang Berhormat Sungai Pinang, saya minta penjelasan sedikit mengenai dengan perbezaan antara sewaktu sistem pepejal ini dikendalikan oleh swasta, dan sekarang di bawah PBT, penjimatan itu RM53 juta lebih ini sama ada dalam tempoh masa berapa lama yang penjimatan RM53 juta ini dan keduanya adakah kerajaan bercadang untuk tak boleh dua, satu sahaja. Tak belah dua, satu sahaja soalnya. (Ketawa).

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya, Yang Berhormat, untuk perkhidmatan ini adalah selama setahun. Kita ambil jumlah pembayaran yang perlu dibayar menolak apa tu yang telah pun dibayar sendiri oleh pihak oleh PBT selepas kita ambil alih. Jadi semasa Alam Flora menjalankan tugas ini bayaran setahun adalah RM220 juta. Sementara itu, selepas PBT mengambil alih jumlahnya berkurang menjadi RM166 juta. Jadi perbezaannya adalah RM153 juta. Terima kasih.

TUAN SPEAKAR: Taman Medan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: DASAR PENGURUSAN TANAH NEGERI SELANGOR

82. Tawaran memiliki tanah kepada warga Selangor telah diwar-warkan sejak 2011, namun sehingga hari ini maklumat berkenaannya tidak dapat diperolehi hatta di Pejabat-pejabat Tanah dan Daerah.

Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status tanah yang ditawarkan?
- b) Apakah syarat-syarat layak untuk pemilikan tanah tersebut?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Taman Medan membangkitkan dan soal dasar pengurusan tanah Negeri Selangor. Apa status tanah yang ditawarkan kepada peneroka tanah. Pada bulan Jun 2011 Kerajaan Negeri telah melaksanakan program bagi pemilikan tanah kepada warga Selangor. Program ini dilaksanakan khas kepada individu yang telah mengusahakan dan menduduki tanah begitu lama dan daerah-daerahnya secara untuk makluman Hulu Selangor 1,210, Hulu Langat 1,328, Kuala Selangor 130, Petaling 536, Sepang 604, Kuala Langat 25, Gombak 1,213, Sabak Bernam 1,736 dan Klang 39. Iaitu 6,998 telah diselesaikan. Jadi syarat-syarat kelayakan individu yang telah menduduki tanah kerajaan. Individu yang telah luput pajakan itu kedua-duanya.

Soalan tambahan Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK: PERTANIAN

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Mohon Y.A.B. Dato' Menteri Besar beri penjelasan apakah jenis pertanian utama di Negeri Selangor yang diberi tumpuan utama?
- b) Berapakah jumlah bajet yang telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut?

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI : Puan Speaker terima kasih kerana Tanjung Sepat ingin penjelasan berkaitan dengan jenis pertanian utama di Negeri Selangor yang

diberi tumpuan utama. Kerajaan Negeri memberi fokus utama kepada projek peningkatan hasil padi. Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (PKPM) dan juga projek pembangunan sayur-sayuran dan juga buah-buahan. Di samping membantu petani yang mengusahakan tanaman lain seperti kelapa, bunga dan *nursery*, herba, cendawan, umbisi dan juga nanas. Industri Asas Tanah juga memberikan tumpuan untuk banyakkkan industri hiliran hasil pertanian. Soalan yang kedua, ingin penjelasan berkaitan jumlah bajet yang telah di peruntukan untuk tujuan tersebut. Sebagai jawapannya bajet pembangunan bagi projek-projek yang dinyatakan bagi tahun 2013 adalah seperti berikut :-

Bagi Pembangunan Taman Agro Teknologi RM1.4 juta. Pembangunan Tanaman Makanan RM5,040,000.00. Pembangunan Tanaman Industri RM300,000.00. Pembangunan Industri Bunga dan Taman Hiasan RM200,000.00. Pembangunan Industri Asas Tani RM1,251,000.00. Pembangunan Pertanian Bersepadu RM700,000.00 dan Pembangunan Tanah terbiar RM250,000.00. menjadikan angka keseluruhan peruntukan ialah RM9,141,00.00. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN : Terima kasih Puan Speaker, bagi memastikan produktiviti pertanian ini dapat dipasarkan dengan cepat prasarana dan sokongan perlulah ditingkatkan seperti jalan dan juga parit serta pemetung-pemetung. Jadi sejauh manakah Kerajaan Selangor mengambil perhatian dan tindakan terhadap masalah yang dihadapi oleh petani-petani ini.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Terima kasih. Berkaitan dengan hal yang demikian. Sebab itu pertanian akan menerima laporan daripada pihak yang terlibat dan satu kerjasama dengan pihak JPS terutama sekali dan yang berkaitan dengan perparitan akan cuba diusahakan untuk membantu petani untuk menyelesaikan masalah.

TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, Puan Speaker. Soalan tambahan saya kepada EXCO Pertanian. Berkenaan dengan Dasar Pertanian yang Kerajaan Negeri laksanakan, adakah Kerajaan Negeri mengenal pasti tanah-tanah tertentu, tanah-tanah kosong yang tidak diusahakan dibuat satu perancangan khusus dan diberi peluang kepada petani-petani yang ingin berusaha untuk mengendalikan, mengusahakan tanah-tanah kosong tersebut. Kerana setakat ini saya nampak kekurangan sangat tanah-tanah ini untuk ditawarkan kepada petani yang mempunyai inisiatif. Terima kasih.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI : Terima kasih kepada Sekinchan. Pelan itu sebenarnya di bincang dalam Pembangunan Desa yang bersekali dengan Pembangunan Tanah-tanah terbiar, tanah-tanah kosong. Namun, bentuk pertanian itu akan dibuat satu kajian supaya pertanian itu akan memberikan satu impak yang besar dan juga meningkatkan hasil petani-petani dan sebab itu tidak semestinya sama antara

satu tempat dengan tempat yang lain. Jadi sebab itu Jawatankuasa Kajian itu pun telah ditubuhkan dalam pembangunan Desa dan Insya-Allah akan bergerak bagi menentukan apakah bentuk pembangunan pertanian bagi tanah-tanah yang dicadangkan nanti. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Y.B. Puan Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(BATANG KALI)**

TAJUK: BANJIR KILAT HULU SELANGOR

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan perbelanjaan Majlis Daerah Hulu Selangor untuk menyelesaikan masalah-masalah banjir kilat di dalam DUN Batang Kali dari tahun 2008 hingga 2013.
- b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Majlis Daerah Hulu Selangor dalam menyelesaikan masalah-masalah berkenaan.
- c) Namakan kawasan-kawasan kerap banjir termasuk banjir kilat yang di dalam tindakan Majlis Daerah Hulu Selangor di dalam DUN Batang Kali.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Y.B. Puan Speaker, Batang Kali bertanyakan berkaitan dengan banjir kilat di Hulu Selangor dan peranan Majlis Daerah Hulu Selangor. Jawatankuasa Bencana Alam adalah dianggotai oleh Pegawai Daerah dan Ahli Jawatankuasa terdiri daripada jabatan-jabatan yang berkenaan atau berkaitan di daerah-daerah tersebut dan antaranya adalah Pihak Berkuasa Tempatan. Berkaitan dengan banjir kilat di Hulu Selangor setakat ini saya masih belum mendapat lagi senarai perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh Majlis Daerah Hulu Selangor bagi banjir kilat 2008 sehingga 2013 bagi DUN Batang Kali dan Insya-Allah sekiranya saya dapat senarai perbelanjaan itu saya akan utarakan atau serahkan kepada Batang Kali sebagai rujukan. Apa pun dalam beberapa perkara telah diambil untuk mengatasi masalah atau untuk menyelesaikan masalah-masalah banjir di kawasan Hulu Selangor. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Majlis Daerah Hulu Selangor antaranya bagi Kg. Sg. Masin dan Kg. Genting Manik adalah dengan membuat parit monsun yang mana ini akan dilaksanakan oleh pemaju Ligamas. Yang Kedua bagi Kg. Taman Seri Batang Kali membaiki parit-parit yang rosak yang menghalang sistem saliran dan berfungsi juga akan dilakukan dalam masa yang akan ditetapkan dan berkaitan dengan lokasi kawasan banjir kilat yang kerap berlaku adalah satu Taman Seri Batang Kali, bandar Utama Batang Kali, Kg. Batu 30 Ulu Yam Lama, Taman Seri Cahaya Batang Kali dan Taman Desa Anggerik Serendah. Terima Kasih.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN : Apakah mungkin kerana kita di beri satu soalan saja kan. Apakah mungkin Kerajaan Negeri memberi peruntukan khas untuk mengatasi masalah banjir di kawasan DUN Batang Kali terutamanya di Taman Batu 30 yang setiap lima atau tujuh hari bulan lima ini menyambut hari jadi banjir. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Saya kira Kerajaan Negeri akan melihat akan keperluan tersebut. Sekiranya benar-benar perlu untuk diadakan peruntukan khas sudah tentulah kajian atau pun laporan-laporan daripada jabatan-jabatan tertentu akan kita lihat terutamanya Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perparitan dan Jabatan Saliran dan sudah tentu kalau ada laporan daripada Majlis Daerah Hulu Selangor yang mengatakan ada keperluan di situ kita akan lihat dan kalau ada keperluan yang mendesak sudah tentulah Kerajaan Negeri tidak akan memandang ringan akan perkara ini dan peruntukkan-peruntukkan khas mungkin akan diturunkan mengikut keperluan daripada laporan-laporan atau pun kajian-kajian yang dilakukan. Terima kasih.

TUAN SPEKAER : Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WEY KENG : Terima kasih Puan Speaker. Soalan ke 85.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(TERATAI)**

**TAJUK: SKIM MEMBANTERAS KEMISKINAN DAN PENYELENGGARAAN
PANGSAPURI KOS RENDAH**

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan skim membanteras kemiskinan yang akan di laksanakan di DUN Teratai dalam tahun 2013 – 2017 dan berapakah peruntukan tahun 2013 yang telah di agihkan dan bakinya?
- b) Sama ada Kerajaan Negeri bersedia untuk tubuhkan 1 unit khas pembaikan lif rumah pangsapuri kos rendah memandangkan isu ini sentiasa berulang?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih kepada Teratai. Puan Speaker. Untuk menjawab soalan tersebut kita tidak ada program yang memang khusus untuk membanteras kemiskinan untuk DN-DN yang khusus yang adalah program menyeluruh bagi seluruh Negeri Selangor di mana ianya terbuka kepada rakyat Selangor tidak kira daripada mana-mana DN sekali pun. Untuk penjelasan saya ingin menyenaraikan di sini beberapa program-program membanteras kemiskinan di antaranya ialah program bantuan rumah kerajaan prihatin, program kemahiran teknikal,

di mana program kemahiran teknikal dengan kerjasama Kolej International Inpens di Kuala Selangor. Program bantuan *blue print* pembasmian kemiskinan, program bantuan kesihatan iaitu subsidi bagi rawatan hemodialisis untuk pesakit buat pinggang. Bantuan pemberian kanta untuk pembedahan katarak, bantuan kos pembedahan sehingga RM2,000 dan juga seterusnya ialah program bantuan niaga dan sepertimana yang kita tahu adalah program mikro kredit di mana memberi bantuan pinjaman mikro kredit tanpa faedah dan *charge* pengurusan daripada 1,000 kepada 5,000 dalam jangka masa pendek iaitu selama 18 bulan khusus untuk peniaga kecil. Kita juga ada program bantuan kerja ataupun *work fare* bagi membantu rakyat Selangor bagi berdikari dan mendapat menjana pendapatan sampingan dengan tawaran-tawaran pakej bantuan kerja yang disediakan. Dan seterusnya ada pakej mimbar iaitu mimbar Selangor menyediakan peralatan mimbar *cleaner* yang menyediakan peralatan mencuci permaidani berjumlah RM9,000 kepada sejumlah rakyat Negeri Selangor yang menepati syarat-syarat kelayakan bagi menambah pendapatan sampingan. Yang ke sembilan ialah program-program yang dilaksanakan oleh Lembaga Zakat Selangor. Bertolak kepada atau pun menjawab soalan tentang adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menubuhkan satu unit khas pembaikan lif rumah pangsapuri kos rendah memandangkan isu ini sentiasa berulang, sebenarnya kita dah ada satu unit iaitu unit ini adalah di bawah program ceria di mana Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor yang mengendalikan membaik pulih ataupun kerja-kerja baik pulih pangsapuri kos rendah dan sederhana yang melibatkan juga membaik pulih lif dan unit ini melantik kontraktor dan juga memantau akan kerja-kerja yang dilakukan. Setakat ini jumlah kawasan pangsapuri di mana lif telah di baiki sebanyak 30 kawasan dan dengan kos dengan jumlah unit sebanyak 117 unit lif dengan kos baik pulih lebih daripada RM6.3 juta. Oleh itu unit ini memang berpengalaman setakat ini untuk mengendalikan kerja-kerja membaik pulih lif di pangsapuri-pangsapuri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Puan Speaker, soalan saya soalan 86.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: PERLAKSANAAN PROJEK MELALUI TAWARAN TENDER TERBUKA
NEGERI SELANGOR**

86. Terdapat projek-projek yang ditawarkan melalui tender terbuka, telah lewat disiapkan mengikut jadual seperti dalam tawaran tender.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak projek yang ditawarkan melalui tender terbuka sepanjang tahun 2008-2012 dan berapa banyak projek yang telah terbengkalai atau lewat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan?

- b) Senaraikan projek-projek yang lewat siap mengikut nama projek, nama syarikat dan bilai projek mengikut daerah dalam Negeri Selangor.
- c) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan di ambil bagi memastikan projek ditawarkan melalui tender terbuka kerajaan siap dilaksanakan

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker, Kota Anggerik membangkitkan soal pelaksanaan projek melalui tender terbuka Negeri Selangor. Sejak 2011 kita mula melaksanakan usaha tender terbuka dan saya ingin nyatakan di sini untuk rekod bahawa 162 bilangan tender telah dibuat daripada 2011 sehingga 2013 iaitu anggaran jabatan, jumlah tender yang kita buka ialah 1286 juta. Jumlah perolehan maknanya kita buka tender tu dan kita buat tender ialah 1,026 juta. Jumlah penjimatan ialah RM270 juta. Jadi kajian yang kita buat ialah adakah dengan tender terbuka ini kita dapat penjimatan. Jawapannya ada. Kedua, adakah tender terbuka ini akan menyebabkan ada projek terbengkalai atau pun lambat. Jadi kita buat secara rundingan dan secara tender terbuka. Kita dapat buktikan bahawa tak ada bezanya hasil kejayaan ataupun kejayaan ataupun yang menyebabkan projek-projek itu terbengkalai antara tender-tender terbuka dengan apa yang dipanggil secara rundingan. Maknanya secara rundingan juga ada projek yang tak berjaya, projek secara terbuka juga ada projek yang tak berjaya. Maknanya *there is no real correlation between open tender and negotiated tender*. Jadi maknanya kita telah pantau untuk 2008 projek yang ditamatkan maknanya *failier*, satu daripada 18 projek. Maknanya pada tahun 2007 pun ada projek 18 yang ditamatkan 3. Sebelum 2008 ialah secara rundingan. Selepas ini ialah secara tender. Jadi jawapannya ialah tender terbuka tidak menghasilkan projek-projek yang lebih banyak terbengkalai.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER : Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Puan Speaker, dalam tender terbuka kriteria pemilihan kita adalah harga rendah, Ada dua projek di Kota Anggerik membina masjid dan *merepair* masjid. Saya dapati kedua-dua projek itu telah terbengkalai dan pasal di tender. Bila saya tanya alasannya harga terendah. Bila re-tender, dia akan jadi kos tambahan kepada kita dan masa jadi lambat. Kos masa itu jadi ditangguhkan.

TUAN SPEAKER : Soalannya? Yang Berhormat Kota Anggerik?

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Soalannya maknanya ah.. apa ini projek ini apabila dia tertangguh petender semula akan jadi kos tambahan kepada kerajaan. Jadi tender terbuka itu *lower price* jadikan ia gagal alasan kontraktor.

TUAN SPEAKER : Soalannya?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Soalnya Puan Speaker. Jawapannya ialah risiko, jadi risiko tender terbuka adalah lebih tinggi daripada risiko rundingan. Sebab bila risiko tender terbuka lebih banyak projek terbengkalai ataupun terlewat jika dibandingkan dengan risiko secara rundingan. Jawapan saya kedua-duanya juga ada projek terbengkalai, ada juga yang berjaya. Jadi maknanya jawapannya *there is* tak ada bezanya di antara secara rundingan dan secara tender. Tapi beza yang terbesar ialah cara rundingan lebih mahal daripada tender terbuka. Itu dia punya. Walau pun sekarang, sekarang oleh kerana kita dah mula belajar daripada sini, kita juga masukkan dalam tender itu apa yang dipanggil *Term Completion Guarantee*. *Completion Guarantee* dengan harga yang terendah, tapi kita tahu dia akan dapat diselesaikan, ini bererti maknanya risiko bagi Kerajaan Negeri akan sangat berkurang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Soalan Tambahan Puan Speaker.

TUAN SPEAKER : Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Rawang ingin bertanya memandangkan risiko-risiko yang dinyatakan. Apakah mekanisme yang digunakan antara tender terbuka dengan rundingan terus supaya satu yang pertama, kualiti tidak dikompromikan. Kedua, kita mahu masalah atau pun sesuatu projek itu diselesaikan dengan segera tanpa tender yang seterusnya untuk yang biasanya akan memberi kesan juga kepada masyarakat umum.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Jawapannya terletak kepada *bill of quantity* ataupun *quotation*. *Bill of quantity* jadi bila kita membuat membuka tender itu dia ada dia punya *documentationnya*. Dan *the bill of quantity* itu akan menentukan kualiti dan kuantiti. Apa yang kita buat oleh kerana kita dah dapat penjimatan begitu banyak lebih kurang RM270 juta kita boleh letakkan satu atau dua juta setahun. *To have what they call qualitative audit*. *Qualitative Audit* maknanya nya setiap tender yang dibuat lepas itu ada *Independent Assessor* akan turun tengok akan *qualitative audit*. Dan kita boleh bentangkan dekat dewan. Mana yang betul mana yang sebab kita takut ialah terlalu murah dan tak dibuat. Rundingan yang kita takut ialah terlalu mahal. Itu saja. Jadi kalau kita boleh buat itu maknanya kita akan mengurangkan risiko kualiti dan juga menentukan harga yang terbaik.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Boleh Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Dato' Menteri Besar memberikan syarat *completion guarantee* itu mungkin boleh terpakai kepada syarikat-syarikat ternama yang *reputable* ataupun syarikat senaraian awam. Tapi untuk projek-projek yang tidak syarikat yang tidak senaraian awam saya ingat mungkin sukar untuk mendapat. Jadi saya, bagaimana kalau Kerajaan Negeri mencadangkan untuk mengujudkan satu lagi dipanggil *eyes independent checkers*. Bagi pihak Kerajaan Negeri yang boleh menilai projek berkenaan masa ke semasa dari segi kemajuannya

kalau tak capai dan tak tentu dan boleh di ambil tindakan lebih awal sebelum dia mengalami kegagalan. Jadi saya nak tanya Menteri Besar sama ada perkataan menggunakan *independent checkers* ini juga boleh digunakan oleh kerajaan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Benar. Puan Speaker, cadangan Permatang itu boleh kita laksanakan. Sekarang pun satu daripada perkara yang saya lihat kita tak ada rekod yang *continuous valuation of contractor*. Kita tidak ada rekod. Maknanya kita dah buat *business* ini, maaf saya gunakan *corporate*. Kita dah buat kerja ini untuk tender-tender ini dah berpuluh tahun. Tapi kita tak ada rekod *evaluation of* orang yang jadi sekarang saya dah mula buat dan saya akan ada rekod-rekod mereka dengan cara itu saya boleh tahu sama ada mereka ini terpaksa kita pantau lebih ataupun pantau tidak lebih. Tak payah *completion guarantee* boleh *completion guarantee*. Itu semua boleh. Jadi dari pemantauan itu lebih banyak lagi. Begitu jawapan dia. Tapi cara-cara pemantauan itu ada kalau projek sangat besar rupanya Projek Datum Jelatek itu sangat besar. Dia ada *completion guarantee*. Projek kecil tampal jadi itu tak payah *completion guarantee* kita tahu harganya satu meter 35 ringgit. Habis. Kalau dia tak buat kita cari 35 ringgit tampal. Habis.

TUAN SPEAKER: Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa pertanyaan telah pun tamat. Dengan ini saya menanggungkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

SETIAUSAHA DEWAN : Sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER : Saya mempersilakan pihak Kerajaan untuk menyambung penjelasan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh yang Berhormat sekalian. Dipersilakan Yang Berhormat Selat Kelang. Saya bagi sepuluh minit untuk habiskan penggulungan.

Y.B DR. PUAN HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih Yang Berhormat Speaker, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, *Assalamualaikum Warahmatullahi Waabarakatuh* dan selamat sejahtera, saya menyambung respons kepada Sungai Panjang yang mengatakan prestasi jumlah pelajar Unisel merosot sejak 2008, untuk makluman Sungai Panjang dan Ahli Yang Berhormat sekarang ini Unisel mempunyai masalah yang bersifat positif iaitu jumlah pelajar yang memohon untuk masuk Unisel sudah melimpah terutama sekali fakulti *favorite* seperti FOB [*Faculty Of Business*] sehingga Unisel terpaksa merayu kepada Kerajaan Selangor untuk membantu mereka membina bangunan untuk menampung keperluan tempat kuliah, kerana kebanjiran kemasukan pelajar ini, terima kasih juga kepada BN yang telah melonjakkan publisiti Unisel dengan memaparkan imej negatif Unisel secara berterusan dalam media arus perdana selama ini khususnya sebelum pilihan raya.

Selain daripada mendera pelajar dan ibu bapa pelajar Unisel dengan pemberhentian PTPTN, Alhamdulillah rakyat dalam Selangor dan luar Selangor sudah semakin tidak percaya kepada berita yang di perolehi dari media arus perdana dan datang sendiri dan melihat dengan mata kepada sendiri keadaan Unisel dan semakin yakin bahawa cerita

sensasi mengenai Unisel adalah antara drama rekaan dan semenjak itu *Web-Site* Unisel semakin popular dan jumlah permohonan pelajar masuk Unisel semakin meningkat.

Bukit Gasing membangkitkan persoalan sekolah SJKC, SJKT, Sekolah Agama Rakyat yang belum selesai, untuk maklumat Yang Berhormat Bukit Gasing dan Ahli Yang Berhormat sekalian, kita mengamalkan prinsip ataupun *guiding principal* [dengan izin] dalam mengurus tadbir negeri Selangor yang sumbernya termasuk sumber tanah yang terhad, maka kita menggunakan kaedah yang dipanggil, prinsip *makasit sariah* iaitu menjaga *masalah* atau kepentingan rakyat dan mencegah kemungkaran ataupun kerosakan dengan memenuhi keperluan rakyat yang majmuk.

Melalui kaedah *fiq-alowiat* ini iaitu mengutamakan yang utama seterusnya dari senarai yang utama Kerajaan Negeri akan mengutamakan yang paling utama, khusus bagi isu ini keperluan bagi kelompok masyarakat yang memenuhi hak yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia perlu dinilai secara adil dan profesional dengan melihat semua aspek dan mengambil kira semua faktor untuk memastikan perancangan ini akan menyokong dan tidak bercanggah dengan Visi Selangor untuk menjadi Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan berkeadilan 2025, justeru saya menyeru *Jabatan Perancang Bandar dan Desa* di semua peringkat negeri dan PBT, duduk sekali dan mengkaji keperluan rakyat Selangor khususnya institusi pendidikan secara menyeluruh di seluruh pelosok negeri Selangor agar boleh merancang dengan baik tapak lokasi sekolah dan institusi pendidikan yang berpatutan.

Jawatankuasa Tetap Pendidikan Selangor sebagai pemudah cara akan menjemput bersama pelbagai wakil dari kelompok masyarakat termasuk wakil daripada pelbagai jenis sekolah seperti Sekolah Agama, Sekolah Kebangsaan, *SJKC, SJKT* dan sebagainya untuk mendapat input yang menyeluruh, pelbagai agensi yang berkaitan seperti *Jabatan Tanah dan Galian, Jabatan Pelajaran* dan lain-lain, akan juga dijemput sekali.

Ahli-ahli Yang Berhormat selaku Wakil Rakyat di kawasan DUN masing-masing boleh menyertai perbincangan khusus ini Insya-Allah. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Mohon mencelah..

TUAN SPEAKER : Ya Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Puan Speaker, berkenaan SJKC, SJKT dan juga Sekolah Agama Rakyat, saya ingin dapat penjelasan ada tak? ramai ataupun banyak sekolah lagi yang masih belum mempunyai geran tanah ataupun isu tanah dia masih lagi belum selesai, dan adakah? Kerajaan berhasrat untuk memberi sebab sekolah itu telah ujud memberi geran tanah kepada sekolah tersebut.

Y.B. DR. PUAN HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih Bukit Gasing yang begitu prihatin tentang masalah sekolah ini. Untuk makluman Bukit Gasing selama sejak daripada 2008 kita telah banyak menyelesaikan masalah-masalah tapak sekolah yang

memang diwujudkan sekolah tetapi geran tanahnya masih tidak diselesaikan, ada sekolah dibina tanpa mendapatkan pengetahuan dari pihak kerajaan Selangor sebagai ampunya tanah, dan ini telah banyak kita selesaikan. Insya-Allah kita dalam proses yang saya sebutkan tadi Bukit Gasing ya, di mana PTG kita memohon saya tengah menunggukan senarai daripada PTD [Pejabat Tanah dan Galian Selangor] untuk memberikan kita senarai manakah? tapak-tapak yang telah kita selesaikan, namun saya mengakui memang ada lagi, ada lagi tak banyak tapi ada lagi sekolah-sekolah sama ada SJKC, SJKT dan juga sekolah agama juga yang masih belum disempurnakan dengan baik urusan-urusan tapak sekolah itu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sungai Panjang.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Apabila saya mengemukakan persoalan berkaitan dengan Unisel, apa yang saya harapkan adalah adakah? berlakunya pertambahannya pelajar, itu yang pertama, kalau berlaku berapa banyak dan yang kedua daripada segi soal masalah yang bersifat positif itu, apakah? langkah-langkah pembaikan yang telah diambil, demi untuk memajukan Unisel itu sendiri. Terima kasih.

Y.B. DR. PUAN HALIMAH BINTI ALI : Soalan Sungai Panjang itu memerlukan masa yang agak lama, tapi pertama yang disebutkan memang ada lonjakan, sekarang ini kita *target* 14,000 sekarang ini sudah 12,400 pelajar di Unisel sekarang ini, kita akan menunggu kemasukan yang lain juga di dalam tahun ini juga dan sudah itu di panggil *break even* , *break even of the course*, selain daripada itu bagaimana kita melonjakkan prestasi Unisel.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Sungai Panjang semua walaupun kita di dalam keadaan yang agak berombak di mana Barisan Nasional nak merampas kuasa di dalam Kerajaan Negeri Selangor ini sejak 2008, tetapi walaupun dengan ombak itu Alhamdulillah Unisel telah kita antarabangsakan bahkan Unisel ini dikenali di dalam Persidangan Antarabangsa termasuk saintis-saintis Antarabangsa di dalam negara OIC, Unisel ini telah pun mengemukakan ataupun membentangkan kertas kerja penyelidikan mereka di Persidangan Antarabangsa IAS [Islamic Academic of Sciences] iaitu Badan Sains yang menjadi penasihat kepada Negara-negara OIC, selain daripada itu juga Unisel telah pun menandatangani MOU dengan Manchester University dan mempunyai satu persetujuan di mana pelajar-pelajar lepas Ijazah Sarjana Muda boleh terus masuk ke Manchester University, Imperial College, Cambridge dan juga ke Oxford.

Selain itu juga kita telah menandatangani MOU dan MOA dengan ITB Bandung, selain daripada MOU di tempat-tempat yang lain, ini di antara pencapaian-pencapaian yang diterima oleh pihak antarabangsa selain daripada di dalam negara itu sendiri, *employee availability*..

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Selat Klang, Sungai Panjang minta mencelah.

Y.B. DR. PUAN HALIMAH BINTI ALI : Sekejap saya *employe libitivity* pelajar-pelajar Unisel adalah juga terbaik bahkan lebih baik daripada graduan daripada IPTA, dan ini

saya telah bantangkan di dalam Dewan ini dan Sungai Panjang boleh chek handset yang lepas.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHD : Okey, terima kasih Yang Berhormat EXCO tanya terhadap kepelbagaian pengiktirafan yang telah dinyatakan cuma pelan tindakan dalaman demi untuk penambahbaikan Unisel itu sendiri, itu yang saya pohonkan penjelasan sebenarnya, Terima kasih.

Y.B. DR. PUAN HALIMAH BINTI ALI : Insya-Allah pelan tindakan ini seperti Sungai Panjang tahu ia menyeluruh dan bersifat *long term dan short term* dan sebagainya sudah tentu tidak boleh di bentang di dalam satu minit dua minit ini. Insya-Allah apabila kita sudah buat kita pun dalam mandat yang baru ini kita akan lihat dengan menyeluruh lagi kita akan buat analisis dan sebagainya untuk *re-branding* Unisel ini untuk menambah baikkan dan menerus kecemerlangan Unisel. Terima kasih Sungai Panjang.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : EXCO saya nak bertanya sahaja kalau boleh tolong jelaskan sekiranya ada pihak kerajaan dan buat kajian ataupun maklumat mengenai ke boleh pasaran pelajar-pelajar Unisel, sama ada dalam pasaran kerja di peringkat perkhidmatan awam ataupun di peringkat swasta di dalam dan luar negara, sekiranya ada mohon dikemukakan, kalau adalah kajian mengenai kebolehan lepasan pelajar Unisel di dalam sektor pekerjaan.

Y.B. DR. PUAN HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih daripada maklum balas yang saya dapat sendiri sebenarnya kajian ini melihat secara menyeluruh semua graduan IPTA dan IPTS di peringkat negara makna Kementerian Pengajian Tinggi itu sendiri sebelum ini yang memberikan maklumat dan *star rating* universiti-universiti dan alhamdulillah mencapai 4 *star*,

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Saya mencelah sekali lagi maksud saya apakah? sama ada peringkat kerajaan ataupun Unisel kalau belum boleh dicadangkan untuk dibuat kajian yang lebih tepat mengenai pelajar, sebab satu mengenai tanda aras kepada pencapaian Universiti adalah ke boleh pasaran pelajar-pelajar yang dilahirkan bukan jumlah ataupun jenis kursus yang ditawarkan tetapi adalah keupayaan pelajar yang dihasilkan itu menyerap dalam pasaran pekerjaan di dalam negara kita, jadi kalau belum ada kajian yang jelas saya mencadangkan supaya pihak EXCO bolehlah mencadangkan dibuat kajian ini.

Y.B. DR. PUAN HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih kepada Permatang, tetapi seperti yang saya sebut tadi *employee availability* yang saya sebutkan tadi maknanya ke boleh pasaran itu, memang telah pun terbukti dan itu bukan itu diberitahu macam saksi lutut oleh Unisel itu sendiri memang boleh.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ada jumlah, boleh berikan jumlah

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Selat Klang, saya rasa Permatang nak tanya sama ada kajian itu telah dibuat atau belum

Y.B. DR. PUAN HALIMAH BINTI ALI : Statistik itu daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan saya ambil maklum dan saya setuju sekiranya kita di pihak Kerajaan Negeri Selangor sendiri dan peringkat Unisel sendiri bolehlah membuat kajian, dan saya setuju dan kita akan membawanya di mesyuarat Lembaga. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Terima kasih Yang Berhormat Selat Klang, saya minta Yang Berhormat Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Puan Speaker, saya ucapkan tahniah, syabas khasnya kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang turut berbincang dalam sesi dewan yang pertama ini saya ingin terus kepada beberapa cadangan yang dikemukakan oleh Bukit Gasing iaitu menggunakan Enakmen kebebasan maklumat Selangor untuk mendapat data ataupun maklumat perbelanjaan yang khasnya di PBT. Pihak Kerajaan Negeri tidak ada halangan dan kita memang mengalu-alukan semua PBT untuk menyenaraikan semua perbelanjaan yang telah dibuat pada semasa atau sebelum ini. Jadi saya akan *follow-up* dengan izin dengan beberapa PBT dan juga GLC-GLC jabatan-jabatan supaya mereka mula mengemukakan perbelanjaan tersebut.

Saya juga menerima baik cadangan-cadangan daripada Damansara Utama, saya tertarik dengan *experiment* yang dijalankan oleh Damansara Utama, jadi semalam saya juga menelefon bukan 12 PBT tapi 41 termasuk PBT-PBT jabatan dan juga GLC-GLC dan saya pun terperanjat bila hanya 10% boleh maklum kepada saya ataupun pejabat saya siapakah? Pegawai maklumat tersebut, jadi cadangan untuk bukan sahaja melatih semula *front desk* semua 41 agensi jabatan, PBT dan sebagainya tapi untuk mematahkan publisiti yang lebih intensif umpamanya satu poster akan dibuat dan diletak di depan pejabat-pejabat dan juga *front desk* tersebut juga akan ada maklumat tersebut supaya kalau ada sesiapa yang ingin menggunakan Enakmen Kebebasan Maklumat tersebut mereka senang cari.

Untuk makluman Yang Berhormat Damansara Utama, dalam portal Selangor memang ada bukan sahaja dokumen enakmen tetapi dalam portal Kerajaan Negeri Selangor kalau kita lihat ianya di muka hadapan dan bila kita klik, kita boleh juga dapat pdf senarai semua Pegawai-pegawai Maklumat yang telah diwartakan termasuk nombor telefon dan juga e-mel. Walau bagaimanapun kita akan menambah baik lagi cara ataupun akses kepada pegawai-pegawai tersebut kerana apa yang penting adalah kita mahu orang ramai, Y.B.-Y.B. ataupun sesiapa di Selangor untuk mengguna enakmen ini dan pada masa yang sama kita akan cari jalan untuk menambah baik ataupun kalau perlu meminda, membuat pindaan kepada enakmen tersebut supaya ianya lebih senang digunakan oleh penduduk-penduduk.

Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu telah bangkit beberapa perkara tentang pelancongan khasnya di Kuala Kubu Bharu secara umumnya di Hulu Selangor. Saya

juga mengambil menyambut cadangan baik daripada Yang Berhormat KKB dan selepas perbincangan semalam dengan Yang Berhormat KKB, saya akan syorkan untuk adakan satu jawatankuasa khas yang bukan sahaja anggotanya daripada PBT tetapi semua pihak swasta, PBT, Kerajaan Negeri, agensi-agensi Kerajaan Negeri dan sebagainya supaya kita boleh membangunkan dan juga mempromosikan tapak-tapak pelancongan di Hulu Selangor dengan lebih mantap.

Yang Berhormat Dengkil telah membangkit beberapa perkara iaitu tentang perlombongan pasir. Saya tidak ingin memperpanjangkan perbincangan tentang perlombongan pasir tapi untuk makluman Yang Berhormat Dengkil, aktiviti melombong pasir di Olak Lempit yang disebut oleh Yang Berhormat Dengkil adalah dengan permit dan di sana dan bukan sahaja di Olak Lempit, di semua yang ada permit dikehendaki untuk mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar terlebih dahulu mendapat kelulusan EIA di mana kerja-kerja pengorekan dan perlombongan disyaratkan untuk mendapat kelulusan *mining scheme* dengan izin daripada Jabatan Mineral dan Geosains sebelum pelaksanaan. Dan pelaksana aktiviti hendaklah juga menggunakan konsep *close circuit system* dengan izin bagi menghalang sebarang pelepasan air cucian dari aktiviti pengorekan pasir

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF : Mohon mencelah Tuan Speaker

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : daratan keluar

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Bukit Lanjan, ada permintaan mencelah.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF : Terima kasih Yang Berhormat EXCO Bukit Lanjan di atas penerangan berkenaan dengan isu pasir. Saya ingin minta penjelasan lebih lanjut daripada Yang Berhormat tentang Draf Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020. Merujuk kepada jadual 4.2.1B, kelas kegunaan tanah BPK Blok Rancangan Kecil Kampung Bukit Changgang dan Kampung Labohan Dagang, Draf Rancangan Tempatan Kuala Langat 2020 muka surat 4 hingga 57 menyatakan aktiviti melombong pasir di kawasan sekitar Sungai Langat adalah tidak dibenarkan. Kampung Labohan Dagang dan Bukit Changgang terletak dalam BPK1.14. Kampung Olak Lempit di bawah BPK1.8 dalam sepatutnya Olak Lempit dalam proses pembesaran kampung bukan lombong pasir. Dan tak disebut dalam draf perancangan untuk buka lombong pasir di Olak Lempit. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Yang Berhormat Dengkil. Untuk saya jawab perkara itu saya perlu maklumat lanjut. Cuma apa yang boleh saya sebut dalam Dewan ini adalah syarat-syarat di mana permit boleh diluluskan ataupun diberi kalau kelulusan untuk melombong pasir ataupun untuk menggali *you know* apa jua mineral diberi oleh Pihak Berkuasa Tempatan, pihak berkuasa berkenaan. Namun begitu saya tidak boleh jawab selanjutnya kerana saya bukan dalam jawatankuasa yang meluluskan permit-permit tersebut. Cuma saya ingin

sambung ya, kalau boleh saya dapat maklumat tersebut daripada Yang Berhormat. Nanti kita akan siasat. Dan Yang Berhormat Dengkil juga telah bangkit program pemantauan paras air yang berdekatan dengan Paya Indah Wetlands. Itu juga disyaratkan di mana kawasan tersebut perlu rujukan kepada Jabatan Mineral dan Geosains untuk mendapatkan kelulusan bagi memastikan tiada impak kepada paras air tanah dan pemendapan tanah di kawasan sekitarnya. Tapi juga untuk makluman Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, sebelum Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. mula aktiviti melombong pasir tersebut, kita telah mendapati bahawa memang paras air tanah di kawasan tersebut sudah turun bukan kerana pasir tapi juga kerana pembangunan, perumahan, ladang-ladang di mana perparitan, sistem perparitan telah dibuat dan sebagainya. Saya pun ada had masa?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ia, semua EXCO ada had masa. Saya bagi 6 minit lagi.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Timbalan Speaker. Yang Berhormat Dengkil juga telah membangkitkan beberapa perkara tentang jerebu dan untuk makluman Yang Berhormat Dengkil, Mesyuarat EXCO yang terkini telah memutuskan untuk mengadakan perbincangan awal dengan rakan-rakan sejawat di Provinsi, Riau. Jadi kita bukan sahaja menunggu pihak Kerajaan Pusat untuk adakan mesyuarat tersebut tapi kita juga ada inisiatif supaya kalau boleh kita boleh bincang beberapa perkara dan juga memberi bantuan kalau mereka minta. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, pada 17 Julai 2013 terdapat satu mesyuarat khas, Mesyuarat Ke 15 *Sub-Regional Ministerial Steering Committee on Transboundary Haze Pollution* akan diadakan di Malaysia, di Kuala Lumpur untuk membincangkan penyelesaian segera terhadap masalah pencemaran jerebu merentasi sempadan.

Akhir kata, ini yang terakhir saya tertarik dengan hujan-hujan yang diberi oleh Bukit Antarabangsa dan juga Hulu Kelang tentang TPPA dan sebelum ini memang saya rasa Kerajaan Negeri belum meneliti perkara TPPA kerana kita fikir perkara ini mungkin tidak ada kaitan dengan urusan Kerajaan Negeri. Tetapi selepas ucapan Bukit Antarabangsa dan juga Hulu Kelang, saya telah membuat satu kajian di mana TPPA, *Trans Pacific Partner Agreement* memang ada kesan kepada urusan Kerajaan Negeri. Sebagai contohnya, beberapa perkara yang akan ditandatangani meliputi tanah, air, sumber asli dan ini adalah perkara-perkara kalau ikut Perlembagaan Persekutuan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Jadi saya menyambut baik cadangan untuk Kerajaan Negeri berturut untuk memasuki ataupun mendapat maklumat yang lebih *detail* daripada Kerajaan Pusat sebelum TPPA ditandatangani. Pada masa yang sama kita juga akan mengkaji dengan lebih *detail* apa lagi kesan-kesan TPPA terhadap, apakah kesan-kesan kepada Kerajaan Negeri. Saya di maklum juga sebagai contohnya, kalau dasar-dasar ataupun syarat-syarat alam sekitar yang dibuat oleh Kerajaan Negeri, mereka kalau ditandatangani ataupun dipersetujui antara Kerajaan-kerajaan Pusat mungkin kita terpaksa membatalkan beberapa dasar-dasar ataupun syarat-syarat alam sekitar kalau mereka tidak menepati *free trip* yang disebut dalam TPPA.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Penjelasan Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ia, Bukit Lanjan, Hulu Kelang minta penjelasan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Tentang TPPA, apakah langkah kerajaan untuk melaksanakan cadangan saya menghantar wakil untuk berunding dengan pihak MITI? Dan *Lead Negotiator* TPPA, Encik Jayasiri baru-baru ini menyatakan kesediaan untuk bertemu dengan NGO. Kalau NGO dah bersedia takkan Kerajaan Negeri dia tak sedia?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Hulu Kelang. Pertamanya, kita akan menjemput perunding-perunding TPPA di Kerajaan Pusat untuk memberi *briefing* kepada Kerajaan Negeri Selangor. Kita juga ingin tahu lebih *detail* apa yang kita dapat adalah secara umum sahaja dan diberi oleh pihak NGO-NGO. Keduanya, kalau apa yang di, maklumat yang diberi oleh perunding-perunding TPPA itu tidak *there's not right with the state government* dengan izin, jadi kita akan adakan satu turut bersama dengan NGO-NGO, satu kempen untuk menggesa Kerajaan Pusat supaya ianya tidak menandatangani TPPA sehingga beberapa perkara-perkara yang tidak berat sebelah kepada Kerajaan Negeri itu dikeluarkan daripada *agreement* tersebut.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Seri Kembangan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat –Yang Berhormat yang menyentuh tentang isu pelaburan dalam perbahasan. Negeri Selangor kekal dan terus menjadi penyumbang terbesar kepada KDNK. Keluaran Dasar Dalam Negeri Malaysia melebihi 20%. Sumbangan besar berbanding negeri-negeri lain. Negeri Selangor memiliki sebuah pasaran ekonomi yang maju dan terpuja dengan anggaran KDNK pada 5.7% bagi tahun 2012 berbanding tahun sebelumnya. Sektor perindustrian merupakan penyumbang utama terhadap kerancakan ekonomi negeri iaitu menyumbang kira-kira 38% dalam KDNK Negeri pada tahun 2012. Malah ia merupakan nadi ekonomi negara. Selangor mempunyai sektor pembuatan seperti elektronik, bahan kimia dan kenderaan automatif yang terbesar di Malaysia. Berdasarkan statistik pembinaan suku tahun tahunan tahun 2012 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, dalam suku pertama tahun 2012 Negeri Selangor telah mencatatkan nilai kerja pembinaan yang tertinggi sebanyak RM4.06 bilion iaitu 22.9% daripada jumlah keseluruhan nilai kerja pembinaan. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, RM2.35 bilion, Johor RM2.16 bilion dan negeri-negeri lain. Berdasarkan data yang diperolehi, Negeri Selangor juga merupakan sebagai negeri yang mempunyai nilai kerja pembinaan tertinggi bagi bangunan kediaman iaitu RM1.8 bilion dan bangunan bukan kediaman iaitu RM1.5 bilion berbanding dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dan iaitu bangunan kediaman Negeri Malaysia 878 juta dan bangunan bukan kediaman RM1 bilion. Pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor yang dipacu oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan menjadikan Negeri Selangor sebagai penyumbang terbesar kepada KDNK negara iaitu sekitar 21% hingga 23% bagi tempoh tahun 2008 hingga tahun 2012.

Perbandingan jumlah projek dan pelaburan antara negeri-negeri di Malaysia bagi tempoh Januari hingga Mac tahun 2013 dari segi bilangan projek yang diluluskan antara negeri, Negeri Selangor mencatatkan jumlah kelulusan projek tertinggi dengan 43 projek. Ini diikuti oleh Johor dengan 32 projek dan Pulau Pinang dengan 21 projek yang diluluskan. Dari segi nilai pelaburan pula, Selangor mencatatkan jumlah nilai pelaburan keempat tinggi dengan RM618 juta. Negeri Johor mencatatkan jumlah lebih kurang RM5.6 bilion diikuti dengan Sarawak sebanyak lebih kurang RM3 bilion dan Pulau Pinang lebih kurang RM850 juta. Langkah-langkah bonus sektor perindustrian :

1. Adalah untuk melaksanakan pelan induk perindustrian Negeri Selangor selaras dengan pelan induk perindustrian ketiga tahun 2006 hingga ke tahun 2020.
2. Mengekalkan prestasi pelaburan dan menarik pelaburan RM8 bilion setahun.
3. Memastikan projek perindustrian yang diluluskan dan dilaksanakan dengan secepat mungkin.
4. Memperkemaskan fungsi pusat pelaburan negeri.
5. Mempertingkatkan usaha menarik *Foreign Direct Investment (FDI)* dengan *Domestic Direct Investment (DDI)* melalui penglibatan Kerajaan Negeri secara langsung.
6. Mempromosikan kawasan industri baru.
7. Menggalakkan pertumbuhan industri automotif *belt* di Hulu Selangor.
8. Menggalakkan pertumbuhan industri berteraskan teknologi maklumat.
9. Menyediakan prasarana pelaburan dan kawasan industri yang kondusif dan strategik.

Kesimpulannya, Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha untuk menyediakan persekitaran pelaburan yang kondusif di Negeri Selangor serta mewujudkan suasana pelaburan yang sihat dengan menggalakkan aktiviti pelaburan dengan fokus kepada pelabur yang sedia ada dalam sektor pembuatan mahupun perkhidmatan. Beberapa pendekatan akan diambil untuk menggalakkan pertumbuhan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan bagi kekalkan sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan terus kekal sebagai penyumbang terbesar kepada KDNK negeri. Sekian.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Penjelasan Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ia

Y.B. TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB : Bagi meningkatkan pelaburan dan sektor-sektor industri, sudah pasti akan berlaku peminjangan pekerja-pekerja asing. Adakah pihak kerajaan mempunyai garis panduan ataupun ruang-ruang bidang kuasa untuk mengawal kemasukan dari segi peraturan pekerja asing di sektor industri di Selangor?

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih Hulu Kelang. Untuk pekerja, isu pekerja-pekerja asing saya tahu memang telah mengadakan beberapa isu masalah sosial dan apa yang boleh dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri adalah kita memberi nasihat kepada pekilang-pekilang supaya mereka mengadakan satu sistem pengawalan yang lebih baik. Tetapi untuk dasar-dasar kemasukan pekerja-pekerja asing adalah di bawah *jurisdiction* dengan izin Kerajaan Pusat.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya mempersilakan Yang Berhormat Sabak untuk memberikan penggulungan.

Y.B. TUAN HAJI SALLEHEN BIN MUKHYI : Terima kasih Timbalan Speaker. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya suka untuk memberi respons terhadap beberapa soalan yang disentuh sepanjang ucapan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang pertama ialah berkaitan dengan yang dibangkitkan oleh Bukit Antarabangsa tentang kelulusan Masjid Zakaria yang sedang menjadi polemik. Dan sebenarnya Masjid Zakaria ini telah diluluskan pembinaannya cuma ianya telah dipindahkan ke tapak yang baru kerana tapak yang lama tidak dapat menampung jumlah keluasan pembinaan masjid ini. Dan apa yang menjadi masalahnya ialah perundingan telah dibuat dengan tuan tanah dan pihak Jabatan Agama Islam telah bersedia untuk membuat bayaran kepada tuan tanah mengikut harga pasaran yang telah dibuat oleh Jabatan Penilaian. Tetapi baru-baru ini pemilik tanah tidak mahu menerima jumlah bayaran tersebut dan membuat tuntutan lain dan ke tidak setujuan tuan tanah ini telah dikemukakan kepada mahkamah pada 21hb. Mei, 2013. Jadi untuk itu pihak Jabatan Agama Islam akan terus berunding dengan tuan tanah untuk menyelesaikan tentang isu bayaran ini. Dan begitu juga persoalan yang dibangkitkan oleh Taman Medan berkaitan dengan tanah perkuburan Islam. Itulah tanah yang dimaksudkan di Jalan PJS 4/17 dan sebenarnya permohonan warta telah dibuat pada 28hb. Mei, 2008. Walau bagaimanapun Pejabat Tanah dan Daerah Petaling memaklumkan bahawa sebahagian tanah tersebut merupakan rizab Jabatan Perairan dan Saliran. Jadi urusan berkaitan sedang diuruskan oleh Pejabat Tanah dan Daerah Petaling. Namun saya berkeyakinan bahawa Insya-Allah kita akan selesai sebelum daripada tanah perkuburan yang sedia ada itu penuh. Dan itu komitmen

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Mohon penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Sabak, Taman Medan minta penjelasan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Taman Medan ingin kepastian siapakah ataupun pihak manakah yang bertanggungjawab memantau dan memastikan perkara ini dilaksanakan sebab perkara sudah berlarutan daripada 2008 sehingga 2013. Hanya pejabat saya telah menghubungi pihak-pihak tertentu dan jawapan mereka tidak pasti siapa yang bertanggungjawab. Itu saya bangkitkan di dalam Dewan hari yang lepas.

Y.B. TUAN HAJI SALLEHEN BIN MUKHYI : Terima kasih kepada Taman Medan. Pihak Pejabat Agama Daerah akan berurusan dengan Pejabat Tanah di Petaling Jaya untuk menyelesaikan urusan berkaitan dengan tanah kubur dan apabila proses pewartaan ini telah selesai maka tanah kubur ini akan menjadi milik MAIS di bawah penguasaan Wakaf Irsod kepada MAIS itu sendiri. Jadi untuk waktu ini, proses itu dibuat antara Pejabat Agama Daerah bersama dengan Pejabat Tanah dan Daerah Petaling.

Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Mohon penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ia Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD. KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Yang Berhormat EXCO, saya ingin bertanya tidakkah Jabatan Agama Islam ataupun Kerajaan Negeri bercadang menggunakan Akta Pengambilan Tanah untuk menyelesaikan kes-kes tapak masjid, surau dan tanah perkuburan ini memandangkan sebab saya melihat lebih banyak *negotiation* daripada menggunakan penguatkuasaan Akta Pengambilan.

Y.B. TUAN HAJI SALLEHEN BIN MUKHYI: Untuk setakat ini, beberapa proses pewartaan dan termasuk baik tanah masjid, baik perkuburan ini telah diselesaikan dan dalam proses untuk diselesaikan dalam beberapa tempat yang lain. Namun kita akan melihat supaya proses pewartaan ini dapat berjalan dengan segera dan begitu juga berhubung kait dengan soalan yang dibangkit oleh Taman Medan. Insya-Allah, saya sendiri akan cuba memantau supaya proses pewartaan bagi tanah perkuburan ini akan dapat diselesaikan dengan segera. Dan begitu juga saya suka menyentuh berhubung kait dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan Negeri daripada Bangi yang menyentuh berhubung kait dengan soal Mahkamah Syariah di beberapa lokasi yang nampaknya ada sedikit usang dan perlu kepada pembaikan. Dan sebenarnya Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM160.59 juta untuk membina Mahkamah Syariah di 10 lokasi di seluruh Selangor. Termasuk bangunan Mahkamah Syariah Sultan Idris Shah yang bersebelahan dengan Jabatan Agama Islam Selangor di hadapan Masjid Negeri. Jadi isu berbangkit mengenai masalah di bangunan tersebut telah dimaklumi dan sedang dalam tindakan kontraktor yang terlibat. Dan mengenai cadangan menubuhkan Mahkamah Rendah Syariah Ampang, ia telah dibincang dalam Mesyuarat MAIS dan sedang dalam tindakan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor dan yang sekarang ini sedang menyediakan kertas cadangan penstrukturan semula jabatan tersebut. Dan begitu juga mengenai kerjasama antara Mahkamah Syariah dengan penguatkuasa Ugama sebagaimana yang telah dibangkitkan. Bahawa kerjasama itu telah pun terjalin sejak sekian lama kerana penguatkuasa Agama antara lainnya

bertanggungjawab membantu pelaksanaan waran-waran tangkap yang dikeluarkan Mahkamah Syariah. Jadi mesyuarat antara kedua-duanya juga sentiasa diadakan setiap tahun bagi memperkasa kerjasama tersebut. Dan begitu juga cadangan mengenai memperkasakan fungsi pegawai-pegawai di Bahagian Sokongan Keluarga atau BSK. Mereka telah diberi tauliah sebagai Penolong Pendaftar dan diberi kuasa sebagai *bailiff* bagi melaksanakan tugas-tugas pelaksanaan dan penguatkuasaan perintah Mahkamah Syariah. Jadi begitu juga, kerajaan ingin mengambil *concern* terhadap cadangan untuk menaik taraf jawatan Hakim Sharie. Itu sedang dalam tindakan Jabatan Kehakiman Syariah Selangor menerusi kertas cadangan penstrukturan semula jawatan tersebut. Dan akhir sekali Taman Templer ada menyinggung sedikit berhubung kait dengan program masjid-masjid terutama sekali di sepanjang bulan Ramadhan ini. Suka untuk saya mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan sekali gus bahawasanya Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Agama Islam Selangor di sepanjang Ramadhan ini akan terus memperkasakan dan memanfaatkan seluruh masjid-masjid dan surau-surau di Negeri Selangor agar dihidupkan program-program Ramadhan. Sebab itu Kerajaan Negeri telah pun mengeluarkan sumbangan kepada masjid surau digunakan untuk Ihya' Ramadhan. Untuk masjid sahaja, Kerajaan Negeri telah menyumbangkan kepada mereka dengan lebih kurang RM1,650.00 dan untuk surau yang digunakan Solat Jumaat sebanyak RM1,250.00 dan untuk surau sahaja RM1,000.00. Jadi Tuan-tuan sekalian.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Ingin penjelasan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Mohon penjelasan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKYUMAR A/L ARULANANDAM : Saya ingin penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEKAER : Yang Berhormat Sabak nak bagi laluan kepada siapa? Taman Medan, Seri Andalas dan Permatang.

Y.B. TUAN HAJI SALLEHEN BIN MUKHYI : Seri Andalas dulu kemudian Permatang.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKYUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih EXCO. Terima kasih kepada kerajaan untuk bagikan bantuan dan juga kepada surau dan masjid. Baru-baru ini pejabat saya telah hubungi Pejabat Daerah JAIS Klang untuk dapatkan cek-cek kepada surau-surau dalam bayaran ini yang dikatakan RM1,000.00 kepada tiap-tiap surau. Bila saya hubungi EXCO pada hari itu telah pun diberitahu kepada saya bahawa cek-cek itu akan di siap sedia oleh JAIS tempatan dan diberikan kepada ADN-ADN tempatan untuk dibuat majlis dan diberikan kepada surau-surau ditempatkan. Tetapi baru-baru ini bila pegawai saya berhubung pejabat ini, diberitahukan bahawa mereka akan buat EFT ataupun bayaran terus kepada surau-surau tanpa diberikan cek itu kepada ADN-ADN tempatan. Saya minta sangat sebab sebagai ADN-ADN kawasan dan sebagainya, kita perlulah mengadakan program dengan surau-surau tempatan untuk melihat bahawa ADN-ADN prihatin dan ADN boleh bagi cek-cek itu kepada surau-surau masing-masing.

Y.B. TUAN SALLEHAN BIN MUKHYI : Terima kasih kepada Sri Andalas. Berhubung kait dengan maksud yang telah disebutkan sebenarnya kita telah membincangkan perkara itu dalam mesyuarat EXCO, Cuma bila kita dimaklumkan pembayaran itu sebenarnya telah dibuat dan duit-duit telah dimasukkan terus ke dalam akaun-akaun surau. Jadi antara masalah rungutan yang telah dikemukakan ialah ada beberapa surau yang lalu terlalu lambat menerima cek, ada surau yang tidak mengambil cek tersebut. Jadi sebab itu kali ini dimasukkan terus ke dalam akaun surau namun

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Boleh saya celah.....

Y.B. TUAN SALLEHAN BIN MUKHYI : Ya.....

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Exco. Saya ingat kalau surau-sarau dalam *percentage* itu 1% ataupun 2% yang tidak terima tidak bawa dan tidak buat janganlah hukumkan keseluruhan Adun-adun yang ada. Saya minta sebab ini gambaran yang akan diberi oleh Kerajaan Pakatan Rakyat sebagai Adun-adun prihatin di bawah. Saya minta penjelasan tentang itu....

TUAN SPEAKER : Dipersilakan Y.B. Sabak.

Y.B. TUAN SALLEHAN BIN MUKHYI : Ok, jadi oleh kerana duit itu telah dimasukkan difahamkan ke dalam akaun surau-sarau yang berkaitan jadi Insya-Allah untuk tahun yang akan datang kita akan serahkan kepada Adun-adun menyampaikan cek.....

TUAN SPEAKER : Ya...saya.....

Y.B. TUAN SALLEHAN BIN MUKHYI : Bagi Permatang dulu.....

TUAN SPEAKER: Ha...

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Sabak, saya pun semalam dapat ikuti perkembangan perbahasan daripada rakan daripada Templer, dan saya sebagai Adun Barisan Nasional kita sokong sekiranya nak buat tazkirah di bulan Ramadhan. Cuma satu saya nak minta Y.B. EXCO tolong pantau keadaan sebab saya sendiri, saya akui saya sendiri hadir ke beberapa buah masjid di Shah Alam khususnya. Bila saya hadir pada waktu Ramadhan waktu bulan kita Solat Tarawih, di antara tu ada tazkirah. Tapi yang saya nak sampaikan ini ialah bahawa banyak ramai penceramah-penceramah yang berceramah 20 minit yang pertama mengenai kuliah sebenar selepas itu dihamburkan dengan perkataan-perkataan kutukan, sindiran terang-terang sebut mengenai dasar-dasar

TUAN SPEAKER : Soalannya apa Y.B.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ini bukan soalan saya nak minta penjelasan kalau boleh kalau nak beri garis panduan sebenar biarlah beri ceramah benar-benar mengenai kalau fadilat Ramadhan, Ramadhanlah, termasuk juga kuliah subuh dan sebagainya. Ini supaya tak menimbulkan kebencian sebab bila saya keluar daripada tu ramai yang keluar kataini...tapi oleh kerana mereka terpaksa hadir solat Ramadhan....solat apa....solat terawih dia datanglah tapi penuh dengan cercaan dan sebagainya. Jadi saya minta Y.B. EXCO pastikanlah sebelum diberi tauliah tu diberi penjelasan apa garis panduannya mengenai perkara ini, bukan kita menentang, kita sokong sangat.....

Y.B. TUAN SALLEHAN BIN MUKHYI : Terima kasih kepada Permatang dan kita di Jabatan Agama Islam sendiri sebenarnya ada garis panduan berhubung kait dengan tazkirah-tazkirah dan sebagaimana juga dalam syarat-syarat pentauliah yang kita telah keluarkan. Jadi, sekiranya ada mana-mana penceramah yang berceramah terkeluar daripada Enakmen Fatwa Kerajaan Negeri Selangor sendiri maka bolehlah dibuat satu aduan supaya tindakan boleh kita ambil. Dan seterusnya saya nak menyebut tentang program-program

TUAN SPEAKER : Y.B. Sabak Seri Serdang dah bangun tapi saya bagi YB Sabak tiga minit lagi untuk habiskan penggulungan ya....tapi nak bagi laluan atau tidak kepada Seri Serdang.....bagi....ok....

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL : Terima kasih Timbalan Speaker, terima kasih Y.B. EXCO. Seri Serdang mencadangkan EXCO Sabak membuat liputan akhbar berkenaan Kerajaan Prihatin telah pun memperuntukkan peruntukkan kepada surau-surau dan masjid agar pihak surau-surau dan masjid tahu peruntukkan itu dari Kerajaan Negeri bukan dari Kerajaan Pusat. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN SALLEHAN BIN MUKHYI : Alhamdulillah, sebenarnya beberapa kenyataan telah dibuat dan kita pun telah memanggil Nazir-nazir masjid yang bertanggungjawab untuk menjaga surau-surau di bawahnya dan memaklumkan bahawa memang program itu daripada Kerajaan Negeri dan kita minta supaya duit itu dimanfaatkan sungguh untuk program Ya Ramadhan dan sebagai baki daripada masa yang ada pada saya suka saya menyebut bahawa sepanjang bulan Ramadhan ini Kerajaan Negeri juga akan mengadakan program Qariah Ramadhan disebut....Qariah Ramadhan ini akan diadakan di beberapa tempat melalui tiga perkara penting ataupun empat program penting pertama sekali sepanjang malam Ramadhan akan diadakan di Dataran Bazarina di dataran Stadium sepanjang malam bermula daripada kuliah sebelum berbuka puasa kemudian berbuka puasa akan disediakan sehingga sembahyang maghrib, sembahyang Isyak selepas itu terawih dan jugak tazkirah santai akan dibuat di Dataran ataupun di dataran Bazarina di Dataran Stadium. Kedua di Dataran Kemerdekaan berhampiran dengan

Y.B. TUAN ROZLY BIN HASSAN: Tn. Speaker.....

TUAN SPEAKER: Y.B. Sabak nak bagi laluan ke.....saya nak bagi satu minit lagi....

Y.B. TUAN SALLEHAN BIN MUKHYI : Sila...sila....sila.....ringkas-ringkaskan...ya....

TUAN SPEAKER : Dusun Tua.....

Y.B. TUAN ROZLY BIN HASSAN : Terima kasih Tuan Speaker. Syukur Alhamdulillah ada nampaknya EXCO Agama begitu prihatin untuk memberi sumbangan menjelang bulan Ramadhan ini. Bagaimana kalau saya mencadangkan ada rungutan-rungutan daripada kakitangan terutamanya kerajaanlah tentang masa untuk mereka menyediakan juadah berbuka puasa ni, kadang-kadang jalan jem ni balik tak sampai ke rumah cepat. Kalau kita bagi kakitangan ni balik awal lagi ...sekarang ni balik pukul....boleh tak.....ada cadangansaya begitulah.....terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya Y.B. Sabak.

Y.B. TUAN SALLEHAN BIN MUKHYI : Ha baik, nanti berkaitan dengan masa ni akan di...akan di...keluarkan kenyataan dalam sikit hari nanti berkaitan dengan masa bekerja dalam bulan Ramadhan. Dan apa pun program yang kita buat ni juga sebahagian daripada nak membantu daripada apa ni daripada masyarakat umat Islam untuk yang tak sempat nak balik singgah dulu ke Stadium Negeri untuk berbuka puasa di stadium negeri sahaja. Yang keduanya kita buat di Dataran Kemerdekaan. Yang itu hanya kita menyediakan berbuka puasa, tazkirah sebelum berbuka, berbuka puasa dan kita solat Maghrib berjemaah di situ. Tidak sampai terawih kerana memandangkan masjid Negeri yang terlalu berhampiran. Dan begitu juga kita akan ada program besar bersama dengan Masjid Negeri pada 3hb, selain daripada 3hb, itulah program *Qiamulail* bersama dengan Masjid Negeri dan Insya-Allah sehingga kepada 4hb. Pagi dan begitu juga Qariah Ramadhan ini bergerak ke daerah-daerah. Kita memilih lapan daerah kecuali Petaling Jaya sahaja sebab Petaling Jaya kita telah buat di Shah Alam pada tiap-tiap malamnya jadi daerah lain kita akan turun dengan Qariah Ramadhan ini akan dibuat di tiap-tiap daerah satu malam daripada buka sampailah kepada subuh esoknya, Insya-Allah. Jadi saya ingat sekadar itu sebagai penggulungan. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

TUAN SPEAKER: Saya....sebelum saya mempersilakan YB Exco saya ingin ingatkan semua Y.B. sama ada EXCO mahupun YB-YB yang bertanya atau mencelah untuk bercakap dekat dengan *mic* ya sebab kadang-kadang sama ada Exco nak menjawab ataupun pegawai-pegawai yang nak membantu menyediakan jawapan tidak dapat mendengar dengan jelas jawapan ataupun celahan yang dikemukakan. Saya mempersilakan Y.B. Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. *Bismillahir rahmanir rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Sebelum saya membuat penggulungan saya, saya mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli Y.B. yang telah menyentuh beberapa isu di bawah

Jawatankuasa Tetap saya dan ada juga yang memberi cadangan selain daripada mohon penjelasan, Insya-Allah saya akan jawab satu persatu. Isu-isu yang berkaitan dengan wanita yang saya dapati Y.B. daripada Meru, Taman Medan, Seri Serdang, Taman Templer, Rawang membangkitkan beberapa persoalan dan cadangan ingin saya nyatakan di sini bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Taman Medan dan cadangan daripada beliau. Perkara-perkara yang ditimbulkan contohnya tentang caruman wanita Selangor ataupun Selangor *Day Care Centre*, dengan izin, menyediakan kediaman ibu-ibu tunggal yang tiada tempat tinggal dan sebagainya, untuk maklumat Tuan Timbalan Speaker, kerajaan Selangor telah pun memberikan komitmen untuk memperuntukkan RM50,000,000 untuk tempoh lima tahun dalam tabung pembelaan wanita Selangor dengan tujuan menyediakan prasarana baik bagi meningkatkan mutu kehidupan wanita dari segi kewangan, taraf hidup serta keselamatan. Insya-Allah dengan peruntukan yang sedia perkara-perkara yang dicadangkan dan dibangkitkan oleh YB sekalian akan saya teliti dan berikan saya sedikit masa untuk meneliti beberapa data dan faktor terlebih dahulu sebelum beberapa perkara dapat dilaksanakan khususnya caruman wanita Selangor yang sebenarnya pada asasnya kita lihat ianya satu program yang begitu baik yang begitu dapat menyelesaikan masalah jaminan kewangan dan keselamatan kepada wanita khususnya suri rumah yang kita tangani sebelum mereka terpaksa terjebak dalam masalah kemiskinan ataupun kebajikan bilamana kematian suami ataupun dicerai oleh suami ataupun suaminya ditimpa musibah seperti kemalangan masalah kesihatan yang tidak dapat bekerja untuk menambah pendapatan keluarga. Jadi Insya-Allah cara mawaddah Selangor kemungkinan besar boleh dilaksanakan tapi saya perlukan sedikit masa untuk memperolehi data-data yang cukup dan faktor yang lebih sesuai selain daripada dana peruntukan yang mungkin khusus untuk dapat dilaksanakan. Bagi menjawab tentang isu yang dibangkitkan oleh Taman Medan iaitu Selangor *Day Care Centre*, ingin saya mengatakan di sini bahawa Taman Medan mencadangkan diwujudkan SDCC ini yang berpusat iaitu di setiap PBT seperti Kompleks 3C di Subang Jaya. Sebenarnya semenjak awal tahun ini kerajaan negeri Selangor lebih dahulu telah mengambil pendekatan tidak berpusat Pusat Penjagaan Kanak-kanak ini malah kita menggalakkan program, di bawah Program pembelaan wanita iaitu suri-suri rumah dan ibu tunggal yang sekarang ini yang memang sedia maklum menceburkan diri dalam industri asuhan kanak-kanak dengan kita memberikan sedikit sokongan kepada mereka sedikit dana untuk latihan khusus dan juga beberapa program bantuan peralatan ...apa ni peralatan sumber apa ni peralatan bantuan am untuk mereka untuk mereka membuatkan ataupun mendapatkan satu lesen khas yang kita namakan Lesen Pusat ataupun Lesen Penjagaan Anak-anak di Selangor supaya dengan adanya lesen ini mereka akan diiktiraf sebagai individu yang layak membuka taman asuhan di rumah yang mana Jabatan Kebajikan Masyarakat telah pun di bawah Akta Kanak-kanak telah pun mengizinkan perkara ini boleh berlaku supaya ianya dapat memastikan kualiti penjagaan dan juga sekali gus menambah pendapatan diri dan keluarga dapat dilaksanakan. Jadi saya bukanlah menolak tentang wujudnya 3C itu ...minta maaf, wujudnya *Day Care Centre* itu baik, tetapi.....

TUAN SPEAKER : Y.B. Batu Tiga maaf, Taman Medan dan Bukit Gasing mohon menceleh.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Biar saya habiskan ayat dulu nanti saya izinkan Taman Medan. Saya bukan menolak perwujudan Selangor *Day Care Centre* ini tapi bagi saya eloklah sebenarnya diwujudkan banyak lagi pusat-pusat jagaan yang tidak berbentuk institusi tetapi berbentuk di rumah kerana keperluan itu sebenarnya begitu mendesak. Khususnya kepada warga-warga yang tinggal di kota yang perlu pergi bekerja yang kadangkalanya dengan tidak disediakan pusat-pusat institusi penjagaan kanak-kanak yang baik oleh semasa perancangan ya, pembangunan bandar itu menyebabkan banyak institusi taman asuhan tidak dapat dilesenkan, ada dua ribu lebih permohonan tetapi yang dapat lesen hanya dua ratus. Jadi elok kita ambil pendekatan yang lebih baik iaitu kita menyediakan perkhidmatan penjagaan anak-anak ni di rumah tetapi dengan syarat wanita ataupun mereka yang membuka pusat penjagaan di rumah ini mestilah dilesenkan dan dipantau bagaimana pelaksanaan program ini. Silakan Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Saya bersetuju diwujudkan lebih banyak pusat-pusat asuhan dan penjagaan anak-anak. Hanya cadangan SDCC itu adalah untuk menjadi model dari segi kualiti penjagaan anak-anak tersebut. Bukan hanya kita menjaga anak-anak itu supaya dia bersih dan cukup makan tetapi daripada pengisian minda dia juga perlu dititikberatkan. Jadi bagaimana yang pengasuhan di rumah-rumah ini boleh menjaga dari segi tahap piawaian tersebut.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih, Taman Medan. Tuan Timbalan Speaker, ingin saya menjawab, sebenarnya bila kita mengenal pasti wanita-wanita yang telah pun memulakan program penjagaan kanak-kanak di rumah ini dengan wujudnya Sijil Asuhan Kanak-kanak Selangor ini kita memastikan :-

1. Mereka itu mula didaftarkan.
2. Latihan-latihan khusus kepada mereka ini perlu mereka hadiri supaya mereka dapat tahu bukan sahaja isu berkaitan penjagaan kanak-kanak ini hanya sekadar semata-mata menjaga anak-anak. Ia lebih kepada ada Akta yang melindungi kanak-kanak ini yang perlu diberikan hak kepada anak-anak ini. Masalah kesihatannya, pembelajarannya, penjagaannya dan sebagainya diambil kira. Jadi ini yang sebenarnya kita tidak pernah tinggal tentang kualiti penjagaan juga mesti ditekankan selain hanya mewujudkan taman-taman asuhan ini.

Insyallah, saya sokong apa yang

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Batu Tiga, Seri Andalas dan Bukit Gasing ya. Bukit Gasing duduk belakang, jadi tak nampak.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya bagi izin Bukit Gasing terlebih dahulu.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih. Saya tertarik dengan cadangan untuk mewujudkan lebih *Day Care Centre* di kawasan perumahan. Saya ingin penjelasan adakah kelulusan PBT diperlukan bagi setiap permohonan ini dan adakah dicadangkan untuk membenarkan rumah teres atau pun rumah pangsa untuk mengadakan *Day Care Centre* ini? Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Bukit Gasing. Sebenarnya dalam menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak ada 2 kategori pusat jagaan kanak-kanak :-

1. Institusi maknanya mereka mengambil kanak-kanak melebihi sembilan (9) orang. Jadi mereka mestilah mendaftarkan diri dan mesti ada premis yang tersedia atau pun premis yang tersendiri dalam mewujudkan taman asuhan kanak-kanak tersebut.
2. Taman asuhan di rumah atau pun pusat penjagaan di rumah yang membenarkan sesuatu individu itu mengambil penjagaan kanak-kanak tidak melebihi 9 orang termasuk anak sendiri.

Jadi ini sebenarnya lebih banyak. Sekarang ini sebenarnya yang menjaga di rumah ini banyak. Ramai wanita atau pun individu yang terlibat di dalam pusat penjagaan di rumah ini tetapi persoalannya ia tidak didaftarkan. Sebab itu kita sekarang ini memastikan bahawa pusat penjagaan di rumah ini mula mengambil pendekatan supaya mereka juga mesti didaftarkan dan kita berikan latihan dan akhirnya kualiti penjagaan dan hak kanak-kanak dijaga. Jadi untuk di rumah tidak perlu lesen daripada Pihak Berkuasa Tempatan, hanya perlu lesen daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Silakan Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih. Saya ada soalan tentang Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya diberitahu bahawa ada dua (2) jenis bayaran :-

1. Bayaran melalui bank kepada penerima-penerima bantuan JKM.
2. *Cash over the counter*, dengan izin *payment* dia ada.

Saya dapat banyak aduan sekarang. Katakan masalah bayaran ini bukan berbulan. Kadang-kadang mereka *skip* 1, 2 bulan. Lepas tu datang dan sebagainya. *Miss used of*, dengan izin bantuan ini saya minta EXCO buat siasatan. Aduan yang datang kepada saya ialah dari orang-orang miskin, termiskin saya ingat. Yang dapat RM200.00 atau pun RM150.00 dan sebagai sebulan dan mereka pergi ke pejabat JKM tak dapat sebab dia kata sudah lewat. Tetapi masalah dia ialah EXCO.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Boleh simpulkan, Yang Berhormat?

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Ya, soalan dia ada pembayaran *cash over counter*. Saya nak EXCO siasat adakah dia dibayar tiap-tiap bulan atau pun dia 2 kali sebulan atau 3 kali sebulan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ini *plan* baru ya selepas perbahasan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker sebab saya pun nak cakap benda yang sama. Ini benda yang baru sebenarnya tetapi Insya-Allah saya ambil maklum. Sebab isu yang sedang saya bincangkan ini adalah isu yang berkaitan dengan wanita dan cadangan daripada Taman Medan untuk menyediakan Selangor *Day Care Centre*. Jadi itulah jawapan saya. Insya-Allah kita ambil maklum tentang pendekatan itu tetapi saya lebih yakin jika pendekatan penjagaan tidak berpusat ini lebih kita *established* kan, dengan izin. Ia akan beri impak yang besar kepada masyarakat khususnya mereka yang duduk di bandar-bandar.

Untuk menjawab isu yang seterusnya. Taman Templer mencadangkan supaya istilah ibu tunggal itu ditukar kepada ibu berdikari. Saya ingin nyatakan sebenarnya selain daripada istilah ibu berdikari, ada yang mencadangkan sebelum ini ibu berdaya, ibu kesunyian, ibu sendirian, semuanya ada. Tetapi saya ingin menyatakan di sini buat masa ini kerajaan tidak lagi memikirkan mengguna pakai istilah-istilah baru kerana bagi kita istilah ibu tunggal ini adalah istilah nasional yang sebenarnya boleh, Insya-Allah memberi impak yang tertentu tetapi kita perlu ingat satu sahaja. Saya punya pesanan supaya jangan kita nampak isu ibu tunggal ini hanyalah isu kesedihan semata-mata. Istilah itu tidak menjadi masalah sebenarnya tetapi yang menjadi masalah persepsi kita menerima istilah itu dalam pelaksanaan yang ada.

Jadi, Taman Medan mencadangkan supaya menyediakan rumah-rumah untuk ibu tunggal. Saya telah pun perhatikan perkara ini sejak awal lagi. Sebenarnya ada 4 program, 4 perkara yang perlu dibuat bagi menangani masalah ibu-ibu tunggal yang tidak punya rumah, tempat tinggal yang selesa dan sempurna :-

1. Ibu-ibu tunggal Muslim di bawah Lembaga Zakat Selangor. Mereka telah pun membantu untuk kes-kes ibu-ibu tunggal yang ada rumah tetapi masih tertanggung bayaran sebab bayaran bank mereka tidak dapat dilaksanakan. Sebenarnya di bawah Lembaga Zakat Selangor telah ada pun satu program khas untuk menyelesaikan bayaran bulanan tersebut.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat, 1 minit lagi ya.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Banyak lagi ni. Jangan kacau saya, ok?

2. Tapak tanah iaitu jika ibu tunggal ini mempunyai tapak tanah. Jadi kita di bawah Kerajaan Prihatin, kita menyediakan rumah-rumah Kerajaan Prihatin. Bagi mereka yang tidak mempunyai aset lagi. Saya mencadang, saya telah pun berbincang dengan EXCO Perumahan supaya dibenarkan supaya ada sewa murah di bawah rumah PPR dan juga perlu ada satu pendekatan khusus di

bawah EXCO Perumahan untuk diberikan rumah khas kepada ibu-ibu tunggal yang dalam *database* kita yang memang benar mereka cukup memerlukan bantuan tersebut.

Seterusnya, Rawang mencadangkan tentang perlunya ada insentif kepada syarikat yang menyediakan nurseri. Saya tidak mencadang, kerajaan Selangor tidak mencadang untuk memberi insentif tetapi kita menegaskan bahawa setiap syarikat perlulah mengikuti dasar yang selari dengan kerajaan negeri Selangor dan ini adalah sebahagian daripada komitmen dan juga CSR mereka bagi melaksanakan program untuk menyediakan sistem sokongan nurseri dan tadika di tempat masing-masing.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Minta penjelasan, Tuan Timbalan Speaker?

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Nak terima ke Batu Tiga? Masa dah.....

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Masa dah sikit sahaja ni. Jadi saya terpaksa teruskan. Keduanya, cadangan untuk menyediakan satu tabung *Equality Fund* atau pun dengan izin, tabung Kesaksamaan *Gender*. Sebenarnya kerajaan Selangor tidak bercadang untuk buat tabung *Equality Fund* lepas sebab kes-kes yang berlaku oleh Nor Fadhillah Ahmad Shekin itu kita nampak agak mendesak. Tetapi bagi saya, kerajaan Selangor telah pun mengambil pendekatan di dalam Pelan Tindakan Wanita pada 2013 dan 2014 supaya menyediakan *Gender Focal Point* atau pun tempat tumpuan *gender* di setiap jabatan bagi setiap *gender* ini memahami apa yang dilaksanakan. Jadi saya akan serahkan buku ini kepada ADN-ADN yang baru supaya mereka memahami apakah program di bawah *Gender Equality* ini.

Saya ingin menyentuh, Timbalan Speaker tentang isu.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Berapa lama lagi, Yang Berhormat Batu Tiga?

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Bagi saya 2 minit lagi ya. Isu berkaitan dengan rumah urut. Walaupun ianya tidak berkaitan di bawah portfolio saya secara langsung. Lebih yang ditimbulkan adalah berkaitan dengan isu penguatkuasaan tentang premis ini. Tetapi saya ingin mengambil maklum atau pun mengambil tarikan kepada Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengatakan tolong kita lihat isu yang berkaitan dengan rumah urut ini bukan sahaja dalam aspek penguatkuasaan semata-mata tetapi kita perlu juga serius dalam melihat isu ini sebagai pemerdagangan manusia atau pun orang. Selalu yang dinyatakan hanya bila berlakunya sesuatu kita lihat tentang penguatkuasaan semata-mata. Tetapi sebenarnya persoalan asasnya berlakunya pemerdagangan orang itu yang menyebabkan sebenarnya perkara ini tidak ditangani. Sebab itu saya menggesa di dalam Dewan ini supaya Kerajaan Persekutuan mengiktiraf penubuhan Majlis Permuafakatan Anti Pemerdagangan Manusia ini di negeri Selangor yang kerana Selangorlah satu-satunya negeri yang telah menubuhkan MAKMAS ini dan kita harap bila adanya pengiktirafan ini kita boleh mengakses kes-kes yang berlaku. Jadi, itu saya punya respons kepada perkara itu.

Saya ingin menjawab isu yang berkaitan dengan kebajikan. Rawang menimbulkan isu aksesibiliti atau pun perlunya ditubuhkan jawatankuasa teknikal. Sebenarnya kerajaan di bawah *STANDCO* Kebajikan telah pun menubuhkannya pada Jun 2009. Walaupun isu ini, penguatkuasaannya di bawah PBT tetapi auditnya atau pun perancangannya kita buat di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. *Sorry*, di bawah *STANDCO* Kebajikan.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ini terakhir ya. Dah kecederaan dah.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Audit yang dibuat ini sebenarnya ada laporannya dan kita maklum bahawa banyak lagi PBT yang tidak melaksanakan kemudahan OKU di kawasan PBT dengan sempurna. Namun, dah ada dah mula dia punya pendekatan yang baik dan jabatan teknikal ini sebenarnya diletakkan di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Jabatan Bangunan. Jadi itu sahaja jawapan atau pun penggulungan bagi pihak saya dan akhirnya saya ingin mengatakan kepada pembangkang bahawa isu tentang manifesto dan janji yang tidak ditepati, tolong jangan timbulkan lagi kerana saman-saman yang telah dibuat kepada kerajaan Selangor pun, semuanya telah pun dibatalkan atau pun ditarik balik oleh plaintif. Saya ingin menegaskan yang saman-saman yang tidak *bersojar* ini, 5 saman yang ada ini telah pun mengambil duit rakyat, duit cukai rakyat yang mana kerajaan Selangor terpaksa mengeluarkan hampir RM75,000.00 untuk membayar kepada Peguam. Apakah elok kalau RM75,000.00 ini kalau kita terus bagi kepada ibu-ibu tunggal ini. Jadi, jangan lagi kita timbulkan isu-isu ini kerana kes itu telah pun ditarik balik. Yang menyaman pun dah tarik balik dan kita tak tahu lagi apa yang akan dilakukan selepas ini dan jangan jadikan politik isu-isu yang tak sewajarnya. Lebih-lebih lagi di dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih, Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya mempersilakan Yang Berhormat Chempaka.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: *Bismillahir rahmanir rahim.* Terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah banyak membangkitkan isu-isu perumahan dan juga perumahan rakyat. Sekinchan telah mencadangkan agar pihak swasta dilibatkan dalam pembinaan rumah mampu milik. Sebenarnya ianya telah berlaku, memang dari tahun 2010 lagi Kerajaan Negeri telah membenarkan pemaju swasta membina rumah mampu milik di kawasan-kawasan di mana rumah kos rendah tidak lagi sesuai dibina. Penglibatan swasta ini, sekarang ini, setakat ini melibatkan 20 projek yang melibatkan sekurang-kurangnya 3,500 unit. Walau bagaimanapun, jumlah ini mungkin tidak mencukupi untuk memenuhi akan permintaan rakyat yang tinggi dan pada sidang Dewan yang lepas, kerajaan negeri telah memperuntukkan dana sebanyak RM50 juta untuk membina rumah mampu milik pasang siap atau IBS agar lebih banyak rumah berkualiti dapat dibina dengan masa yang lebih singkat.

Dalam manifesto Pakatan Rakyat dalam Pilihan Raya Umum 2013, dana ini telah ditambah kepada RM100 juta. Sekurang-kurangnya, lebih kurang 1,000 rumah mampu milik dapat dibina dengan dana tersebut yang akan dijadikan modal pusingan. Dalam manifesto juga telah dijanjikan bahawa sebuah badan khas seperti *Housing*

Development Board di Singapura akan ditubuhkan pada penggal ini. Oleh itu, pembinaan rumah mampu milik di Selangor akan dilakukan oleh sebuah badan yang lebih fokus yang akan terlibat di dalam aktiviti mencari tanah, merancang, mereka bentuk, mendapatkan kelulusan, melantik kontraktor, membina, menjual, mendapatkan pinjaman untuk pembeli dan mengurus. Tentang pembinaan perumahan yang dibangkitkan oleh Kota Anggerik yang telah mencadangkan agar dana untuk skim pinjaman kerajaan negeri ditambah dari RM50 juta setahun kepada RM100 juta, perkara ini adalah juga di dalam manifesto Selangor 2013. Biarlah perkara ini kita laksanakan dulu terlebih dahulu dan kita lihat akan kejayaannya sebelum kita mempertimbangkan untuk menambah peruntukan tahunannya atau tidak. Tentang harga rumah yang dibangkitkan oleh Kota Anggerik dan juga oleh Kota Damansara yang telah menyentuhnya beberapa kali. Kerajaan negeri akan melancarkan satu polisi baru pada bulan September ini untuk menggantikan polisi 20 : 20 : 10. Polisi baru ini akan mempelbagaikan jenis-jenis rumah yang wajib dibina oleh pemaju agar ia bersesuaian dengan realiti ekonomi masa kini. Sekarang ini terdapat tiga (3) jenis rumah yang wajib dibina iaitu berharga :-

- a) RM42,000.00 ;
- b) RM75,000.00 ; dan
- c) RM100,000.00

Tetapi dalam polisi baru ini, ada lebih banyak jenis rumah bagi memenuhi kehendak rakyat berpendapatan rendah sehingga yang berpendapatan isi rumah RM8,000.00 sebulan. Kerajaan negeri belum lagi berhasrat untuk mengawal harga rumah atau seperti yang Kota Anggerik cadangkan meletakkan harga maksima RM300,000.00 bagi rumah-rumah yang dibina tetapi hasrat kerajaan negeri atau pun usaha kerajaan negeri adalah untuk memastikan terdapat stok perumahan yang secukupnya untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Mohon mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya, Yang Berhormat Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Terima kasih, Tuan Speaker. Dalam kita menyediakan polisi perumahan. Kebolehmampuan rakyat membeli rumah itu kena ambil kira. Saya bantangan dalam Dewan yang lepas, 72% daripada rakyat Selangor ini pendapatannya hanya RM3,500.00 ke bawah dan mereka tak mampu untuk membeli rumah lebih daripada RM300,000.00. Sekarang ini kita hanya mengawal 50%, itu hanya untuk pendapatan RM2,000.00 ke bawah. Kalau RM8,000.00 itu soal lain. Tetapi 72% ini kena di fokus. Jadi polisi kita kalau boleh bukan hanya sekadar 20 : 20 : 10 tetapi sampai 20 : 20 : 20 : 10. Jadi yang 30% kita lepaskan. Apakah polisi ini di ambil kira dalam peruntukan.

Keduanya, ialah rumah mampu milik tadi. RM80,000.00 agak tinggi, RM60,000.00 kemampuan untuk yang berpendapatan RM1,200.00 ke bawah.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Untuk polisi baru kita tidak lagi atau kita belum menghapuskan Rumah Kos Rendah bermakna ada lagi rumah di bawah RM80,000. Dalam polisi baru yang menggantikan 202010 itu bermaknanya bahawa kita memberi fokus juga kepada mereka yang berpendapatan sederhana sebab selama ini apabila kita melancarkan Program Rumah Kos Rendah sahaja terdapat mereka tidak dapat membeli rumah sebab gaji mereka adalah lebih daripada RM2,500 sebulan. Dalam strategi ekonomi seperti ini kita melihat kita tidak akan *control*, kita tidak akan kawal bagi saya habiskan, kita tidak akan kawal, bagi saya habiskan dulu...

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI : Ok

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Bagi saya jawab Kota Anggerik dulu. Kita tidak akan kawal rumah kita tidak akan *keep* bahawa rumah itu perlu RM300,000 atau RM500,000. Tetapi yang pentingnya perlu ada *stop* perumahan untuk mereka yang pendapatan rendah dan pendapatan yang sederhana. Contohnya kereta kita tidak boleh *control*, kereta itu sampai harganya berapa tetapi untuk mereka pendapatan yang sederhana dan pendapatan rendah kena ada *stop* perumahan yang mencukupi ini yang dibuat oleh Kerajaan Negeri. Silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya melihat terhadap strategik 202010 ada 3 keadaan. Pertama dalam rumah Majlis Perbandaran kemudian di kawasan Majlis Daerah dan kawasan luar Majlis Daerah itu yang pertama. Kalau merujuk kepada kenyataan draf rasmi soalan tersebut dinyatakan oleh Pejabat Daerah Sabak Bernam tiada lagi, belum ada lagi untuk Rumah Kos Rendah. Kalau mengikut Pejabat Daerah Sabak Bernam ini Rumah Kos Rendah itu adalah di bawah RM30,000 sebab dia di bawah di dalam luar di kawasan Majlis Daerah tersebut. Cuma kebimbangan saya ialah kalaulah polisi baru itu diwujudkan dalam keadaan senario semasa pun tiada pun ada Rumah Kos Rendah?. Jadi bagaimanakah keadaan-keadaan mereka yang kurang kemampuan daripada segi milik rumah. Dan saya lihat dari segi data

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. Berapa tadi dah tanya satu soalan saya minta..sebab masa mencemburui kita, kita bagi Y.B. menjawab soalan tersebut.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Kita melihat secara menyeluruh, secara menyeluruh Rumah Kos Rendah masih ada lagi masih kita akan bina Rumah Kos Rendah. Sekarang ini polisi baru yang cadangannya namanya bukan 202010 lagi tetapi polisinya Rumah Selangorku di mana kita akan fokus kepada yang paling bawah kepada yang gajinya ialah lebih kurang RM8,000 sebulan. Jadi maknanya kita tidak akan meninggalkan mereka di peringkat bawah orang kata *low rank of society* (dengan izin) tetapi semua kita akan beri penumpuan tetapi kita tidak akan kawal harga rumah iaitu tidak ada lagi rumah yang lebih daripada RM300,000 atau RM1 juta yang dibina di dalam negara ini. Kita tidak akan kawal perkara itu. Yang Berhormat sekalian tentang pembangunan semula Kerajaan Negeri memahami ke bimbingan Kampung Tunku

bahawa jika rumah-rumah mampu milik kalau dibina di pinggir-pinggir bandar sahaja maka ya lah oleh sebab kerana faktor kekurangan tanah maka akibatnya kawasan perumahan dalam bandar akan menjadi tidak menjadi bermaya kerana kekurangan generasi muda. Sebenarnya Kampung Tunku kawasan yang tidak didiami oleh generasi muda juga boleh menjadi *wavering* (dengan izin) contohnya dalam kawasan perumahan yang didiami warga-warga yang telah bersara juga penuh dengan aktiviti kerana penduduknya tidak lagi sibuk bekerja dan boleh memberi tumpuan kepada program-program kemasyarakatan. Walau bagaimanapun, masalah ini yang dibangkitkan oleh Kampung Tunku boleh diatasi melalui *redevelopment* atau pembangunan Semula. Perkara yang sama juga telah disentuh oleh Bukit Gasing seperti jawapan saya kepada Kota Anggerik semalam proses pembangunan semula sedang berlaku. PKNS telah membuat tawaran kepada pemilik-pemilik rumah Pangsa di Jalan Enggan AU2, Taman Keramat agar rumah pangsa itu dibangunkan semula atau di remajakan rundingan masih lagi berjalan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Cempaka, Y.B. Kampung Tunku meminta lalu.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Sikit lagi, sekejap lagi. Selain daripada itu PKNS juga telah mengenal pasti 2 kawasan Rumah Pangsa Kos Rendah untuk di remajakan iaitu Rumah Pangsa Seksyen 16, Shah Alam dan Rumah Pangsa Seksyen 17, Petaling Jaya. PKNS juga telah dijemput untuk menjalankan bersama-sama oleh pemaju swasta untuk projek pembangunan semula. Sebarang program pembangunan semula kalau dilaksanakan mestilah *value of money* kepada penduduk asal. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Mohon mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. Cempaka hendak beri kepada Kampung Tunku atau Bukit Gasing.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Yang Berhormat Exco. Sebenarnya apa yang saya tanyakan ialah semasa perbahasan saya ialah tentang konsep *river-tising* yang mana saya rasa ini akan dapat membantu syarikat-syarikat Kerajaan Negeri untuk pembangunan Rumah Mampu Milik, Rumah Kos Rendah di kawasan luar bandar dan kerjasama syarikat swasta yang mempunyai tanah tetapi tidak wang dan kerajaan melalui anak syarikat pam ni dana untuk pembangunan rumah-rumah mampu milik atau kos rendah di kawasan-kawasan bandar. Jadi saya ingin menanyakan kepada Y.B Exco, apakah pandangan adakah perkara ini telah diambil serius oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Telah ada beberapa kerjasama atau usaha sama iaitu bersama dengan syarikat anak syarikat Kerajaan Negeri seperti PKNS yang telah melancarkan satu projek berdekatan di sini bersama syarikat swasta

untuk Rumah Mampu Milik ini telah dilancarkan dan juga telah dilancarkan satu lagi projek iaitu di Sutera Damansara bersama dengan sebuah lagi syarikat swasta. Jadi maknanya perkara ini masih berjalan dan memang ada syarikat-syarikat yang telah *fros* atau pun berjumpa dengan PKNS untuk sama-sama memajukan tanah contohnya tanah atau pembangunan semula. Tetapi kita kena lihat betul-betul sama ada projek ini *viable* atau tidak memberi keuntungan kepada PKNS atau tidak atau pun ia syarikat-syarikat itu hanya hendak bekerjasama dengan PKNS oleh kerana hendak menyelesaikan isu-isu tanah yang bermasalah. Manakala mereka datang ke PKNS bukan serius (dengan izin) untuk menjadi rakan kongsi yang sama rakan kongsi yang sama tetapi hanya meminta PKNS selesaikan isu-isu tanah sahaja. Terima kasih Bukit Gasing ingin menanya.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Mohon menyela. Terima kasih. Saya ingin menanya yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi berkenaan pembangunan Flat Kos Rendah di Seksyen 17, Petaling Jaya. Mengapa cadangan pembangunan semula itu berunsur bukan komersial dan bukan berunsurkan membangunkan semula Rumah Mampu Milik yang sesuai ini adalah di tengah Bandar Raya di Petaling Jaya. Dan jika dibangunkan semula sebagai keseluruhannya dibangunkan semula sebagai Rumah Mampu Milik amat sesuai untuk generasi muda Petaling Jaya.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Sebabnya Yang Berhormat cadangan yang dibawa oleh syarikat tersebut kepada PKNS dalam keputusan terkini bahawa cadangan tersebut telah ditolak oleh Pengarah PKNS dan sekarang ini terpulanglah kepada PKNS untuk merancang untuk satu pembangunan yang lebih baru atau pun atau yang lebih relevan kepada masyarakat atau pun rakyat. Saya juga ingin menjawab tentang masalah

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. Sekinchan.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Sekinchan dipersilakan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Exco daripada Cempaka berkaitan dengan perbahasan saya dalam Persidangan yang lepas ini berkaitan dengan Rumah Mampu Milik yang cadangan saya tentang kerajaan boleh menyediakan tanah-tanah tertentu kemudian jemput syarikat yang kompeten yang berupaya, yang berlatarbelakangkan kewangan yang baik dan kita aturkan supaya mereka boleh dirikan Rumah Mampu Milik dan kemudian akhirnya rumah itu siap rumah penjualan rumah itu di bawah kerajaan tapi tanah itu tanah kerajaan dan harga itu dapat dikawal ini adalah caranya bukan seperti apa yang dikatakan pemaju sediakan tanah untuk menyelesaikan masalah tanah mereka itu satu. Dan kedua saya nampak Kerajaan Pakatan Rakyat ada satu sindrom iaitu sindrom tidak kepercayaan kepada swasta. Ia memang pengalaman yang lalu Barisan Nasional merosakkan, merosakkan kepercayaan rakyat terhadap penswastan ini tapi di bawah Pakatan Rakyat minta kita gunakan prisma dan kebijaksanaannya untuk mempercepatkan Rumah Mampu Milik supaya rakyat di Negeri Selangor dapat Rumah Mampu Milik. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Ini waktu mencelah bukan perbahasan.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Ini bukan sindrom. Ini kita kena berhati-hati daripada apa yang berlaku sebelum ini bahawa dalam banyak kes di mana senang ceritalah bahawa Barisan Nasional Kerajaan Negeri banyak kena tipu senang ceritalah. Jadi bermakna kali ini kita lebih berhati-hati bahawa kita tidak dipatuk daripada lubang yang sama 2 kali jadi bermakna bahawa sekarang ini ada kerjasama bersama dengan swasta memang ada tetapi dalam cadangan atau dalam apa yang kita bentangkan kepada rakyat dalam manifesto untuk Pilihan Raya ke13, Pilihan Raya Umum ke13 bahawa kita sendiri kerajaan akan mewujudkan satu badan untuk membina Rumah Mampu Milik. Model kita adalah model *Housing Board* di Singapura itu yang Kerajaan Negeri akan buat. Jadi kalau bermakna tanah Kerajaan Negeri sendiri saya difahamkan bahawa kita akan mendapat lebih 4,000 ekar tanah baru syarikat Kerajaan Negeri bahawa ini memberi peluang kepada Kerajaan Negeri sendiri sebab kita hendak *control* sindrom kita tidak percaya orang. Sebab kita telah banyak kena ketuk kepala dengan orang. Jadi bermakna bahawa ini kita akan lakukan. Yang seterusnya rumah untuk disewa dalam manifesto Kerajaan Negeri telah berjanji akan memastikan bilangan rumah-rumah sewa akan ditambah. Ini amat penting kerana ada rakyat yang tidak mahu membeli rumah ada rakyat yang belum bersedia membeli rumah yang baru kahwin, memulakan pekerjaan atau tidak mampu membeli rumah atau memang tidak mahu membeli rumah. Jadi hasrat Kerajaan Negeri bahawa kita akan mewujudkan atau menambah bilangan rumah-rumah untuk disewa dan juga sedikit sebanyak juga ia menyelesaikan kediaman untuk Ibu Tunggal yang telah dibangkitkan oleh Taman Medan yang juga telah disentuh oleh Batu Tiga sebentar tadi. Kota Damansara telah mencadangkan agar JNB diperkasakan Kerajaan Negeri sejak penggal lepas lagi

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Cempaka.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. Permatang.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Baru satu helai.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Sikit sebelum pergi ke Kota Damansara mengenai isu perumahan itu jugalah. Apakah kerajaan ada satu karisma hendak pastikan supaya pembeli rumah ini dia tidak beli 2 kali ini saya hendak tanyalah kadang-kadang ada juga kes-kes orang yang sama beli kawasan ini kalau tidak ada rekod dan sebagainya dia boleh beli di tempat lain. Jadi dia sewa dekat sini duduk tempat lain, ini satu perkara. Jadi apakah kerajaan ada satu karisma yang jelas maknanya satu keluarga ada satu rumah. Kadang-kadang dia tidak memakai nama dia pakai nama isteri, tidak pakai nama isteri pakai nama anak kan. Ini pun saya ingat kerajaan juga perlu satu karisma saya hendak penjelasan jika ada.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Kita memang ada *database*. Kalau jika isteri sudah beli atau suami beli memang dia akan *reject* borang itu akan *rejet* itu yang ramai yang menangis-nangis datang ke pejabat mengatakan mereka sudah bayar *down*

payment tetapi mereka ingat kita tidak tahu isteri dia sudah membeli rumah dia memang tidak ada rumah jadi memang ada *database* untuk kita memastikan tidak berlaku *isolasi* seperti ini sama ada Rumah Kos Rendah atau Rumah Mampu Milik kedua-duanya kita *control* atau kita kawal. Yang kedua adalah memberdayakan JMB bukan memperdayakan memberdayakan JMB Kota Damansara mahu kita memperkasakan JMB memang kita akan memperkasakan memberdayakan. Kita hendak melihat bahawa JMB ini dapat berdikari. Kerajaan Negeri mahu JMB kuasa mereka atau Jawatankuasa JMB ini kuasa mereka dihormati dan kuasa mereka diiktiraf oleh penduduk. Berbagai himpunan, kursus dan seminar kerap dianjurkan sama ada oleh Lembaga Perumahan Tanah Selangor atau Pesuruhjaya Bangunan COB-COB, bagi memberi bimbingan dan tuju ajar kepada JMB. Program baik pulih negeri berkebajikan atau Program Ceria telah diwujudkan untuk membantu GNB baik pulih pembangunan mereka melalui kaedah perkongsian kos setakat ini program ini melibatkan 100 kawasan pangsapuri dengan kos melebihi RM13 juta dan 99 kawasan lagi untuk dipertimbangkan. Terima kasih.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Mohon penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. Taman Medan mohon penjelasan.

Y.B. PUAN HANIZA BIN MOHAMED TALHA : Saya harap Y.B. EXCO ambil juga perhatian tentang pihak JNB dikenakan tekanan oleh pembekal-pembekal *julilitis* kerana pemaju sebelum itu tidak menjelaskan bil-bil *julilitis*. Jadi ada pihak JMB telah dibawa ke Mahkamah kerana tidak menjelaskan bil-bil semasa penjagaan bangunan di bawah MC atau pun pemaju.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya..jam sudah menunjukkan pukul 1.00 tengah hari. Diminta EXCO untuk menyambung jawapan dan penjelasan waktu rehat. Yang Berhormat sekalian jam sudah menunjukkan 1.00 tengah hari saya tanggung Dewan sehingga jam 2.30 petang bagi Kerajaan membuat penggulungan. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dewan disambung semula. Sebelum saya meneruskan mesyuarat saya ingin memaklumkan bahawa Draf Penyata Sidang Dewan selepas ini akan diedarkan menerusi e-mel. Salinan *hardcopy* draf penyata hanya dikeluarkan di atas permintaan sahaja. Sila sahkan e-mel Yang Berhormat sekalian di borang yang diedarkan oleh Urus Setia untuk memudahkan penghantaran Draf Penyata tersebut. Justeru itu saya memohon agar semua Yang Berhormat dapat menyemak e-mel masing-masing untuk semakan kenyataan Yang Berhormat sekalian. Sebarang pembetulan perlu die-mel atau dimaklumkan semula secara *hardcopy* dengan kepada Urus Setia Dewan. Sebagai langkah keselamatan juga saya ingin mengingatkan Yang Berhormat supaya tidak meninggalkan barang-barang yang berharga di Dewan Sidang semasa rehat. Seterusnya saya mempersilakan Chempaka untuk menyambungkan penjelasan.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih kepada Tuan Speaker. Ini adalah berkenaan membudayakan JMB ataupun seperti mana yang dibangkitkan oleh Kota Damansara untuk memperkasakan JMB seperti mana yang saya telah nyatakan sebelum rehat tadi bahawa kita telah menganjurkan beberapa perhimpunan, kursus dan seminar sama ada oleh Lembaga Perumahan Hartanah Selangor (LPHS) ataupun Pesuruhjaya Bangunan (COB) bagi memberi bimbingan atau tunjuk ajar kepada JMB. Program Baik Pulih Negeri Berkebajikan (CERIA) telah juga diwujudkan untuk membantu JMB membaik pulih pembangunan mereka. Setakat ini 100 kawasan pangsapuri dengan kos melebihi RM13 juta dan 19 lagi kawasan telah memohon untuk dipertimbangkan. Selain daripada itu Kerajaan Negeri juga telah meluluskan Skim Rondaan Keselamatan dan Kejiranan (SEROJA)...

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA : Mohon mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Chempaka, Taman Medan mencelah.

Y.B. PUAN HANIZA BT. BINTI MOHAMED TALHA : Taman Medan ada bangkitkan berkaitan dengan tindakan mahkamah ke atas JMB disebabkan kegagalan MC dan juga pemaju yang mengutip untuk mengutip bayaran bagi *utilities*. Jadi mohon pandangan EXCO.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Sebenarnya saya nak jawab sekejap lagi, tak apalah saya jawab terus. Kita ada menubuhkan satu Jawatankuasa iaitu seperti satu Jawatankuasa Timbang Tara (*Arbitration*) di peringkat Kerajaan Negeri yang dipengerusikan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor di mana sekiranya terdapat perkara-perkara atau pertelingkahan di antara penduduk dengan JMB, JMB dengan agensi atau syarikat-syarikat, perlu merujuk kepada Jawatankuasa ini dan mereka akan menyelesaikan masalahnya dan perkara ini ataupun keputusannya akan dibawa kepada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor untuk disahkan sebagai

keputusan yang harus dipatuhi ataupun perlu dipatuhi oleh semua pihak. Juga untuk dimaklumkan bahawa Akta 663 ini akan dimansuhkan dan digantikan dengan satu akta baru. Akta baru ini juga akan diwujudkan Tribunal Perumahan Berstrata Pembangunan Berstrata. Dalam tribunal ini segala pertelingkahan perlu dirujuk kepada tribunal ini dan walau bagaimanapun tribunal ini adalah di peringkat persekutuan, KPKT (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan). Kerajaan Negeri sedang berusaha supaya tribunal ini dapat diperturunkan kuasa di peringkat negeri sebab kebanyakan pertelingkahan selalunya terpaksa diselesaikan atau dibincangkan diperingkat Kerajaan Negeri. Saya teruskan bahawa Skim SEROJA ini adalah untuk kita memberi kemudahan kepada penduduk pangsapuri kos rendah melakukan rondaan di kawasan pangsapuri mereka secara sukarela. Kerajaan Negeri akan menyediakan peralatan seperti vest, tongkat dan lampu suluh, perlindungan daripada tabung Takaful sekiranya berlaku kemalangan dan geran tahunan untuk program-program kemasyarakatan. 5 kawasan telah dikenal pasti untuk dilaksanakan untuk tahun ini dan 25 kawasan pada tahun hadapan. Dan bagi menangani masalah mereka yang enggan bayar caj penyelenggaraan, Kerajaan Negeri telah membantu JMB dengan membawa mereka yang tidak membayar caj penyelenggaraan di mahkamah. Lebih daripada 120 pemilik telah dihantar notis untuk didakwa di mahkamah. Kebanyakan kes telah dibawa ke mahkamah dan ada juga kes-kes yang ditarik balik setelah pemilik bersetuju untuk membayar tunggakan caj. Dengan adanya pendakwaan ini Kerajaan Negeri berharap notis-notis dari JMB akan lebih dihormati dan dipandang serius oleh penduduk pangsapuri.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Bukit Gasing minta mencelah.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Adakah sebarang sitaan pernah dilakukan ataupun dimulakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan ataupun COB pada pemilik bangunan, pemilik unit strata yang enggan membayar cukai, *sorry, fees maintenance* ini.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Sitaan ini boleh dijalankan dan pernah dilakukan tetapi masalahnya sitaan ini mengikut undang-undang atau Akta 663 ia hanya boleh kita sita harta benda milik petak sahaja. Ini bermakna kalau ada penyewa tak boleh sita tapi dalam akta yang baru yang akan telah diwartakan tetapi belum dikuatkuasakan harta penyewa juga boleh disita. Jadi untuk menjawab soalan itu kita memang menghadapi masalah untuk kita membawa atau untuk menyita, panjang proses dia. Oleh itu kita mengambil jalan untuk membawa ke mahkamah. Walaupun ia nampak kejam membawanya ke mahkamah tetapi apabila seseorang itu tidak membayar akan caj penyelenggaraan ia melibatkan seluruh kawasan pembangunan. Telah dibangkitkan juga berkenaan..

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Saya mohon penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Pandamaran minta penjelasan.

Y.B. TUAN TAN POK SHYONG : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin bertanya berkenaan dengan kos yang membawa kes ke mahkamah kerana kita tahu kos agak tinggi. Jadi ada kah kita ada satu kriteria atau pun apa jumlah yang tertunggak yang hanya kerajaan atau pihak yang berkenaan untuk membawa kes itu ke mahkamah.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Ada, ada kriteria iaitu saya tidak boleh memberi senarai tentang mereka yang dibawa ke mahkamah. Berapa lama mereka tidak membayar akan caj penyenggaraan tetapi kita selalunya membawa kepada mereka yang lebih daripada 1 tahun atau 2 tahun untuk dibawa ke mahkamah kalau yang sekadar 1 atau 2 bulan tidak dibawa ke mahkamah. Kita bagi notis dulu, bagi notis dulu untuk mereka datang berbincang dan memang ada yang datang berbincang tetapi ada yang merasakan bahawa mereka tidak perlu berbincang jadi kita teruskan ke mahkamah. Untuk vandalisme Kota Damansara membangkitkan tentang vandalisme, ia memerlukan penyelesaian yang lebih holistik..

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Chempaka, Bukit Gasing mintak penjelasan.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Ok.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Mohon sikit penjelasan atas kenyataan tadi. Adakah kos-kos mahkamah ini dibiayai oleh Kerajaan ataupun JMB/MC tersebut?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Setakat ini di bawah Kerajaan lagi, kalau yang setakat ini lah. Tetapi kita melihat bahawa yang pentingnya supaya ia tidak masuk mahkamah supaya notis-notis itu dihormati oleh pemilik tapi sekarang ini masih di bawah kerajaan lagi. Tentang vandalisme, Kota Damansara telah membangkitkan tentang vandalisme dan vandalisme ini penyelesaiannya perlulah secara holistik. Pada penggal lepas berbagai-bagai kempen telah dilaksanakan seperti Pangsapuri Kita Bersih dan Harmoni dan Kempen Anti Vandalisme tetapi kali ini masanya adalah tiba untuk kita mengambil satu tindakan yang lebih tegas lagi sebab kita tidak mahu kita dah membaik pulih dengan kos lebih hampir RM14 juta tetapi apa yang kita baik pulih itu akhirnya dirosakkan semula akibat daripada tindakan vandalisme. Oleh itu Kerajaan Negeri telah melakukan satu kajian lagi untuk melihat cara-cara bagaimana mereka yang tegar melakukan amalan-amalan vandalisme ini dapat didakwa di mahkamah juga. Kaedah yang sama seperti mendakwa mereka yang tidak membayar caj penyenggaraan juga akan cuba dilaksanakan. Tentang Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerajaan Negeri cukup prihatin dengan mereka yang tinggal di Projek Perumahan Rakyat. Dalam tahun 2011 dan 2012, Kerajaan Negeri telah membelanjakan lebih RM900,000.00 untuk membaik pulih lif di PPR Kota Damansara. Lebih RM1.9 juta untuk membaik pulih lif di PPR Lembah Subang, lebih RM197,000.00 untuk membeli 8 pam air baru di PPR Kota Damansara, lebih RM87,000.00 untuk membaik pulih satu pam air dan membeli 15 pam air baru di PPR Lembah Subang dengan kos keseluruhan lebih kurang RM3.1 juta untuk 2 PPR tersebut. Bermakna bahawa Kerajaan Negeri amat prihatin tentang mereka yang duduk di PPR. Saya telah mengarahkan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor untuk mengenal pasti

masalah-masalah di semua PPR agar boleh diatasi sebelum ia membahayakan penduduk ataupun ia menimbulkan sebarang masalah yang kritikal kepada penduduk. Kota Damansara juga telah membangkitkan tentang kenaikan sewa di PPR. Keputusan asal untuk menaikkan sewa PPR dibuat oleh EXCO Barisan Nasional pada bulan Jun 2007. Alasan mereka ketika itu adalah sewa sebanyak RM124.00 sebulan tidak dapat menampung kos menyelenggara PPR-PPR tersebut. Saya bersetuju dengan keputusan itu kerana memang kos menyelenggara memang tinggi tetapi di bawah Pakatan Rakyat kita telah memberi kelonggaran iaitu mereka yang berpendapatan rendah atau mempunyai tanggungan yang ramai boleh memohon pengurangan sewa kepada sewa asal iaitu RM124.00 sebulan. Jadi bermakna ada mekanisme bagi mereka yang mempunyai tanggungan yang ramai dan juga gaji yang rendah, kurang daripada RM1,500.00 boleh mendapat pengurangan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Gasing atau Kota Damansara?

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN : Terima kasih kepada Timbalan Speaker tetapi aduan yang saya terima daripada penduduk-penduduk terutamanya di Seksyen 8 dan Kota Damansara permohonan sesetengah daripada permohonan terutamanya permohonan-permohonan daripada ibu tunggal ini tidak dapat harga penurunan daripada RM250.00 ke RM124.00 ini.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Saya akan semak kes tersebut bersama Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor tetapi selain daripada penurunan kita juga memberi peluang kepada penyewa-penyewa tertentu seperti ibu tunggal untuk membayar tunggakan melalui khidmat masyarakat. Kita telah melakukan program perintis di Lembah Subang tetapi malangnya tidak ramai yang datang ke hadapan untuk mengambil tawaran tersebut tetapi dari segi kerajaan, kerajaan akan mempertimbangkan sebarang penurunan sewa bagi mereka yang tidak mampu. Seterusnya tentang air percuma, iaitu bagi penduduk di pangsapuri, terima kasih kepada Paya Jaras yang telah membangkitkan isu air percuma bagi penduduk pangsapuri yang menggunakan meter pukal. 2 program telah dilaksanakan di pangsapuri kos rendah untuk membantu penduduk mendapat air percuma. Program itu adalah Program Kupon Air dan Labur dan Dapat. Hasilnya lebih daripada 95% penduduk, lebih daripada 95% penduduk pangsapuri kos rendah telah mendapat air percuma. Hanya 5 kawasan sahaja, 5 pangsapuri sahaja yang tak dapat air percuma bagi pangsapuri kos rendah tetapi penyelesaian keseluruhannya adalah melalui migrasi ke meter individu. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah melaksanakan kempen migrasi dengan melakukan turun padang ke Pihak-pihak Berkuasa Tempatan supaya rakyat lebih mudah untuk melakukan migrasi. Satu Jawatankuasa Khas iaitu Jawatankuasa Permai namanya telah ditubuhkan untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul di antara penduduk dan SYABAS. Sebarang masalah akan dirujuk ke Jawatankuasa ini yang bertindak sebagai *one stop centre* untuk menyelesaikan masalah yang melibatkan migrasi dari meter pukal ke meter individu. Dengkil telah membangkitkan masalah yang dihadapi penduduk di Taman Permata Sepang. Kerajaan Negeri telah melantik IKRAM untuk melakukan siasatan awal dan pangsapuri itu selamat diduduki dalam tempoh yang terdekat ini tetapi untuk jangka

masa panjang IKRAM ataupun syarikat yang baru dilantik untuk melakukan satu kajian terperinci supaya penyelesaian jangka panjang dapat dilakukan sama ada kita perlu membaik pulih atau membina semula rumah-rumah yang retak itu. Terima kasih, itu sahaja penggulangan saya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Meru, Kampung Tunku, Hulu Klang, Sri Muda, Seri Andalas, Damansara Utama, Kota Anggerik, Bukit Gasing, Taman Templer, Sungai Panjang dan Rawang yang telah pun menyentuh perkara-perkara di bawah Pihak Berkuasa Tempatan. Tuan Timbalan Speaker sebenarnya masalah-masalah dan isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekalian adalah masalah yang berulang dan masalah ini pada pendapat kerajaan tidak seharusnya diselesaikan secara *peace new* dan satu pendekatan baru harus dirangkakan untuk memperkasakan, memperkukuhkan dan memperkuatkan lagi persembahan Pihak Berkuasa Tempatan dengan itu satu pendekatan yang holistik yang secara menyeluruh dapat kita ambil untuk menyelesaikan masalah bagi jangka masa panjang. Oleh itu mesyuarat Kerajaan Negeri pada 13 Jun telah pun meluluskan satu Pelan Tindakan 5 tahun bagi Jawatankuasa Pihak Berkuasa Tempatan ini di mana 6 aspek ini akan dilihat dan diusahakan untuk kita menyelesaikan masalah secara menyeluruh.

Yang pertamanya, menumpukan, menumpukan tugas asas ataupun tugas teras PBT. Antara lainnya akan menambah baik sistem pengauditan, pemantauan kerja dan pembayaran di peringkat PBT.

Dua, menubuhkan pasukan tindakan segera atau pantas di Majlis Bandar Raya dan Perbandaran. Sebenarnya ini telah pun dilakukan oleh MPPJ dan MBSA di mana nama yang diberikan adalah *quick responding* tetapi difikirkan bahawa dalam bahasa Melayu itu ada istilah yang lebih sesuai maka adalah digalakkan supaya ditukar namanya dan Pasukan Tindakan Segera Pantas ini tidak mengehendkan tugasnya kepada kerja-kerja yang berlaku secara *emergency* tetapi termasuk juga aduan-aduan yang melibatkan kerosakan yang lebih serius.

Ketiganya, menetapkan tatacara operasi piawai untuk seluruh PBT dalam proses penguatkuasaan, permohonan permit dan lesen. Ini adalah penting kerana sekarang ini ada lagi perkara-perkara dalam penguatkuasaan, permohonan permit dan lesen itu tidak ada satu piawai yang boleh diguna pakai oleh semua PBT.

Keempatnya, adalah mengurangkan kontraktor dan menambahkan pekerja PBT dan ini adalah satu usaha yang perlu kajian yang lebih teliti, terperinci kerana buat masa ini didapati ada kontraktor-kontraktor yang persembahannya tidak memuaskan tetapi disebabkan PBT tidak ada pekerja-pekerja dalaman maka terpaksa juga diberikan kepada kontraktor walaupun persembahan mereka kurang memuaskan. Oleh itu, sebagai umpamanya di MBSA saya telah pun diberi taklimat bahawa hanya 10%

daripada kerja-kerja pembersihan itu adalah diusahakan oleh pekerja-pekerja dalaman MBSA dan oleh itu usaha akan diambil untuk menambahkan pekerja dalaman atau *in-house* ini daripada 10 peratus kepada 30% dan kita akan menilai persembahan selepas ini dan sekiranya perlu mungkin dinaikkan peratusan ini kepada 50%. Oleh itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi peringatan kepada semua kontraktor di peringkat PBT supaya memastikan persembahan mereka memuaskan sekiranya tidak kerajaan ataupun PBT tidak akan teragak-agak untuk memecatkan kontraktor dan menggantikannya dengan pekerja dalaman ini, dan

Kelimana, mengenakan hukuman berat kesalahan kebersihan dan ini adalah juga perlu kajian kerana buat masa ini banyak undang-undang kecil di peringkat PBT, sebenarnya dendanya tidak berat, hukuman tidak berat ini menyebabkan penguatkuasaan itu tidak berkesan. Oleh itu, ini semua perlu dikaji dan menyelesaikan semua masalah sekarang ini secara holistik.

Yang keduanya, membina imej positif dan ini adalah cabaran, cabaran yang besar kepada PBT kerana dalam lawatan saya selepas saya diberikan jawatan PBT ini, saya telah pun melawat ke 5 PBT daripada 12 dan saya dapati bahawa sebenarnya PBT telah pun berusaha, berusaha untuk menyelesaikan masalah harian rakyat umpamanya yang bekerja pembersihan, kutipan sampah dan sebagainya tetapi usaha mereka itu tidak dilihat, tidak dinampak *not visible*. Oleh itu mereka menghadapi satu masalah imej, masalah imej, cabaran imej yang kita seharusnya membantu untuk membina imej ini. Saya nak bagi contoh di mana saya dapati di Shah Alam, MBSA ada pegawai ditugaskan kalau tak silap saya ada 6 sekurang-kurangnya 6 orang kakitangan ditugaskan untuk memantau kompaktor-kompaktor kita sama ada, mereka ada masuk ke tempat melupuskan sampah, pukul berapa mereka masuk, pukul berapa mereka keluar, semuanya *ontime*, semua dilapor *online*, tetapi tidak diwarkkan, jadi ini tidak diketahui sebenarnya, tapi usaha telah pun dibuat. Jadi perkara ini sepatutnya kita juga harus maklumkan kepada rakyat melalui saluran-saluran yang sedia ada. Dalam aspek ini, dalam aspek membina imej positif ini antaranya, dan ini berkaitan dengan tugas tegar yang saya sebutkan sebentar tadi termasuk membina projek, membina dan menaik taraf 500 padang di seluruh Selangor ini dan projek ini nama untuk projek ini, namanya sementara adalah projek, ya sila.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Saya mencadangkan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekejap ya, Kota Anggerik minta kebenaran Timbalan Speaker dulu.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Saya dah minta dia terus duduk.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya, tapi, Sri Muda pun bangun juga. Jadi saya tak tahu Sg. Pinang nak bagi laluan kepada Sri Muda atau Kota Anggerik.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tadi saya nampak Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan juga Sg. Pinang. Saya mendengar penjelasan yang panjang lebar daripada Sg. Pinang berkenaan dengan usaha-usaha secara holistik, tetapi isunya di sini ialah rakyat nak dengar tindakan segera. Perkara itu baik yang diusulkan yang dibincangkan baik tetapi langkah segera, sebagai satu contoh semalam saya sebut tentang aduan-aduan yang dikemukakan, ini salah satu contoh dewan ini Dewan Lee Paris, Dewan Konsortium di Kota Kemuning sebagai contoh, aduan bulan Februari dan Mac tahun lepas, tahun ini, sekarang dah masuk bulan Julai. 2 hari bulan tujuh keadaannya masih serupa dan ini berlaku bukan sahaja di dewan yang dikendalikan di bawah PBT MBSA tetapi wujud juga di kawasan lain. Jadi rakyat nak tahu apa tindakan kerana aduan yang dikemukakan kepada pihak majlis tidak mendapat jawapan disalin juga kepada Dato' Menteri Besar pun tidak ada jawapan. Jadi rakyat nak tahu ini, kita boleh bantu hebahkan kalau ada tindakan jawapan yang diberi tetapi tidak ada jadi saluran mana kita nak guna dan kalau Kerajaan Negeri nak tunggu, nak selesaikan secara holistik, saya fikir mungkin empat tahun, tiga, empat tahun baru boleh selesai. Ini isu-isu yang ringkas ini perlu tindakan segera dan saya harap Kerajaan Negeri dapat memberikan tumpuan kepada aduan-aduan seperti ini bukan sahaja berkaitan dengan dewan, parit, longkang dan sebagainya tetapi sekurang-kurangnya jawapan yang diberi melalui sistem talian itu sesuai. Di komputer kata tindakan dibuat di bawah itu mesti juga, di lapangan itu mesti telah diambil tindakan. Tindakan yang diambil

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Minta disimpulkan ya,

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Ya, saya nak ringkaskan, saya nak terangkan ini kerana ini aduan lama Timbalan Speaker. Kita harap Kerajaan Negeri berikan kerana dengan mandat besar 44 kerusi tinggal 12 kerusi Barisan Nasional mereka harapkan satu perkhidmatan yang baik daripada Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Tempatan. Terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Tuan Timbalan Speaker, saya menghargai usaha yang telah pun dilakukan oleh Yang Berhormat Sri Muda tetapi saya juga ingin mengingatkan bahawa urusan semua hal ehwal setiap PBT itu adalah di bawah bidang kuasa PBT seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 8 Kerajaan Tempatan dan bagi Kerajaan Negeri mengikut Seksyen 9 adalah memberi arahan am mengenai dasar jadi sebagai EXCO saya tidak dapat melihat pada setiap perkara setiap aduan yang dibangkitkan. Ia seharusnya diselesaikan di peringkat PBT di Mesyuarat Bulanan bukan di peringkat sini. Jadi sekiranya saya mengambil, kalau saya mengambil satu kes daripada satu PBT bererti saya ada 12 masalah yang harus saya lakukan sebab itu saya kata pendekatan kita harus berbeza, sebab itu saya lihat bagaimana kita memperkuatkan, memperkukuhkan dan memperkasakan PBT secara holistik, itu tugas saya untuk 5 tahun, tugas saya bukan untuk menyelesaikan masalah satu dewan, tugas saya bukan untuk menyelesaikan satu masalah jalan yang diturap itu tidak memenuhi piawai yang telah pun kita tetapkan. Sebab itu saya terpaksa menggunakan pendekatan supaya kita semua faham di mana kedudukan kita, kita menyelesaikan di peringkat itu sebab itu kita lantik 12 orang Datuk Bandar dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran. Sebab itu kita melantik 280 orang ahli majlis. Merekalah yang harus kita

perkasakan untuk menjalankan tugas dengan baik. Dan di sinilah di peringkat Kerajaan Negeri kita sediakan dasar, kita sediakan kemudahan untuk memperkasakan mereka. Itu yang bagi saya cabaran berat untuk kerajaan juga bukan kita nak lari tapi kita harus, tugas itu siapa yang buat. Tukang kayu buat kerja tukang kayu, bagi saya, saya kalau saya arkitek, saya buat kerja arkitek, saya tak boleh buat kerja tukang kayu. Sila.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, terima kasih Y.B. EXCO. Saya ingin bertanya tentang kadar *fee* dan lesen perniagaan yang disebutkan tadi itu, di mana perkara ini saya kira perlu perhatian serius daripada Kerajaan Negeri kerana saya telah bangkitkan dalam perbahasan bahawa sekarang ini di MPPJ ianya dilaksanakan separuh jalan dan ianya sepatutnya dilaksanakan di seluruh 12 PBT jadi saya bertanya kepada Yang Berhormat EXCO adakah mungkin kerajaan akan membuat satu keputusan yang menyeluruh tentang undang-undang kecil *fee* pelesenan, perniagaan dan perindustrian ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Yang Berhormat Kg. Tunku sila bersabar saya akan masuk topik itu. Ya, sila.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, saya bangkitkan soal penggunaan teknologi dalam pembersihan kawasan sebab saya lihat di MBSA masih menggunakan penyapu, tradisional dan juga dan sampah tersebut dibuang dalam longkang. Saya cadangkan supaya *road chipper* dibekalkan kepada pihak PBT atau PBT membeli *road chipper*. Ia lebih efisien dan berkesan sebab kalau *road chipper* boleh jalan 8, 10 km sejam, 8 jam, 80 km jadi saya rasa kena ada *approach* baru dalam kaedah pembersihan kawasan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Terima kasih Yang Berhormat Kota Anggerik. Ini cadangan yang amat baik yang seharusnya saya cadangkan Yang Berhormat bawakan isu ini melalui ahli majlis bawa di peringkat majlis supaya dibincangkan sebab mereka dapat melihat kedudukan kewangan dapat tak mereka lakukannya, kalau saya nak jaga itu memang sukar saya kena tengok setiap apa tu, kedudukan kewangan setiap PBT untuk mencadangkan. Di sini guna peralatan seperti yang dicadangkan atau nak gunakan secara tradisional. Jadi itu cadangan yang baik tapi saya rasa lebih itu dibincangkan di peringkat majlis bukan di peringkat ini, baik.

Aspek kedua, membina imej positif saya telah menyatakan, dalam aspek ini ia berkaitan dengan tugas teras majlis PBT ini dan saya telah pun mencadangkan dan telah pun diterima untuk membina 500 atau menaik taraf dan membina 500 padang yang dinamakan Projek Padang Ceria tapi nama ini akan ditukar kerana ada bantahan kerana kita ada Program Ceria kita akan asingkan tapi walau bagaimanapun 500 padang ini kita cadangkan supaya diberikan kelengkapan dan peralatan taman termasuk *out door gym*, peralatan untuk permainan kanak-kanak, bangku batu, solar *light* dan sebagainya dan ini adalah sebenarnya tugas yang telah pun dijalankan oleh semua PBT. Sebenarnya setiap tahun berpuluh ribu telah pun dibelanjakan tetapi sama juga tidak dapat dilihat *not visible* jadi kita nak buat *visible* kita masukkan dalam satu program, dikumpulkan program saya cadangkan 500 kerana saya telah

menganggarkan kalau PBT melaksanakannya di setiap DUN, kawasan DUN tu kita buat 2 padang ceria ini bererti setiap tahun kita boleh membina 112, 5 tahun, 560 tapi sasarkan kepada 500 dan ini saya percaya dapat mempertingkatkan lagi imej PBT ini dan selain daripada itu saya juga menggalakkan supaya perjumpaan *Town Home Meeting* dianjurkan dengan izin. *Town Home Meeting* dianjurkan oleh pihak PBT setiap bulan supaya mereka boleh menjemput Persatuan Penduduk, NGO yang lain untuk bersama-sama membincangkan perkara yang khusus, bukan majlis untuk atau mesyuarat untuk mendengar aduan, tidak ini adalah khusus untuk membincangkan topik yang telah pun ditetapkan bagi mendapat pendapat daripada NGO, Persatuan Penduduk dan wakil penduduk, ini adalah antara lainnya. Dan sebenarnya saya dapati bahawa banyak PBT mereka ada laman *web*, mereka ada *website*, mereka ada *facebook* dan *twitter*. Kita tidak tahu dan ramai penduduk tidak tahu maka ini tidak digunakan dengan baik. Jadi ini adalah saluran komunikasi dan interaksi antara PBT dengan warga dalam PBT tersebut tetapi ini tidak diketahui dan digunakan dengan sepenuhnya. Saya percaya sekiranya digunakan secara maksimum ia akan memperbaiki imej PBT.

Ketiga mendemokrasikan PBT dan ini satu program siaran langsung mesyuarat bulanan Majlis Perbandaran dan Majlis Bandaraya akan dilaksanakan dan tarikh akhir untuk melaksanakannya adalah pada akhir bulan Ogos ini dan sebenarnya usaha ini telah dilakukan oleh Majlis Perbandaran Selayang. Saya dimaklumkan mulai pada tahun ini lebih awal sebelum rangka kerja kita sediakan. Tetapi ini juga tidak diketahui umum. Ini ada masalah komunikasi, masalah membina imej ini. Jadi walau bagaimanapun telah ditetapkan dan Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dalam proses persiapan untuk membuat siaran secara langsung.

Keduanya memaparkan minit mesyuarat bulanan di laman web supaya tidak ada aduan daripada rakyat yang tidak tahu apa yang dilakukan oleh Majlis tidak tahu sama ada Ahli Majlis mereka berucap atau membawa isu mereka ke Majlis ada mesyuarat ataupun tidak. Kita akan pameran di laman *web*. Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin mendapatkan penjelasan adakah minit mesyuarat *full board* sahaja dimuatkan ataupun minit mesyuarat Jawatankuasa juga akan dimuatkan ke dalam laman web. Memandangkan majoriti perbincangan di dalam PBT berlaku dalam Mesyuarat Jawatankuasa.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Kita akan lakukannya peringkat-peringkat. Mengikut apa yang diperuntukkan oleh Undang-undang kerana buat masa ini di bawah peruntukan Akta Kerajaan Tempatan hanya minit mesyuarat bulan 6 sahaja yang dibenarkan. Minit untuk Jawatankuasa tidak diwajibkan. Yang diwajibkan adalah minit mesyuarat bulanan. Jadi kita ikut peruntukan di bawah Akta Kerajaan Tempatan ini. Seperti yang saya maklumkan di dewan yang

mulia ini pada tempoh hari tentang pemilihan Ahli Majlis Bandaraya dan Perbandaran dalam proses dan juga Kerajaan juga akan melantik wakil NGO Kerajaan Majlis selagi Kerajaan belum melaksanakan pemilihan di majlis ini. Kerajaan juga mempertimbangkan kemungkinan akan mengehadakan tempoh penggal lantikan Ahli Majlis dan ada pelbagai cadangan sama ada kita nak hadkan 4 tahun ataupun 6 tahun. Walau bagaimanapun ini Kerajaan sedang dalam proses pertimbangan dan ini perlu untuk memastikan ada ketelusan supaya seseorang itu tidak dilantik berpanjangan. 8 – 10 tahun. Ini adalah untuk mencegah amalan penyelewengan. Walaupun kita mengakui ada kalangan Ahli Majlis yang persembahannya cukup cemerlang tetapi kita melakukannya dari segi sistem membina satu sistem mencegah penyelewengan yang mungkin berlaku. Pencegahan itu dilakukan lebih daripada kita menyelesaikannya kemudian apabila timbulnya masalah.

Yang kelima adalah menyempurnakan tugas tertanggung termasuk industri burung walit. Kita juga akan adakan dialog dengan persatuan pengusaha industri burung walid ini dan juga Rang Undang-undang *fee* lesen dan juga telah pun siap sebenarnya tetapi belum dilaksanakan. Kita akan laksanakan kita akan mengadakan perjumpaan dengan persatuan perniagaan berkenaan.

Keenam, projek khas ini adalah antaranya berkaitan dengan janji-janji dalam Manifesto Pilihanraya Umum yang ke-13 iaitu perkhidmatan bas Perbandaran. Pihak Kerajaan telah meminta Majlis Bandaraya dan Perbandaran untuk menyediakan satu kertas kerja, kertas cadangan dalam tempoh 2 bulan. Sudah tentu Kerajaan akan melihat. Majlis sendiri akan melihat dari segi kewangan. Impak kewangan dan kosnya. Jadi saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat Jeram jangan risau kita akan lihat dari segi implikasi kewangannya. Kita tidak akan melakukan sesuatu di luar kemampuan kita. Percayalah kepada kemampuan Pakatan Rakyat untuk menguruskan kewangan.

Keduanya menambah anggota penguatkuasa kerja-kerja rondaan. Sekarang kita menghadapi masalah Kerajaan Pusat masih belum membenarkan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan polis bantuan. Oleh itu Kerajaan akan meninjau cara-cara untuk menggunakan penguatkuasa bagi membantu Pihak Polis menjalankan kerja rondaan ini.

Ketiganya melibatkan pihak swasta untuk memperbaiki projek CCTV. Buat masa ini sebenarnya juga ini tidak diketahui umum. Bahawa di Selangor ini kita telah pun siap memasang 414 CCTV di seluruh Selangor. Bilangan ini adalah yang paling tinggi di seluruh Malaysia. Walaupun kita baru dapat pastikan ia menjalankan operasinya dioperasikan 100% tetapi ia memang dalam proses tersebut. Itu sebenarnya tidak mencukupi. Oleh itu kita akan menggalakkan pihak swasta juga akan memasang kamera CCTV di luar bangunan mereka untuk membantu Pihak Kerajaan, Polis mencegah kes-kes jenayah.

Keempatnya adalah menaikkan pasar awam. Ini juga satu isu yang telah dibincangkan dan Pihak Kerajaan Negeri mencadangkan supaya Pihak PBT menaik taraf satu sekurang-kurangnya pasar awam dalam setahun dalam kawasan PBT di bawah jagaan

mereka. Itu adalah pendekatan dari segi dasar yang akan diamalkan dasar oleh Pihak Kerajaan dalam masa yang akan datang ini. Untuk isu-isu khusus yang harus saya beri maklum balas adalah seperti berikut:

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Yang Berhormat Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Yang Berhormat Exco, dalam konteks menumpukan tugas asas seperti penubuhan pasukan tugas khas dan pintas. Contohnya kawasan saya seperti pokok besar, pokok mati tak ditebang. Kadang-kadang tidak dapat ambil tindakan kerana keluar sebut harga untuk mengumpul beberapa pokok untuk ditebang sekali gus dan bila saya bertanya kepada Pihak PBT Ahli Majlis kenapa tidak dibuat dalaman *in house*. Dia kata terikat dengan peruntukan membeli peralatan macam *skyly* kena beli *cash* jadi kena ambil kira dari segi peruntukan-peruntukan wang dan implikasi.

Jadi apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk melakukan perkara-perkara ini oleh Kerajaan untuk memperbaiki kelemahan ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Terima kasih Yang Berhormat Hulu Kelang. Seperti yang saya sebutkan tadi dalam usaha kita untuk mengurangkan kontraktor dan menambahkan kerja dalaman itu kita sedang dalam peringkat pertimbangan kajian kerana kita harus memikirkan mempertimbangkan aspek daripada perbelanjaan asasnya. *Capital expenditure, operational expenditure* dengan izin. Kita harus melihat dari segi bayaran yang kita lakukan sekarang ini pada pihak kontraktor. Berapakah keuntungan kepada mereka. Ini akan dilihat secara menyeluruh sebelum PBT mengambil keputusan berapa peratuskah pekerja ditambah untuk menggantikan kontraktor sedia ada ini. Jadi semua ini akan dilihat. Implikasi kewangannya sudah tentu akan dilihat sebelum kita melaksanakannya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat Sg. Pinang memberi laluan kepada Kg. Tunku atau Hulu Kelang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB : Kami nak tahu dari segi masa rakyat menanti satu perubahan yang besar. Kita mendekati pendekatan *holistic*. Jadi di antara mengimbangi perkara *holistic* dengan yang *urgent* berapakah *time frame* yang munasabah untuk perubahan ini dilakukan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Saya menjangkakan diperingkat kajian ia melibatkan dia sudah tentu mungkin menjejaskan perbelanjaan PBT jadi saya menjangkakan dalam tempoh 6 bulan diperlukan untuk mengkaji aspek implikasi

kewangan ini dan juga untuk dimasukkan dalam persiapan bajet untuk tahun 2014 dan sekiranya dilaksanakan ianya hanya boleh dilaksanakan mulai tahun 2014. itu juga bergantung kepada kedudukan kewangan setiap PBT sama ada sesuatu PBT itu mempunyai kemampuan untuk menaikkan peratusan dalaman daripada 10% sekarang kepada 30% ataupun 10% mengikut kemampuan mereka sendiri yang mereka rasakan selesa untuk melakukannya tetapi usaha ini sedang dikaji dengan seriusnya

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih. Saya minta penjelasan saya ingin bertanyakan pasar awam. Di mana juga terdapat kawasan-kawasan yang masih lagi digunakan cara yang lama dengan menggunakan payung dan sebagainya dan perlukan satu bangunan yang baru untuk menempatkan pasar contoh yang bagus ialah pasar awam SS2. saya bertanya kepada Kerajaan atau mungkin Kerajaan menjadikan ini sebagai satu dasar di mana untuk pasar-pasar seperti ini di mana pengambilan tanah diperlukan dan Kerajaan Negeri bersedia memberi peruntukan untuk mengambil tanah tersebut untuk dijadikan pasar awam yang berbumbung.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Terima kasih Yang Berhormat Kg. Tunku. Apabila disebut pasar awam, kita merujuk kepada pasar berbangunan. Pasar pagi itu tidak dianggap pasar tetapi sekiranya PBT merasakan diperlukan pasar pembinaan pasar baru mereka harus merancang dan sekiranya mereka memerlukan bantuan kewangan maka Kerajaan sudah tentu sedia untuk memberi pinjaman. Geran, pinjaman sudah tentu kita timbangkan. Ini selaras dengan prinsip kewangan Kerajaan.

Tuan Timbalan Speaker, ICT. Projek Pembangunan ICT adalah satu projek swasta tidak ada motif yang tersirat Pihak Kerajaan Negeri. Sudah tentu pembangunan sedemikian mendatangkan pembangunan dan mendatangkan hasil kepada Kerajaan dan juga Pihak PBT sudah tentu ianya akan mewujudkan peluang pekerjaan dan juga akan merencanakan ekonomi. Untuk Ahli Berhormat Sri Muda Pembangunan ICT dibangunkan dengan mendapatkan kelulusan kebenaran merancang dan kelulusan pelan-pelan bangunan mengikut Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1974 dan Akta Jalan, Parit dan Saliran. Walaupun pihak ICT telah pun menandatangani Pengurusan Pembangunan *Management Development Agreement* dengan Pihak Berkuasa Negeri dan MBSA pihak ICT tidaklah terkecuali daripada mematuhi Undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Pihak ICT juga tidak terkecuali daripada tindakan notis dan kompaun atau kesalahan yang dilakukan kini jumlah RM550,000.00. Di antara kompaun-kompaun yang dikenakan adalah ingkar arahan bekerja lebih masa dari tempoh yang ditetapkan iaitu bekerja pada hari Ahad dan cuti umum serta selepas jam 6.00 petang. Waktu-waktu yang dibenarkan adalah hari Isnin hingga Sabtu jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang sahaja. Di antara kompaun-kompaun yang telah dikeluarkan ialah untuk 3 pembangunan di ICT iaitu Ice Sogo Ice Resident dan Ice Soho. Pihak ICT juga tidak terkecuali daripada tindakan-tindakan undang-undang kerana menjalankan aktiviti hiburan yang tidak berlesen.

Tuan Timbalan Speaker, berkenaan dengan rancangan Majlis untuk mengenakan *charge* untuk mengenakan bayaran tempat meletak kenderaan di pusat komersial Seksyen 7. Ini adalah di peringkat cadangan sahaja. Pada masa ini pihak Majlis

sedang meneliti perkara ini secara terperinci termasuk juga melihat semua tempat letak kenderaan yang perlu diuruskan dalam kawasan pembangunan yang berbentuk strata di pusat komersial Seksyen 7. Satu kertas EXCO-MTES akan disediakan

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Bangunan Seragam 1974 dan Akta Jalan Parit dan Bangunan. Walau pun pihak ICT telah pun menandatangani Perjanjian Pengurusan Pembangunan *Management Development Agreement* dan pihak berkuasa Negeri dan MBSA, pihak ICT tidaklah terkecuali daripada mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Pihak ICT juga tidak terkecuali daripada dikenakan tindakan notis dan kompaun atas kesalah yang dikenakan yang kini berjumlah RM550,000.00. Di antara kompaun-kompaun dikeluarkan ialah ingkar bekerja lebih masa dalam tempoh yang ditetapkan. Iaitu bekerja pada hari Ahad dan Cuti Umum serta selepas jam 6 petang. Waktu dan hari-hari yang dibenarkan ialah hari Isnin hingga Sabtu jam 8 pagi hingga 6 petang sahaja. Di antara kompaun-kompaun yang telah dikeluarkan ialah untuk tiga pembangunan di ICT iaitu *ISOHO, 1 Resident* dan *ISOHO*. Pihak ICT juga tidak terkecuali daripada tindakan-tindakan undang-undang kerana menjalankan aktiviti hiburan tidak berlesen.

Tuan Timbalan Speaker. Berkenaan dengan rancangan Majlis untuk mengenakan caj bayaran tempat letak kenderaan di pusat komersil Seksyen 7. Ini adalah cadangan yang masih di peringkat cadangan sahaja. Ya. Pada masa ini pihak Majlis sedang meneliti perkara ini secara terperinci termasuk juga melihat semua tempat letak kenderaan yang perlu diuruskan dalam kawasan pembangunan yang berbentuk strata di pusat komersil di Seksyen 7. Satu kertas EXCO-MTES akan disediakan bagi memperolehi pandangan dan nasihat pihak berkuasa Negeri mengenai perkara ini sedikit masa lagi.

Berhubung dengan soalan yang dibangkitkan oleh Y.B. Kota Anggerik keadaan Tasik Shah Alam daif. Ya! Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 26 Julai , 26 Jun 2013 telah memutuskan supaya MBSA memastikan Taman Tasik Shah Alam dinaiktaraf, dan sentiasa berada di dalam keadaan yang bersih. Perkara ini telah pun dimaklumkan pada MBSA melalui Mesyuarat Post-EXCO pada 27 Jun 2013. Pada masa ini pihak MBSA sedang menyediakan asas rujukan bagi pelantikan perunding untuk mengemukakan cadangan bagi menaik taraf Taman Tasik Shah Alam, termasuk pembaikan pejalan kaki, pencahayaan, tandas dan pembaikpulihan air tasik Shah Alam, pembaikan jambatan dan jeti, memastikan kebersihan restoran di Taman Tasik. Kertas cadangan bagi kerja-kerja penambahbaikan bagi kemudahan Taman Tasik termasuk terma rujukan bagi cadangan ini dijangka akan dibentangkan kepada pihak berkuasa Negeri pada bulan September 2013. Tender bagi membaik pulih air tasik, Tasik Shah Alam telah pun ditutup dan kaedah-kaedah peningkatan kualiti Tasik Shah Alam dengan mengurangkan *grantonic LJ* kepada 30% daripada bacaan 140 mg per liter pada masa ini. Di samping itu pengurangan dari dasar tasik selut kepada 10% juga dilaksanakan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. Sungai Pinang, sebelum Y.B. Sungai Pinang menyambung ucapan saya hendak beri peringatan kepada semua pemerhati dan yang

ada di dalam Dewan ini bahawa kod pakaian kita ialah sama ada *lounge suit* penuh dengan tali leher atau pun jika wanita memakai jaket ya. Ya! Jadi saya meminta supaya semua akur dengan perintah ini dan Bentara untuk menegur sesiapa yang tidak mengikut perintah supaya kita menghormati Dewan. Dipersilakan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Sri Andalas. Ya! Untuk makluman Kerajaan Negeri melalui PBT membuat pengawalan dari segi penjualan minuman keras di premis-premis perniagaan dengan mengeluarkan lesen premis kepada peniaga. Arak-arak murah yang dijual di kedai-kedai runcit seperti *99 Speedmart, 7 Eleven* dan sebagainya tidak memabukkan di mana paras alkohol adalah di bawah 7%. Untuk arak yang melebihi paras tersebut perlu mendapat lesen dan kelulusan dari Pejabat Daerah dan PBT. Setakat ini Kerajaan Negeri belum berhasrat mengeluarkan arahan khas bagi isu larangan minum arak di kawasan awam.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Ah! Boleh saya celah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. Seri Andalas.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya. Silakan.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih. Masalah ia, ialah bukan di *99 Speedmart* atau pun *7 Eleven*. Penjualan arak khas ini adalah di kedai-kedai sensei dan kedai runcit. Mereka berjualan ini pada turutan malam dan sebagainya. Ya! Itulah saya minta untuk penguatkuasa gunakan kuasa yang sudah ada di dalam PBT-PBT untuk tentukan bahawa mereka ikut syarat-syarat lesen yang telah diberikan. Kepada mereka.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya, terima kasih Yang Berhormat. Perkara ini sudah tentu akan diambil perhatian. Ya. Menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing. Berkenaan dengan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Seksyen 13, Petaling Jaya. Keperluan penyediaan RKK Seksyen 13 Petaling Jaya. Kawasan industri yang mengandungi 40 lot berkeluasan 260 ekar merupakan industri pembuatan yang telah dibangunkan semenjak 1954. Industri pembuatan ini tidak lagi kompetitif dengan wujudnya kawasan baru bagi industri pembuatan di kawasan Shah Alam dan Puchong. Banyak syarikat menghentikan aktiviti-aktiviti dan keluar daripada kawasan ini. Menyebabkan lot-lot industri ditukar dengan pelbagai aktiviti lain seperti pejabat-pejabat, aktiviti keagamaan dan lain-lain, menyebabkan masalah lalu lintas yang tidak dapat dikawal. Aktiviti pembuatan yang masih wujud menimbulkan masalah pencemaran, alam sekitar yang menjejaskan kualiti hidup penduduk. Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas, Mesyuarat Penuh Majlis pada 29 Jun 2002 telah membuat keputusan untuk menjalankan kajian bagi mengkaji semula pembangunan industri sedia ada melalui perancangan kawasan khas, *Special Area Plan* dengan izin. Cadangan Majlis ini telah dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 4/2002 pada 9 September 2002. Penyediaan Rancangan Kawasan Khas berdasarkan peruntukan Seksyen 16 B (2) Akta Perancang Bandar dan Desa 1976

Akta 172. RKK Seksyen 13 disediakan berdasarkan Peruntukan Seksyen 16 B (2) Akta 172. Penyediaan RKK ini dibuat bersama-sama kesemua pemilik tanah Seksyen 13 dan Juru Perunding Perancang Bandar, Juru Perunding Lalu lintas, dan Akitik Landskap. Draf Rancangan Kawasan Khas Seksyen 13 disediakan mengambil kira kajian impak lalu lintas, keperluan infrastruktur dan utiliti dan kemudahan landskap. Seterusnya draf yang disediakan ini telah diterima oleh Jawatankuasa Perancang Negeri dan telah dikemukakan untuk bantahan awam pada 26 Januari 2008. Program Seranta dan RKK ini melibatkan pemilik tanah, dan Persatuan-persatuan Penduduk Seksyen 14, Seksyen 13 dan Seksyen 12 dan Seksyen 11. Selepas proses bantahan dijalankan draf ini telah pun dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri untuk diluluskan, dan ianya telah diwartakan pada 27 Mei 2010. No. Warta 1569. Cadangan Rancangan RKK Seksyen 13, kawasan industri pembuatan yang mencemarkan akan dibangunkan semula kepada *Business Part* dengan konsep *Self Contains* sebagai tempat untuk tempat tinggal, bekerja, belajar dan berekreasi. Dengan konsep *Live, Work, Learn, Play* dengan izin. Nisbah plot pembangunan ditetapkan berdasarkan keupayaan infrastruktur semasa dan pematuhan terhadap garis panduan pemberian nisbah plot yang ditetapkan oleh Majlis. Had nisbah plot ditetapkan oleh Majlis di mana hanya separuh dari nisbah plot maksima diberikan. Untuk mendapatkan nisbah plot tambahan pemaju dikehendaki menyediakan pelbagai kemudahan awam tambahan meliputi aspek mobiliti, kemudahan awam, bangunan hijau, inovasi dan *low carbon city frame work*. Pemakanan akan diberikan, pemarkahan akan diberikan mengikut pematuhan berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Projek-projek meningkatkan infrastruktur pembinaan *interchange* di kawasan Jalan Dato' Abdul Aziz, Jalan Semangat, Jalan Universiti, Jalan Seksyen 7/1, dan Jalan Semangat, Jalan Universiti, pembinaan Jalan Harapan yang berjumlah RM69 juta akan dikutip daripada sumbangan pemaju. Infrastruktur akan dipertingkatkan dengan kutipan ISF daripada pemaju yang dijangkakan akan berjumlah RM40 juta. Pembangunan semula di kawasan Seksyen 13 juga akan meningkatkan tahap landskap seperti pengindahan sungai dan penanaman pokok-pokok. Pemaju akan disyaratkan memberi sumbangan dikehendaki membayar caj pemajuan yang dijangkakan akan berjumlah RM166 juta. Wang daripada caj pemajuan ini akan digunakan untuk meningkatkan taraf landskap dan infrastruktur yang lain. Pembangunan semula kawasan industri Seksyen 13 menjadi punca hasil cukai tambahan kepada Majlis. Dijangkakan hasil cukai taksiran akan berjumlah sebanyak RM46 juta setahun. Kesimpulannya, pembangunan semula kawasan industri Seksyen 13 yang berusia lebih 50 tahun adalah satu keperluan untuk membolehkan pembangunan yang lebih kompetitif dari segi ekonomi, meningkatkan kualiti alam sekitar serta meningkatkan punca hasil Majlis yang akan dimanfaatkan kepada semua pembayar cukai dari segi pembangunan, infrastruktur, fizikal dan sosial.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Y.B. Sungai Pinang, Y.B. Bukit Gasing ingin bertanya.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya. Sila.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin bertanya, terima kasih terlebih dahulu untuk memberi penerangan sejarah RKK Seksyen 13, Petaling Jaya ini. Tetapi hakikatnya, walau pun hanya sebahagian

kecil lot-lot industri ini telah dibangunkan semula, jalan-jalan utama di sekeliling kawasan Seksyen 13 ini seperti Jalan Semangat dan Jalan Utara sudah sesak, penuh dan ini hanya tak sampai 50% dibangunkan semula. apabila 100% lot-lot industri ini telah bertukar kepada komersil dijangka keadaan trafik di sekeliling kawasan Seksyen 13 akan menjadi jauh lebih sesak dari apa yang dirasakan pada hari ini. Soalan yang dibangkitkan dalam debat ialah kenapa dan mengapa kita tidak menggunakan Seksyen 38 Akta Perancang Bandar, Akta 172 untuk pengambilan tanah supaya kita boleh buat susun atur jalan yang lebih sempurna untuk memberi peluang, untuk menyelesaikan situasi trafik di kawasan tersebut. Kenapa juga kita tidak menggunakan peluang ini, kawasan sebesar 260 ekar tidak mempunyai tempat awam, buat masa ini tidak ada padang, tidak ada kemudahan awam disebabkan dahulunya semua lot industri sekarang semuanya lot komersil. Jadi, kediaman-kediaman yang naik di sana tidak sesuai, tidak ada kemudahan awam. Jadi, dimohon penjelasan di atas perkara-perkara ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya, memang mengikut Seksyen 38 Sub. 2, Akta Perancang Bandar Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengambil tanah tersebut, membuat bayaran, jadi saya serah kepada kebijaksanaan pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk melakukannya. Bagi pihak kerajaan, pendirian kita jelas, mengikut Seksyen 8 Akta Kerajaan Tempatan, ini adalah hal ehwal, hal ehwal Majlis, Pihak Berkuasa Tempatan. Lakukan sekiranya pihak MBSA memberikan kewangan, kita tidak ada masalah. Ah! Tapi perkara ini lebih baik kita bincangkan di peringkat Majlis kerana merekalah yang mengawal, mereka ada autonomi kewangan mereka. Ha, kalau nak minta pinjaman, boleh, kerajaan boleh bagi pinjaman.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Ah! Mohon, mohon mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat Bukit Gasing hendak mencelah.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih kerana memberi penjelasan tersebut. Mungkin selepas ini pihak Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran akan tahu bahawa perancangan semula kawasan bandar ini memang di dalam tangan mereka dan bukan merujuk kepada *State Planning Committee* dengan izin. Tetapi, saya mohon Kerajaan Negeri membuatkan satu keputusan bahawa semua pembangunan semula ini dibuat secara holistik. Sebab bukan sahaja Seksyen 13 akan menjadi situasi di mana kawasan industri akan dibangunkan sebagai kawasan komersil atau pun pembangunan bersama dengan kediaman kawasan-kawasan industri lain seperti Seksyen 51, di Petaling Jaya pun akan turut mengalami pembaharuan bandar seperti berikut. Kawasan USJ 1, di Subang Jaya pun, dan SS 13 di Subang Jaya pun dijangka pada satu ketika akan datang akan mengalami proses pembaharuan seperti berikut. Jadi, sepatutnya sudah menjadi satu dasar Kerajaan Negeri supaya pembangunan atau pun pembaharuan bandar dibuat secara holistik supaya daripada mungkin 100 lot industri, dia akan menjadi mungkin 60 atau pun 70 lot komersil dan kediaman dan selebih 30 lot itu menjadi kemudahan awam seperti padang, mungkin muzium, mungkin balai polis, mungkin balai bomba dan sebagainya supaya

pembangunan perbandaran itu lebih holistik dan bukan semata-matanya pembangunan komersil seperti yang dilihat di Seksyen 13, Petaling Jaya pada hari ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Ya, terima kasih Yang Berhormat Bukit Gasing. Yang Berhormat semalam berkata dalam proses kerajaan hendak seragamkan rang undang-undang kecil seharusnya, memandangkan juga kita akan mengadakan pemilihan Ahli Majlis, saya rasa perkara ini diserahkan kepada Majlis. Jadi, kita serahkan kepada Majlis. Majlis harus merupakan agen yang mengepalai semua pembangunan kawasan Majlis. Jadi, sebab itu kita lantik Datuk Bandar, sebab itu kita lantik Ahli Majlis, sebab itu kita hendak membenarkan pemilihan Ahli Majlis, uruskan hal ehwal Majlis itu mengikut Seksyen 8, Akta Kerajaan Tempatan. Kita tak ada halangan. Tidak ada, memang perlukan satu apa tu pendekatan holistik dan pembangunan. itu adalah di bawah tangan Pihak Berkuasa Tempatan, dan termasuk kalau kita hendak mengezonkan semula, sama ada kita hendak rezonkannya sebagai kawasan industri, kawasan perumahan, itu sepatutnya kuasanya di bawah dalam tangan Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi, saya berharap perkara ini juga, bawa, bawa ke peringkat Majlis untuk membincangnya dengan sepenuhnya. Sebab, kita percaya kita ada keyakinan terhadap Yang Dipertua, Datuk Bandar dan Ahli Majlis yang kita lantik. Ah! Itu pendirian Kerajaan Negeri.

Tuan Timbalan Speaker, untuk makluman juga, semua pihak PBT telah bersetuju untuk penyeragaman Undang-undang Kecil Pihak Kuasa Tempatan Negeri Selangor. Walau pun penyeragaman Undang-undang Kecil dilaksanakan, setiap Pihak Berkuasa Tempatan negeri mempunyai kadar yang berbeza-beza. Mengikut kesesuaian dan keperluan di PBT masing-masing. Kita menghormati autonomi yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan mengikut Akta Kerajaan Tempatan ini. Mengenai kesan cadangan Kerajaan Negeri untuk mengadakan pemilihan Ahli Majlis, terhadap penyeragaman UUK Kerajaan Negeri secara umumnya boleh dari masa ke semasa memberi arahan am kepada PBT tidak berlawanan dengan Akta 171 iaitu Akta Kerajaan Tempatan termasuk penyeragaman UUK jika dirasakan perlu untuk berbuat demikian. Jadi kita akan menyeragamkan Rang Undang-undang Kecil atau Undang-undang Kecil yang perlu yang tidak perlu kita serah kepada majlis yang kita rasakan boleh seragamkan kita seragamkan yang kita rasa tak perlu biar majlis tentukan sendiri kita bagi autonomi tersebut.

Terdapat 19 Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor yang memerlukan pindaan terkini untuk tujuan penyeragaman Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan. Undang-undang Kecil berkenaan dibahagikan kepada tiga fasa. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah menimbang dan meluluskan pindaan Undang-undang Kecil mengkompau kesalahan-kesalahan Kerajaan Tempatan pindaan 2013 dan juga Undang-undang Kecil mengkompau kesalahan-kesalahan jalan, parit dan bangunan di dalam kertas ringkasan MMK No. 37/16/2013 yang telah disahkan oleh MMKN ke 17/2013 pada 19 Jun 2013. Manakala gubalan Undang-undang Kecil yang melibatkan undang-undang kecil pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan, undang-undang kecil hotel, undang-undang kecil kolam renang dan undang-undang kecil pusat sukan persendirian telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat

Kerajaan Negeri di dalam kertas ringkasan MMK 38/17/2013 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 26 Jun 2013. Draf Undang-undang Kecil krematorium tempat letak kereta persendirian dan pusat siber dan kafe siber UUK Fasa 2 telah dihantar kepada Kamar Penasihat Undang-undang pada 14 Mei 2013 untuk semakan sebelum diangkat untuk pertimbangan dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri serta Pewartaan. UUK yang selebihnya di dalam perancangan untuk mengadakan perbincangan bagi tujuan penyeragaman. Status terkini bagi UUK Fasa 1 adalah dalam proses pewartaan manakala UUK Fasa 2 masih dalam proses semakan oleh Kamar Penasihat Undang-undang Negeri Selangor UUK Fasa 3 belum dibincangkan.

UUK Fasa 1 melibatkan 8 Undang-undang Kecil iaitu pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan, hotel, kolam renang, pusat sukan persendirian, burung walit, mengkompaun kesalahan-kesalahan Kerajaan Tempatan mengkompaunkan kesalahan-kesalahan jalan, parit dan bangunan. Dan yang kelapan, peringkat pengangkutan jalan peruntukkan tempat letak kereta. Sementara itu Fasa 2 UUK melibatkan 8 Undang-undang Kecil krematorium tempat letak kereta persendirian, pusat siber dan kafe siber, penjaja, trek, perniagaan dan perindustrian, pelesenan anjing, rumah pembiakan anjing dan *establishment* makanan. Untuk Fasa 3 yang melibatkan iklan-iklan pilihanraya, pasar dan taman dan landskap. Pihak MBSA adalah Ketua Urus setia untuk urusan penyelarasan dan perbincangan bagi tujuan penyeragaman Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan dan Negeri Selangor ini.

Dan, Tuan speaker untuk menjawab soalan daripada Damansara Utama Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menubuhkan Unit Polis Bantuan memandangkan Kerajaan Negeri ditolak oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri melalui PBT Negeri Selangor sering mengadakan kerjasama bersama dengan pihak PDRM dalam memastikan keselamatan awam terjaga dan terpelihara. Dan menjawab soalan daripada Y.B. Kg. Tunku berdasarkan kepada Undang-undang Kecil Majlis Bandaraya Petaling Jaya 2007 kadar fi lesen kedai runcit bagi keluasan adalah tidak melebihi 500 meter persegi. Kadar fi lesen adalah RM160.00. Bagi kadar fi lesen pasar raya dan emporium, pasar mini melebihi 500 meter persegi adalah RM360.00, manakala bagi keluasan 1,100 meter persegi hingga 2,000 meter persegi adalah RM600.00 dan melebihi 2,000 meter persegi adalah RM1,000.00. Bagi pasar raya besar kadar fi lesen dengan keluasan tidak melebihi 500 meter persegi adalah sebanyak RM1,000.00. Bagi keluasan melebihi 501 meter persegi kadar fi sebanyak RM11,150.00 bagi keluasan 1,001 meter persegi hingga ke 2,000 meter persegi fi sebanyak RM2,000.00 dan keluasan melebihi 2,000 meter persegi kadar *fee* adalah sebanyak RM4,000.00.

Tuan Speaker, dengan itu jawapan daripada Sg. Pinang. Sekian, terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER : Saya jemput Y.A.B. Dato; Menteri Besar untuk membuat penggulungan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Puan Speaker, pertama saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan menjunjung ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor di majlis perasmian Persidangan Penggal Pertama. Saya ingin secara tak keseluruhannya saya sempat mendengar ucapan Bukit Antarabangsa, Sg. Burong, Sekinchan, Kuang, Ijok, Seri Serdang, Meru dan juga pandangan-pandangan daripada Taman Medan, Kota Anggerik dan rakan-rakan yang lain. Pertama sebelum saya terlupa saya mengucapkan tahniah kepada Seri Andalas antara yang bangun untuk mencari, mencadangkan usaha supaya dapat menyelesaikan masalah sosial dari segi minuman. Jadi saya rasa cadangan itu bukanlah mestinya akan dilaksanakan seperti yang dicadangkan tetapi dia membuka minda rakan-rakan dari Exco dan juga dewan sebagai satu cara untuk mengatasi masalah sosial yang kita hadapi. Saya ingin membangkitkan beberapa perkara tetapi satu perkara yang penting dalam usaha kita diberi mandat untuk membangunkan Negeri Selangor. Kita mesti menerima hakikat bahawa perjalanan pembangunan ini mestilah mengikut keadaan masa dan juga kita belajar daripada pengalaman-pengalaman kita yang lepas. Saya sangat tertarik tentang ucapan Sg. Burong untuk menerangkan kepada kita bagaimana perlu PKNS masih berpuluh tahun berada dalam satu kongkongan tentang cara tanggungjawab mereka. Saya rasa itulah sebabnya rakan-rakan daripada Pakatan Rakyat memikirkan kalau kita ingin reformasi bererti kita mesti ada apa yang dipanggil anjakan paradigma *that's means paradigm shift paradigm shift* itu sangat penting kerana sudah hamper 40 tahun kita belum dapat menyelesaikan masalah pemilikan hartanah dan juga pembangunan hartanah oleh syarikat atau perbadanan yang disuruh mengetuai kumpulan untuk membangunkan bagi pihak orang Melayu. Apa yang jelas kita masih menggunakan andaian yang lama dan cara-cara yang lama supaya kita tidak membuka ruang untuk perbadanan ini mencuba satu cara yang mana bukan sahaja dia akan membangunkan pemilikan masyarakat bumiputera tetapi juga sebuah syarikat yang boleh membangunkan negeri Selangor dan Malaysia bersaing dengan syarikat-syarikat yang utama dalam kumpulan hartanah di Malaysia. Jadi kalau kedua-dua itu dapat lagi cepatlah pembangunan pemilikan hartanah dan peningkatan harta untuk rakyat bumiputera ini dapat dilakukan. Saya mengambil contoh ini sebab apabila pengurusan PKNS menunjukkan kepada saya cadangan projek Datum Jelatek. Saya lihat kalau saudara lihat dan Datum Jelatek ialah satu usaha untuk menggunakan kumpulan hartanah yang dalam keadaan yang tiada dirasakan mempunyai *economic potential* menjadi kepada satu pembangunan yang besar dan kedua pemilikan-pemilikan orang Melayu di sana yang 119 orang itu pendapatannya dan hartanya akan dipertingkatkan di samping akhirnya habis sahaja kita melakukan projek pembangunan itu lebih daripada bukan 119 lebih daripada 337 pemilik hartanah Melayu bumiputera dapat memiliki hartanah yang setanding dengan pemilikan hartanah-hartanah yang di Bandar Kuala Lumpur. Jadi bila saya lihat keadaan begitu, jadi kita telah membuka satu anjakan paradigma masyarakat bumiputera ini tidak boleh dikongkong saja tetapi kita buka minda dia supaya dia dapat bersaing dengan pemilik-pemilik hartanah-hartanah yang lain dan dia tidak boleh hanya memikirkan hanya mampu milik saja atau kos rendah tetapi memikirkan tentang pemilikan yang lebih besar lagi. Sudah tentulah jawapan asal ialah tidak ada orang Melayu yang akan dapat menguasai pemilikan-

pemilikan tersebut disebabkan oleh pendapatan mereka, keupayaan mereka dan seterusnya. Tapi...

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Puan Speaker, mohon penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya. Sg. Burong.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Y.A.B. Menteri Besar kerana bersedia memberikan penjelasan. Saya sebenarnya berterima kasih kepada Y.A.B. Menteri Besar kerana baru terima ini jawapan bertulis yang telah dibuat oleh Y.A.B. yang ditujukan kepada saya selaku ADN Sg. Burong dan kepada Adun Permatang. Saya kira pun Y.B. Permatang pun ada terima dan menjelaskan isu-isu Datum Jelatek ini. Saya sangat bersetuju dengan Y.A.B. dalam beberapa perkara saya mengagumi cara pemikiran dan idea itu untuk membuat anjakan paradigma, membangunkan satu kawasan hak milik Melayu yang boleh menjadi teras untuk peningkatan harta orang Melayu. Saya sebenarnya mengikuti penulisan Y.A.B. terutamanya tentang pembangunan Kg. Baru yang seratus peratus dimiliki oleh orang Melayu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Y.B. Sg. Burong, nak minta penjelasan terus kepada soalan, kerana ini masa penggulungan untuk Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS: Kalau boleh Y.A.B. saya nak bagi penjelasan ini sebab ada kaitan dengan isu yang saya nak bangkit ini. Sebab apa dia sebenarnya Y.A.B. sendiri telah mencadangkan supaya dipertahankan orang Melayu di Kg. Baru dan mencadangkan satu kaedah yang baik misalnya untuk meningkatkan harta orang Melayu melalui penubuhan tabung amanah dan juga saham. Saya telah membaca tulisan tersebut dan amat tertarik. Masalah kepada PKNS ini bukanlah masalah saya mempersoalkan seperti dasar dan anjakan paradigma yang sangat begitu baik untuk membangunkan orang kata kekayaan lebih baik dari orang Melayu tetapi cara dia. Saya melihat Kampung Baru, Kampung Dato' Keramat, Taman Keramat ini adalah warisan orang-orang Melayu yang kalau kita lihat dari segi sejarahnya hanya inilah saja penempatan orang Melayu yang ada di Kuala Lumpur tanah yang bertuah ini. Dari itu cara pendekatan haruslah ia mestilah pendekatan yang betul-betul menguntungkan orang Melayu. Dan sebenarnya di hati kecil saya berharap ketiga-tiga tempat ini perlu dipertahankan supaya ia dimiliki sepenuhnya oleh orang Melayu. Walaupun saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat.

PUAN SPEAKER : Tunggu sekejap. Seri Andalas ingin mencelah Sungai Burong atau pun Yang Amat Berhormat Menteri Besar?.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Tak, saya nak celah Sungai Burong sebab dia kata tentang Dato' Keramat. Saya nak tanya Sungai Burong tahukah dia Pulau Langkawi, tanah di Pulau Langkawi itu 100% dimiliki orang Melayu sekarang *business* di Pulau Langkawi ini dimiliki oleh siapa. Ini semua kita kena faham sebelum kita lontarkan kata Dato' Keramat dan juga Datum Jelatek dan

Kampung Baru. Kampung Baru pun akan dibangunkan takkan dijual 100% pada orang Melayu. Kampung Baru akan dimajukan dan orang Tionghoa, orang India, orang luar juga akan diberikan untuk membeli kawasan itu. So, jangan politikkan isu ini sangat dan bawa ini sebagai isu Melayu dan bukan Melayu. Saya ingat kita kena tengok kejelasan dia.

TUAN SPEAKER : Baiklah saya bagi Sungai Burong 1 minit untuk tanya soalan ataupun minta penjelasan kerana kalau tidak Seri Andalas akan *lecture* Sungai Burong, Sungai Burong pula nak *lecture* Menteri Besar. Jadi tak habis. Ini sebenarnya waktu untuk Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar menjawab kepada semua isu yang telah dibangkitkan dalam perbahasan. Jadi saya bagi Sungai Burong 1 minit untuk menanyakan soalan atau meminta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Boleh Puan Speaker tapi saya ingat perkara ini penting sebab saya cerita ini untuk kepentingan saya rasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun orang Melayu dan dalam hati kecil kita, kita memang sayangkan tanah harta orang Melayu dan kalau boleh kita pertahankan. Tak apalah kalau orang lain dia kata nak menghapuskan harta orang Melayu tapi saya nak kata di kawasan Kampung Baru, Kampung Dato' Keramat...

TUAN SPEAKER : Terus kepada soalan Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya nak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi ialah kerana dari segi matlamat itu ada formula yang saya fikir di dalam pengalaman dan kebolehan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mencari cara pendekatan yang lebih baik untuk pastikan orang Melayu dapat maksimum sepenuhnya pemilikan harta itu. Takkan kita nak melepaskannya. Yang kedua, saya berterima kasih sebab kita dah dapat laporan sebab laporan ini kita lihat ada perbezaan dengan beberapa maklumat yang kita terima pada asalnya. Saya sendiri dapat laporan dan ada dokumen, ada surat yang ditulis oleh Pengurus Besar apabila berjumpa dengan pembeli dia kata tanah ni belum dijual, lesen permit juga belum dikeluarkan tetapi bila mereka buat promosi di Singapura mengatakan harta ini telah dijual Blok 1 dan Blok 2. Jadi nampak ketidaktelusan PKNS dari segi integriti. Jadi ini yang saya bangkit-bangkitkan dalam perbahasan saya dalam dewan yang mulia ini. Jadi saya sangat berharap kalau benda ini diperjelaskan dengan betul dan yakin sebagaimana hari ini sebagaimana jika perlu saya pun apabila Sekinchan membangkitkan perkara ini dibersihkan melalui SELCAT ini sebenarnya membantu PKNS sendiri dari segi integriti dan transparansi. Ini yang kita mahu lihat *governance* di negeri Selangor dan itulah tujuan saya sebagai Ketua Pembangkang membawa perkara ini. Jadi itulah yang saya ingin bangkitkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

TUAN SPEAKER : Terima kasih. Teruskan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Puan Speaker, terima kasih rakan-rakan. Satu perkara nak saya ingatkan diri saya dan rakan-rakan penyelesaian untuk satu-satu projek itu juga bergantung tentang keadaan-keadaannya. Saya bagi contoh satu penyelesaian yang saya bekerja dengan Yang Berhormat Chempaka tentang penyelesaian masalah Bukit Botak. Masalah Bukit Botak kita tahu rakyat miskin dia tidak boleh membayar dengan harga yang terbaik tetapi dia mahu rumah yang cantik dan kawasan itu adalah kawasan yang terletak yang saya katakan mempunyai nilai tanah yang akan meningkat apabila Selayang menjadi bandar. Hasilnya pada pemikiran kita pada awalnya boleh jadi orang marah kepada kita kerana menjual kediaman RM99,000.00 tapi apa yang mereka dapati nilai *semi-D* yang kita bagi tersebut sekarang sudah meningkat sampai RM250,000.00 dan baru mereka tahu yang kita bukan tujuannya untuk merugikan mereka tapi meningkatkan harta pemilikan mereka. Jadi di Kampung Baru saya buat satu kertas kerja 20 tahun dahulu tentang penyelesaian itu tetapi penyelesaian di Kampung Baru yang saya teliti tidak sama dengan penyelesaian di Dato' Keramat dan apa yang dipanggil flat Columbia. Tak sama sebab di Kampung Baru itu sebab di bawah *settlement*, di flat Columbia dan di sini terbuka. Jadi sebab itulah kita tidak boleh selesaikan tentang pemilikan tapi peningkatan harta. Jadi untuk itulah kita tengok hasilnya 115 orang Melayu memiliki harta RM110,000.00 sehingga RM150,000.00 dan mereka mendapat pampasan sekurang-kurangnya RM350,000.00 dan ke atas. Projek ini juga membolehkan lebih dari 337 orang Melayu yang akan memiliki hartanah melebihi RM700,000.00 dan ke atas. Jadi apabila ini berlaku begitu ramai. Tapi dalam projek ini yang saya tekankan iaitu saya telah meminta supaya 200 rumah kedai untuk bangunan Datum Jelatek yang begitu besar itu akan kita tentukan ia diuruskan dan dimiliki oleh masyarakat di kawasan tersebut yang akan menjadi peniaga di sana. Jadi bukan sahaja kita dapat menyelesaikan masalah pemilikan tetapi kita juga dapat menyelesaikan masalah apa yang dipanggil pendapatan dan seterusnya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi yang memberi jaminan bahawa masyarakat bumiputera akan dapat dijamin dari segi kuota pendudukannya di situ. Satu lagi yang saya nak minta pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar ialah kedudukan mereka ini yang 14 pemilik dan sekarang kedudukannya kalau dibiarkan begitu mereka akan dapat pampasan yang sedikit. Pada mereka ini adalah *life saving* mereka. Jadi saya harap Yang Amat Berhormat Menteri Besar dapat mempertimbangkan supaya dia dapat nilai harta yang dibelinya sama macam pampasan yang akan diterimanya. Dan tidak seperti laporan penilaian yang ada sekarang walaupun pada mulanya mereka menolak tawaran tersebut tetapi mereka adalah orang-orang yang berpendapatan rendah, walaupun nampak macam menentang kerajaan tapi sebagai sebuah kerajaan yang prihatin saya sangat berharap kita bantulah mereka selesaikan masalah dengan cara yang baik. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Puan Speaker. Yang Berhormat Sungai Burong membangkitkan tentang isu ada 14 pemilik hartanah yang tidak bersetuju dengan penjualan tersebut dan membawa kes itu ke mahkamah dan mahkamah telah menetapkan harga setengah atau satu per tiga. Walau bagaimanapun

saya telah menasihati PKNS kalau kita berniaga kita tidak boleh menggunakan cara itu untuk mendapat untung sebab kita boleh jadi mendapat untung lebih banyak lagi dengan keikhlasan kita. Walau bagaimanapun saya minta PKNS akan lakukan setelah projek itu mula berjalan dan memanggil mereka untuk menyelesaikan masalah ini. Tapi kalau dibuat sekarang boleh jadi bisingnya makin lama dan makin banyak. Jadi kita buat dan kita ada perjanjian dan kita selesaikan. Saya rasa PKNS tidak ada halangan untuk itu sebab kiraan kos itu sudah dimasukkan dalam projek PKNS. Perkara yang kedua yang saya nak bangkitkan ialah isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuang. Yang Berhormat Kuang telah memberi contoh bahawa syarikat pasir yang mendapat RM300,000.00 pendapatan sehari. Untuk itu saya telah meminta pegawai SEMESTA bagi tahu saya kalau RM300,000.00 pendapatan sehari dia sekurang-kurangnya mesti ada 3,000 lori yang berkeliaran di sana setiap hari untuk kes ini. Jadi saya berharap cerita itu tak betul. Kalau RM300,000.00 kita dari Dengkil pun boleh pengsan. Jadi di situ saya nak tunjukkan. Itu pun kalau dia curi dan tak bayar kos-kos yang lain kalau dia tak curi dia bayar 6,000 lori. Jadi saya nak ingatkan supaya tak bangkitkan perkara itu. Itu sebab Yang Berhormat Sungai Pinang pun dah bersetuju kita mesti adakan kumpulan penyelidik yang mana boleh digunakan oleh rakan-rakan dari Dewan Negeri semuanya untuk diadakan penyelidikan sebab kalau tidak tujuan kita baik tetapi fakta kita boleh jadi terlampau tak betul.

Kedua, ada dua perkara saya ingin gunakan kesempatan ini untuk meminta perhatian daripada Ahli Dewan dalam manifesto kita ada dua perkara yang kita cuba nak laksanakan. Itu sebab saya sendiri antara mereka yang tak berani mengatakan pelaksanaan manifesto ini ialah satu kontrak sebab andaian-andaianya bukan kita janji tapi andaianya kalau kita dah janji umpamanya banyak rakan-rakan saya bertanya pada saya tentang kalau kita menang di Putrajaya boleh jadi kita boleh bagi perkara-perkara ini percuma. Saya cakap kita tak boleh janji begitu sehingga kita tengok ada duit atau tak ada duit. Kalau tak ada duit maknanya kita tak boleh nak janji. Jadi itu sebab andaian itu mesti ada dia punya sekatan tapi dua andaian, dua perkara yang saya ingin dan rakan-rakan nak meneruskan usahanya ialah, satu ialah pembangunan desa luar bandar, itu yang kita akan cuba utarakan sebab kita dapati jurang pendapatan masyarakat. Itu sebab kita, masyarakat desa tak boleh bercakap, nak membeli rumah ataupun apartmen RM700,000.00 maknanya dia tak ada, tak ada dalam kira-kira dia ataupun tak ada dia boleh lakukan. Oleh sebab itu bagaimana kita membawa satu kumpulan supaya mereka dapat meningkatkan pendapatan mereka. Dan bukanlah bercakap fasal RM700,000.00 saja. Tapi kumpulan-kumpulan kewangan yang tersebut. Jadi saya rasa itu akan kita persembahkan kepada Dewan semasa Belanjawan tahun hadapan, untuk tahun hadapan, kerana kita nak terangkan program-program tersebut.

Kedua, saya percaya ramai rakan-rakan ingin untuk negeri, menjalankan usaha pembangunan keusahawanan. Maknanya terutama kumpulan belia. Itu satu perkara yang belum kita lakukan dengan baik. Walaupun kita ada program merakyatkan ekonomi, itu kita belum dapat lakukan dengan baik. Jadi itu. Dan saya percaya Taman Medan akan mempersoalkan saya, boleh jadi saya, apa yang dipanggil *bias*, bukan *bias*. Tapi jawapannya ialah kita kedua-duanya kita bangunkan tapi kalau kita dapat selesaikan *the most needy*, sebab duit kita terhad dan kita boleh bawa di sana. Tapi

dalam *urban, must urban*, kita sudah mula membangunkan konsep MIMBAR, yang mana saya rasa kita kena perbaiki lagi dan dapat menarik lebih daripada, hampir *target* kita ialah 10,000 usahawan dalam kumpulan tersebut. Jadi dengan cara itu, kita baru ada *impact* kepada masyarakat Selangor. Rakan kita daripada Meru telah menunjukkan peranan SKIMSEL dalam pembangunan meningkatkan pendapatan juga sudah mula menunjukkan kejayaan sebab lebih daripada 8,000 ke 10,000 sudah mula dapat meningkatkan pendapatan mereka sekurang-kurangnya 300 ke 500 sebulan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan, saya bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang keberkesanan SKIMSEL ini di kalangan masyarakat Tionghoa dan kalangan masyarakat India, di mana persepsi umum ialah mereka masih lagi tidak dapat merasai kebaikan daripada program ini. Dan ada ura-ura bahawa kerajaan akan menetapkan satu skim baru untuk masyarakat Tionghua yang menjalankan perniagaan yang lebih besar. Adakah perkara ini akan juga diusahakan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya rasa itu sebab antara yang kita lakukan mengambil kira tentang pembangunan desa melalui kampung-kampung tradisi, kampung-kampung Tionghua. Sebab kalau tidak, kita tidak melihat, umpamanya SKIMSEL yang dilakukan sekarang hanya *very much* kampung tradisi. Itu sebab kita tidak, tapi sekarang, kalau kita dapat ubah konsep itu untuk semua dan peruntukan dibagi kepada khas untuk kumpulan-kumpulan ini, kita boleh dapat ukur tentang kejayaannya. Itu sebab saya tak hendak membuat secara menyeluruh tapi fokus kepada tertentu. Walau bagaimanapun kajian kita menunjukkan, kajian awal menunjukkan bahawa pembangunan usahawan untuk di kampung-kampung Tionghua ini sudah ada. Di kampung-kampung desa, kampung-kampung tradisi belum berapa sudah ada, sudah ada, *they have family related inferential* program. Itu kajian, bukan, bukan, *this is the study*. Itu sebab boleh jadi saya rasa apabila kita laksanakan dia akan cepat meningkat sebab dia dah ada *sense of profitability and business*. Yang SKIMSEL tak ada *sense*, ada yang *tak sense of business*. Saya juga hendak membangkitkan tentang peranan GLC yang seperti yang dibangkitkan oleh rakan-rakan, bagaimana peranan GLC yang kita mahukan mereka bukan saja melakukan perniagaan, mendapat keuntungan dan juga memberikan sokongan kepada usaha dan ideologi Pakatan Rakyat. Itu yang kita. Dan salah satu daripada perkara pengalaman kita pada 2008, pengalaman kita pada 2008 menunjukkan GLC tidak ditentukan yang pengurusan yang tata kelola, *corporate governance* yang terbaik dan profesional ialah kita utamakan. Jadi oleh sebab itu, kita mengambil masa tiga ke lima tahun untuk membentuk satu budaya yang GLC ini, orang-orang yang bekerja dengannya ialah orang-orang yang mempunyai keupayaan profesional, peningkatan ataupun taraf integriti yang tidak boleh dipersoalkan dan boleh membawa perbadanan ini kepada satu tahap yang lebih baik lagi. Jadi itu yang kita mahukan. Jadi oleh sebab itulah dia mengambil masa yang agak lambat untuk mengubah budaya yang ada dahulu. Tapi Alhamdulillah, saya ingin menyatakan di sini ada GLC-GLC, seperti PKPS, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor telah menunjukkan keupayaannya, dan dia antara agensi yang mendapat empat bintang dari segi integriti yang dibuat oleh Audit Negara. Jadi itu saya nak tunjukkan bagaimana cara yang kita boleh lakukan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Minta penjelasan. Terima kasih, Dato' Menteri Besar. Adakah kerajaan ingin membuat satu penilaian semula tentang GLC. Kerana dia melibatkan, pertamanya pembabitan kerajaan secara langsung dan tidak langsung dalam perniagaan. Jadi ini mewujudkan persaingan antara rakyat awam dengan kerajaan. Kedua, kadang-kadang terdapat macam *double standard*, dari segi, tadi Dato' Menteri Besar mengatakan kredibiliti *track record* mereka tidak boleh dipertikaikan. Kadang-kadang dalam *track record* yang lepas dipertikaikan, maknanya *belanda-belanda* dengan izin telah dilakukan oleh GLC, jadi maknanya tidak *full proof* sepenuhnya bahawa mereka yang ditugaskan untuk mengendalikan GLC, mempunyai *track record* yang tidak boleh dipertikaikan berbanding dengan kakitangan awam. Makna kadang-kadang gap gaji tu, elaun dan sebagainya imbuhan terlalu besar hingga kita boleh persoalkan apa kelebihan dalam beberapa bidang GLC di antara kakitangan awam dengan sektor GLC.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker, itu memang *government shouldn't in business*, itu memang satu konsep bukan saja pemikir barat yang memikirkannya sehinggakan pemikir Islam Al-Ghazali juga mengingatkan kita. Tapi kita tidak boleh buat dengan bila sampai saja, kita boleh buang semua. Tak boleh. Jadi kita kena bentuk balik semula, supaya dia dapat menjalankan sekurang-kurangnya tugas yang dijalankan. Ha, itu satu. Kedua, saya juga tidak boleh mengambil satu keputusan menyalahkan eksekutif seratus peratus, sebab pemiliknya dan juga ketuanya yang membuat arahan tersebut. Jadi oleh sebab itulah kita mesti mengubah daripada atas sekali. Jadi maknanya kalau *you have a rotten head, that mean the hole body is*, itu sebab penting kita kena ubah daripada tersebut. Tapi dia mengambil masa, kerana orang yang kita nak ubah itu juga melihat kepada kita sama ada dia boleh ambil kita sebagai contohnya. Kalau tidak, kalau contoh kita tak baik, dia cakap dia berubah, berubah macam kita. Itu sebab perlu kita ada keadaan tersebut. Jadi saya juga minta supaya Sri Muda tidak menyatakan kepada saya, *respons* kita tak cepat. Saya telah minta untuk kumpulan hartanah menyatakan mengapa jalan berlubang yang dibiarkan dan tidak selesai dalam masa yang ditentukan. Jadi saya baca supaya kita sama-sama menghayati;

Aduan mengenai kerja penutupan jalan yang kurang memuaskan di Seksyen 31, yang mempunyai penduduk yang padat, itu dia punya jawapan, dan kawasan yang sesak. Adalah disebabkan menutup lubang jalan berhampiran kawasan rumah dan kesesakan jalan utama. Kontraktor menghadapi kesukaran menutup lubang jalan berdekatan rumah pangsa, terutama tepi jalan yang telah menjadi parkir penduduk rumah pangsa. Kerja-kerja terhalang oleh sebab kenderaan yang terletak di atas lubang jalan pada siang dan malam....

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI : Terima kasih Yang Amat Berhormat Pelabuan Klang. Nampaknya jawapan yang diberikan itu bukan di tempat yang dimaksudkan. Kerana jalan yang saya sebut itu ialah persiaran Anggerik Vanilla Seksyen 31, berhadapan dengan kuil agama hindu yang sedang di bina dan juga di sebelahnya dibina gereja. Jalan itu tak ada pangsapuri, Yang Amat Berhormat

Pelabuhan Klang. Yang ada di jalan itu ialah lorong yang Cuma ada dua bangunan itu dan jalannya tidak sesak. Jadi mungkin jawapannya silap. Apa pun saya terimalah. Mungkin untuk kawasan lain ada pertindihan lubang seperti yang berlaku di pangsapuri Bandar Putera, mungkin. Tetapi apa yang saya nak sebutkan ialah kualiti yang digunakan ataupun bahan yang digunakan itu tak begitu bermutu, mungkin sejuk waktu dia turap, menyebabkan lepas dua hari dia berlubang semula. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Sri Muda. Walau pun Yang Berhormat Sungai Panjang juga menerima laporan daripada Majlis Bandaraya Shah Alam tentang perkara tersebut tapi jawapan yang diberikan lebih teknikal iaitu supaya pembaikan perlu dilaksanakan di peringkat *roadway* dengan mengorek dan membuang permukaan yang sedia ada hingga ke peringkat anggaran kerja-kerja itu, jadi maknanya pelajaran kita daripada sini iaitu kita juga mesti mengadakan kumpulan pemantauan dari masa ke semasa. Walaupun kos pemantauan itu sangat mahal, untuk 100%. Tapi sekurang-kurangnya kita ada *random* pemantauan dan dapat belajar pada perkara tersebut. Jadi, Puan Speaker saya ingat, saya berhenti di sini sebab semua jawapan-jawapan sudah diberikan oleh rakan-rakan EXCO saya. Dan saya berharap kita akan dapat mencuba, memberi mempertingkatkan keupayaan pentadbiran kita.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Puan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya. Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Ada soalan berkaitan semakan saraan itu, Yang Amat Berhormat pernah jawab dahulu tapi nampak tidak dijawab. Persaraan supaya disemak.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Fasal dana ini, saya lambat sikitlah! (ketawa). Tidak secepat (ketawa). Ok, untuk ini EXCO juga telah ada perbincangan. Kita menunggu beberapa keputusan yang akan dibuat di Parlimen tentang cadangan kenaikan apa itu, pendapatan. Oleh sebab itulah kita berharap kita akan dapat apa itu, kita akan dapat selesaikan selepas ini. Bajet tahun untuk hadapan mengambil kira peningkatan pendapatan.

TUAN SPEAKER : Soalan penjelasan, Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Puan Speaker. Dalam perbahasan saya ada tanya berkenaan I-City dan juga berkenaan Cyberjaya. I-City nampaknya telah dijawab oleh Yang Berhormat Sungai Panjang tapi berkenaan tentang Cyberjaya nampak belum dijawab.

DEWAN : Sungai Pinang.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Saya *test* saja tadi tu. (ketawa). Masih lagi teringat-teringat. Minta maaf, bukan Sungai Panjang, Sungai Pinang, betul! Tadi telah dijawab oleh Sungai Panjang. Sungai Panjang lagi. (ketawa). Sungai Pinang minta

maaf. Bukan apa, terkejut tentang kenaikan tadi itu. (ketawa). Tadi Sungai Pinang jawab, jadi saya hendak tanya fasal Cyberjaya Yang Berhormat Dato' Menteri Besar.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sri Muda bangkitkan juga, Bukit Antarabangsa mengapa premium di Cyberjaya sangat tinggi dan adakah kita telah membuat satu perbezaan berasingan dari segi memberi mengenakan bayaran. Jawapannya adalah asas penilaian hartanah, ia berasaskan penilaian hartanah yang bukan dilakukan oleh pegawai-pegawai Pejabat Tanah Negeri tapi di buat oleh Jabatan Penilaian di Perbendaharaan Malaysia. Jadi, apabila Cyberjaya di bangunkan dan oleh kerana hartanah itu agak meningkat harganya itu sebab pembeli-pembeli itu apabila ia hendak membuat *con...* pertukaran ia kena harga yang lebih tinggi berbanding dengan harga kalau ia buat sehingga kan di Shah Alam, sebab harga. Jadi jawapan saya dalam hal itu, jika benar-benar projek itu menguntungkan negeri Selangor dan juga memberikan peluang pekerjaan yang begitu ramai. Jadi EXCO Negeri mempunyai kuasa untuk memberi diskaun tetapi pengiraannya tidak berubah. Kalau penilaiannya RM150.00 sekaki kita tidak boleh ubah RM150.00 sekaki. Tapi yang kita ubah ialah dengan RM150.00 sekaki premiumnya adalah katalah RM20 Juta jadi tapi EXCO negeri atas menulis boleh mengurangkan sehingga 50%. Itu yang kita boleh lakukan.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, waktu menghampiri 5.30 petang. Oleh sebab urusan dewan ini masih panjang, maka dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk menyediakan usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa usul yang berbunyi seperti berikut:

"Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 5.00 petang".

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Puan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong, saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata 'YA'. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata Tidak. Usul ini dipersetujui. Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Puan Speaker. Yang Amat Berhormat tertarik dengan beberapa respons daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Soal. Soal tentang bajet akan datang akan dibentangkan tentang kebajikan ADUN dan saraan sebagainya, saya mengucapkan terima kasih dululah! Kami menanti, kami seluruh...nya menanti jawapan yang terbaik daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Saya mengucapkan terima kasih dahulu. Janji ditepati. Ingat, sebelah saya janji ditetapi tak apa. Tapi kenaikan itu termasuk mereka, jangan nafikan mereka itu. Seterusnya saya hendak minta penjelasan tentang Rang Undang-undang yang

saya bangkitkan dalam berbahasan saya Rang Undang-undang Selesa yang dulu mungkin tidak selesa. Rang Undang-undang Selesa menetapi, memperkasakan Dewan Negeri Selangor *special of power*. Apa pandangan jawapan dari Yang Amat Berhormat dari konteks ini kalau boleh kami hendak melihat dapat dilaksanakan dalam tempoh setahun dua ini. Jangan tiada masa. Kita ada *time frame* nya. Kedua, tentang memperkasakan dewan ini, Setiausaha kita yang kerja kuat dan sebagainya, grednya harus dinaikkan. Kalau gred tidak naik, dewan tidak menerajui seluruh Malaysia. Dewan Selangor ini dewan nombor *one* di Malaysia. Kebajikan *staff-staff*, bentara dan juga pekerja kontrak. Saya minta perumahan, tabung perumahan. Kalau tidak boleh bagi tabung pun, dirikan rumah kuarters khusus untuk pekerja-pekerja kontrak, dia bayar bulan-bulan. Satu hari sehingga tua rumah itu milik merekalah! Itu saja permintaan saya. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker, pertama perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan kita akan bentangkan dewan untuk dewan hadapan. Saya telah meminta Datuk Penasihat Undang-undang untuk kumpulkan, untuk dibincangkan di peringkat EXCO setelah mengambil perhatian tentang penelitian oleh Istana. Sebab di dalam kajian saya, SELESA ada sebenarnya menghubungkan hubungannya dengan Enakmen Pertubuhan Negeri. Sebab itu saya rasa ianya tidak menghalang kita memperkenalkan Enakmen tersebut tetapi secara prosedurnya apabila kita ada hubungannya dengan Enakmen Negeri kita juga bertanggungjawab untuk memberitahu mereka-mereka yang terlibat dalam Enakmen tersebut. Perkara kedua ialah tentang dua perkara dari segi gaji dan pampasan. Kita tertakluk kepada beberapa urusan Jabatan Perjawatan Perkhidmatan Awam. Walaupun tertakluk, pegawai kontrak ia tertakluk sebab bayaran gaji dibuat secara keseluruhannya. Walaupun kita boleh mengambil kira tentang pemberian, tentang perumahan, tentang subsidi perumahan ia boleh. Dari segi ganjaran ianya perlu mengambil kira pandangan dan juga penelitian Jabatan Perkhidmatan Awam bukan negeri tapi Jabatan Perkhidmatan Awam Negara.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tambahan sedikit. Saya masih kurang jelas dengan jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar khususnya mengenai kebajikan kontrak ini. Kalau berkaitan Jabatan Perkhidmatan Awam itu saya maklum. Saya maklum ya. Tapi inisiatif Kerajaan Negeri sendiri, untuk mendirikan kuarters, menyediakan tabung ini perlu satu komitmen daripada kerajaan. Itu satu. Yang keduanya, sedikit tambah lagi, tambah lagi. Bagaimana dengan perbahasan saya yang menimbulkan isu tentang taraf Speaker Dewan Negeri dinaikkan? Taraf dia dinaikkan. Gajinya lebih tinggi, tarafnya lebih tinggi daripada EXCO, di bawah MB. Speaker Negeri Selangor bukan sembarangan Speaker, nombor *one* di Malaysia. Dan juga, taraf Ketua Pembangkang. Taraf Ketua Pembangkang dinaikkan seperti EXCO. Dari segi kenderaan rasmi, dari beri pejabat dan diberi pegawai dan diberi elaun sama dengan EXCO. Ini yang Selangor mampu lakukan. Saya minta komitmen daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya akan minta kajian dibuat dan akan dibandingkan dalam keadaan yang sama untuk dewan-dewan di Malaysia dan juga

Parlimen, supaya kita. Walaupun kita boleh lebih daripada mereka tapi sebabnya ini bukan satu kenyataan yang bertulis. Sebabnya saya menunggu keputusan dari Parlimen. Parlimen Malaysia mungkin diberikan satu kertas kelulusan supaya pendapatan Ahli Parlimen tidak kurang daripada apa yang di dapati oleh Sarawak. Jadi, oleh sebab itu kita boleh lihat kalau berasas itu sudah tentulah Kerajaan Negeri Selangor boleh mengambil contoh-contoh berikut.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tambah sedikit lagi. Puan Speaker, yang terakhir. Berkaitan dengan taraf itu, taraf Speaker dengan Ketua Pembangkang ini. Pihak Dewan Negeri Selangor kita tidak perlu tunggu Parlimen kita buat anjakan paradigma seperti yang ditegaskan Yang Amat Berhormat tadi. Kita boleh buat sendiri. Kalau Selangor buat. Tidak pernah orang lain buat, ini rekod. Rekod kena simpan dalam piring hitam. Ini rekod *library*, rekod Selangor taraf Ketua Pembangkang taraf Speaker. Ini satu anjakan paradigma, kita hendak tengok janji ini tidak perlu tunggu Parlimen. Tunggu saraan tidak apa, kita sabar menanti.

TUAN SPEAKER : Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN : Terima kasih Puan Speaker. Bukti Gasing ingin memohon penjelasan pihak kerajaan, jika boleh atas isu *leased hold* dibangkitkan dalam perbahasan Bukit Gasing tempoh hari. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker, isu *free hold* kepada *leased hold* dan umpamanya satu ladang yang dulunya, asalnya *free hold* tapi bila diserahkan semula kepada negeri. Negeri membuat keputusan untuk menjadikan *leased hold* bererti keputusan itu, sah. Maknanya bukan tidak sah. Oleh sebab itu negeri tidak, telah diminta dalam Mesyuarat Tanah Negara tiap-tiap tahun ada satu mesyuarat dipengerusikan oleh Perdana Menteri mengenai pentadbiran tanah- tanah. Dipersetujui bahawa *leased hold* tidak boleh diberikan *free hold* iaitu kes-kes itu pernah dibangkitkan oleh rakan-rakan daripada Perak dan juga daripada Pulau Pinang. Jadi oleh sebab itulah saya tidak menjawab sebab perkara ini masih lagi dibincangkan di peringkat Persekutuan. Sebab Kerajaan Persekutuan mempunyai beberapa alasan dan juga perkara kesamarataan pemilikan tanah di Semenanjung.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Ya, terima kasih Puan Speaker. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya ingin bertanya tentang ucapan saya tentang Pejabat Tanah Daerah tentang masalah kekurangan pekerja, *Settlement Officer* dan juga cadangan saya untuk meringankan tugas dan beban di Pejabat Tanah dan Daerah Petaling sama ada ianya mungkin di pecah kepada 2 untuk melicinkan pentadbirannya. Jadi apakah ulasan daripada pihak pentadbiran?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker, saya menerima nota dari Pegawai perjawatan untuk membincangkan perkara yang dibangkitkan oleh Bukit Tunku. Tapi saya tidak menjawabnya sebab dia bersetuju untuk berbincang tetapi belum dapat keputusannya lagi.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Puan Speaker.....

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada pun di hadapan Dewan ini adalah suatu Usul yang berbunyi seperti berikut :-

“Ampun Tuanku,

Patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor yang berhimpun di Dewan ini memohon sembah terima kasih dan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Kedua (Pembukaan) Penggal Pertama Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas.”

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK.

Usul ini dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan 2013 (Semua Peringkat).

Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2013 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Puan Speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

1. Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberikan kuasa *statutory* bagi bayaran tambahan tertentu di buat untuk perkhidmatan negeri 2013 yang telah tidak diperuntukkan oleh undang-undang sedia ada.
2. Melalui Enakmen Perbekalan (2013) 2012 yang telah diluluskan 30 November 2012, sejumlah RM1,572,092,905.00 telah diperuntukkan bagi perbelanjaan perkhidmatan negeri tahun 2013.
3. Berpandukan keperluan kewangan semasa, terdapat kekurangan peruntukan bagi jabatan-jabatan tertentu. Sehubungan dengan itu, Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 1) 2013 sebanyak RM761,440,000.00 adalah diperlukan bagi menampung kekurangan

tersebut. Peruntukan tambahan yang diperlukan adalah seperti jadual berikut :-

| Maksud | Tajuk | Amaun (RM) |
|---------------|--|-----------------------|
| B04 | Perbendaharaan Negeri | 622,440,000.00 |
| B06 | Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan/Hutan | 79,000,000.00 |
| B29 | Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am) | 60,000,000.00 |
| | Jumlah | 761,440,000.00 |

Tuan Speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

4. Peruntukan tambahan bagi Maksud Bekalan B04 – Perbendaharaan Negeri, sebanyak RM622,440,000.00 adalah dikehendaki bagi perbelanjaan seperti berikut :-
 - i) Sebanyak RM83,000,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran Program Air Percuma 20 meter padu Pertama bagi bulan Julai hingga Disember 2013;
 - ii) Sebanyak RM22,000,000.00 bagi menampung semula peruntukan sedia ada yang telah digunakan bagi bayaran Program Air Percuma 20 meter padu Pertama bagi bulan Mei dan Jun 2013; dan
 - iii) Sebanyak RM517,440,000.00 diperlukan bagi menambah siling Tabung Kumpulan Wang Amanah Pinjaman kepada Badan-badan Berkanun dan Badan Lain. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM413,200,000.00 adalah pemberian pinjaman kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) bagi tujuan pengambilalihan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB). Sejumlah RM80,000,000.00 adalah pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bagi tujuan pengambilan tanah Majlis Bandaraya Petaling Jaya untuk Pembangunan Projek *Datum In-City*. Manakala, sejumlah RM24,240,000.00 adalah bagi pinjaman kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bagi projek-projek yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke-2/2013 pada 20 Februari 2013.
5. Bagi Maksud Bekalan B06 – Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan/Hutan pula tambahan sebanyak RM79,000,000.00

diperlukan untuk menampung kekurangan bagi projek-projek di bawah Vot P12 – Jabatan Kerja Raya dan P13 – Jabatan Pengairan dan Saliran.

6. Bagi Maksud Bekalan B29 – Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am) pula tambahan sebanyak RM60,000,000.00 diperlukan bagi menampung komitmen-komitmen tahun 2013 yang telah diguna pakai untuk pembayaran Program Air Percuma 20 meter padu Pertama bagi bulan Januari hingga Mei 2013.

Puan Speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

7. Dengan penjelasan yang telah diberikan tadi, saya mencadangkan satu Enakmen Perbekalan Tambahan No, 1 (2013) bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan, untuk perbelanjaan tambahan pertama tahun 2013 berjumlah RM761,440,000.00 dan memperuntukkan wang itu bagi maksud yang tertentu dibaca kali yang kedua.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM : Puan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan. Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Puan Speaker. Kampung Tunku berdiri untuk membahas Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan 2013 ini. Di dalam Rang Undang-undang ini ada disebut bahawa Kerajaan Negeri akan memperuntukkan wang sejumlah RM105 juta untuk membiayai Program Air Percuma untuk tahun ini. Saya ingin bertanya kepada pihak pentadbiran tentang perkembangan terkini tentang Program Penstrukturan Semula Industri Air ini memandangkan dalam minggu yang lepas kami telah diberi satu berita, dimaklumkan tentang satu berita yang bagus di mana Kerajaan Persekutuan akhirnya telah memberi persetujuan kepada Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan Eksais Penstrukturan Semula Industri Air ini. Jadi apa yang menjadi tanda tanya kepada semua *stake holder* sekarang ialah apa yang akan berlaku selepas ini?

Ada juga yang bertanya apakah harga yang akan ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mengambil alih seluruh aset-aset syarikat air ini. Saya kira ini adalah satu persoalan yang penting kerana akhirnya wang yang dibayar itu adalah wang rakyat dan rakyat berhak mengetahui apakah angka yang kita akan bayar kepada syarikat ini.

Saya juga ingin bertanya sebenarnya walaupun Kerajaan Negeri Selangor diberi peluang untuk menyelesaikan masalah ini tetapi saya pasti Kerajaan Persekutuan pun ada peranan yang perlu dimainkan. Dalam isu ini, saya ingin bertanya tentang apakah peranan yang akan dimainkan oleh PAP iaitu satu agensi Kerajaan Persekutuan dalam perkara ini. Saya berharap pihak pentadbiran akan memberikan satu maklum balas kepada Dewan yang mulia ini.

Puan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang peruntukan untuk maksud B04 iaitu pertanyaan-pertanyaan tentang pinjaman kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad. Saya tertarik dengan peruntukan sebanyak RM517,440,000.00 di bawah maksud B04 – Perbendaharaan Negeri ini di mana kita akan menambahkan siling Tabung Kumpulan Wang Amanah. Kita akan memberi pinjaman kepada Badan-badan Berkanun dan Badan lain. Sebanyak RM423.3 juta, Puan Speaker diperuntukkan sebagai pinjaman kepada Kumpulan Darul Ehsan Berhad bagi tujuan pengambilalihan Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB). Untuk perkara ini sebenarnya telah dilaporkan Puan Speaker bahawa KDEB telah menawarkan harga sebanyak RM0.76 sen seunit saham untuk membeli 56.57% saham iaitu jumlah saham yang dibeli ialah RM254.56 juta saham Kumpulan Hartanah kepunyaan Kumpulan Perangsang Selangor. Ini dilaporkan bahawa jumlah wang tunai yang perlu dibayar ialah RM193.47 juta sahaja. Juga dilaporkan dalam media bahawa harga ini mungkin akan dianjak 10% lagi menjadikan harga akhir RM83.6 sen sesaham. Perkara ini akan berlaku sekiranya penilaian semula aset dan harta Kumpulan Harta Sdn. Bhd. yang akan dilaksanakan oleh sebuah juru nilai yang bebas. Sekiranya *re-evaluation* mendapati nilai aset bersih atau pun *re-value nett asset* melebihi 10% daripada *audited consolidated nett asset*, maka KDEB perlu membayar wang tambahan sebanyak RM212.81 juta untuk melengkapkan urusan ini dan bukannya RM193 juta.

Soalan pertama daripada Kampung Tunku. Jikalau kerajaan akhirnya perlu meminjam wang sejumlah RM212 juta kepada KDEB untuk menyelesaikan urusan ini mengapa dalam sidang Dewan sekarang ini kita perlu meminjam wang sebanyak RM423 juta sedangkan wang RM423 juta sebenarnya adalah dua (2) kali ganda daripada RM212 juta ini.

Soalan kedua ialah berapa banyak pula liabiliti Kumpulan Hartanah yang akan diambil alih oleh Kumpulan Darul Ehsan? Jadi melalui laporan *The Edge*, Kumpulan Hartanah Selangor sebenarnya menghadapi kerugian untuk tahun kewangan 2011 dan 2010. Kerugian ialah RM39.7 juta dan RM39 juta masing-masing. Yang ini agak tinggi. Bagaimana dengan prestasi Kumpulan Hartanah untuk tahun-tahun kewangan yang sebelumnya? Adakah Kumpulan Hartanah juga mengalami kerugian dan sekiranya ya, adakah kerajaan juga akan mengambil alih semua kerugian yang dialami oleh syarikat ini pada tahun-tahun sebelumnya? Jadi saya meminta Kerajaan Negeri memberi perangkaannya di Dewan yang mulia ini.

Soalan ketiga. Dalam satu laporan yang dibuat oleh *The Edge* Malaysia bertarikh 10 Jun 2013 dilaporkan bahawa Kumpulan Hartanah mempunyai aset tanah yang banyak untuk pembangunan hartanah dan nilainya dijangkakan RM214.6 juta, manakala hartanah pelaburannya adalah lebih kurang RM1.1 juta. Carian melalui Internet menunjukkan Kumpulan Hartanah Selangor mempunyai tanah seluas 9.6 ekar di Petaling Jaya. Saya ingin bertanya apakah rancangan Kerajaan Negeri Selangor terhadap semua harta dan aset yang akan diambil alih oleh KDEB ini. Jadi saya juga meminta supaya kerajaan memberi satu senarai penuh aset dan hartanah yang akan diambil alih. Soalan yang keempat dan ini adalah soalan yang paling saya rasa kritikal sedikit, dilaporkan juga bahawa KDEB telah menandatangani perjanjian jual beli untuk

membeli saham tersebut pada 29 April 2013. 29 April ialah 25 hari selepas dewan kedua belas dibubarkan. Jadi Kerajaan Negeri Selangor pada masa itu ialah Kerajaan *Care Taker* dan Kerajaan *Care Taker* menandatangani satu perjanjian jual beli yang bernilai yang akan memakan belanja ratusan juta ringgit. Jadi persoalan timbul sama ada, ada keperluannya untuk Kerajaan *Care Taker* masa pada masa itu untuk melakukan atau menandatangani satu perjanjian yang melibatkan *amount* yang begitu besar dan saya kira ini adalah suatu perkara yang perlu diperjelaskan supaya ianya tidak akan menjadi contoh yang tidak bagus untuk kerajaan-kerajaan yang akan datang. Yang kedua ialah tentang pinjaman RM80 juta kepada PKNS iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Kampung Tungku tertarik ingin menarik perhatian dewan, puan speaker tentang satu pinjaman sebanyak RM80 juta yang akan diberikan kepada PKNS bagi tujuan pengambilan tanah Majlis Bandar raya Petaling Jaya untuk tujuan pembangunan projek Datum In-City. Ini bukan Datum Jelatek ya, ini satu lagi Datum In-City, kita banyak saya rasa saya jangkakan mungkin pada masa-masa yang akan datang kita akan banyak memperbanyakkan lagi projek-projek Datum. Jadi ini adalah satu projek pembangunan bercampur yang sebelum ini dikenali sebagai *PJ Elevated City* terletak berhampiran dengan kawasan saya. Projek pembangunan ini pernah seketika dulu dihangat-hangatkan oleh orang-orang Barisan Nasional kerana dilaporkan kerajaan akan membina asrama pekerja di sini sedangkan rakyat Malaysia tidak ada peluang untuk memiliki rumah sendiri. Jadi Mesyuarat MTES telah memutuskan supaya pembangunan di tanah hak milik Kerajaan Negeri dan MBPJ seluas 20 ekar perlu dibangunkan dengan mengambil kira keperluan *western digital* dengan membina unit asrama yang dapat menampung 10,000 orang pekerja dan 5000 tempat letak kereta di atas tanah seluas 20 ekar ini. Soalan pertama ialah kerajaan bukan sahaja membina penginapan untuk pekerja bukan sahaja akan membina kegunaan pejabat perdagangan dan sebagainya. Kerajaan juga akan membina perumahan jenis apartmen, yang saya ingin tanya ialah kategori perumahan jenis apartmen ini apakah bentuk ataupun kategori perumahan yang akan kita bangunkan. *Apartment high cost, low cost, medium cost* ataupun rumah sederhana. Adakah kerajaan akan juga membangunkan perumahan sosial di tempat ini dan jikalau ia berapa banyak unit yang akan dibangunkan dan jika tidak apakah sebabnya?.

Yang kedua ialah, saya juga ingin bertanya sebenarnya apakah sebenarnya kos pengambilan dana yang dikenakan ke atas PKNS untuk mengambil tanah MBPJ ini. Adakah hanya dana MBPJ yang akan terlibat ataupun terdapat juga tanah daripada sektor swasta yang terlibat. Sebab pinjamannya RM80 juta saya tidak pasti sama ada kosnya melebihi RM80 juta ataupun kurang daripada RM80 juta. Kalau kosnya kurang daripada RM80 juta, maka soalan saya ialah mengapa kita perlu meminjam sesuatu yang melebihi yang diperlukan. Jadi, ini adalah tentang PKNS. Aspek yang ketiga yang ingin saya hendak tanya ialah tentang kemampuan untuk membayar balik oleh KDEB dan PKNS terhadap pinjaman-pinjaman ini, piawaian kita harus lupa sebenarnya Kerajaan Negeri telah banyak memberi pinjaman kepada syarikat-syarikat KDEB khususnya dalam *exercise* pengambilan adapun *exercise* program air percuma. Jadi saya khuatir sama ada KDEB mempunyai aliran tunai yang sihat untuk membayar balik wang dipinjam oleh Kerajaan Negeri ini. Saya juga ingin bertanya adakah mungkin kedua-dua syarikat ini meminjam wang daripada bank swasta dan bukannya daripada

Kerajaan Negeri. Apakah kelebihan meminjam daripada Kerajaan Negeri?. Jadi saya berharap perkara ini dapat dilihat dengan teliti oleh Kerajaan Negeri Selangor supaya dewan mendapat maklumat yang boleh disampaikan kepada orang ramai supaya kekeliruan ataupun kemusykilan ini dapat dijawab dengan penuh. Tuan Speaker, saya juga ingin menyentuh beberapa perkara yang perlu saya bangkitkan untuk manfaat dewan di sini iaitu tentang isu wanita bekerja dan juga tentang pemutihan kilang. Kampung Tunku ingin mengimbas kembali soalan ataupun jawapan Y.B. EXCO yang bertanggungjawab tentang hal ehwal wanita tentang dasar kerajaan terhadap pasar raya-pasar raya besar dan kawasan-kawasan komersial untuk menyediakan tempat penyusuan ibu. Jadi jawapan yang diberi ialah Kerajaan akan menetapkan satu cadangan kepada pasar raya-pasar raya besar ini dan cadangan ini pada pendapat saya masih belum diberikan ke tahap dasar. Apabila ianya dinaikkan ke tahap dasar, maka ianya perlu diikuti dengan surat pekeliling dan sebagainya. Saya kira Kerajaan Negeri harus mengambil pendirian yang lebih tegas menjadikan perkara ini sebagai satu dasar mendapat kelulusan di peringkat MMKN dan dijadikan satu pekeliling untuk dihantar kepada semua PBT. Cadangan saya ialah Kerajaan Negeri harus menetapkan bahawa ini adalah satu syarat supaya pasar raya besar, kawasan-kawasan komersial perlu menyediakan tempat penyusuan ibu, taska, taski untuk menampung keperluan wanita-wanita bekerja. Kalau setakat cadangan sahaja saya rasa ianya tidak akan pergi ke mana-mana ianya perlu diangkat menjadi satu dasar dan dilaksanakan melalui pekeliling. Yang paling mudah sekali ialah ianya perlu diserap dalam permohonan sebagai syarat dalam permohonan kebenaran merancang dan saya berharap Kerajaan Negeri boleh memberi satu maklum balas terhadap perkara ini. Yang kedua tentang pemutihan kilang dan kedai haram. Ada satu kekurangan dalam program pemutihan kilang yang kita laksanakan sejak tahun 2006 ini ialah kita hanya menumpukan kepada kilang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Puan Speaker. Peraturan Tetap

TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM : Puan Speaker, saya kira Y.B. Kampung Tunku telah pun keluar tajuk daripada Rang Undang-undang Perbekalan pada hari ini, tidak merangkumi PBT dan juga tidak merangkumi pemutihan kilang ini.

TUAN SPEAKER : Ya Kampung Tunku, sila kaitkan dengan rang undang-undang tersebut.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya akan kaitkan dengan Rang Undang-undang ini. Oleh itu saya berharap perkara yang saya bangkitkan ini sebelum ini dapat diberikan perhatian dan saya akan cuba ringkaskan apa yang saya akan bangkitkan ini, jadi inilah beberapa isu yang saya rasa telah saya bangkitkan dengan itu saya berterima kasih kepada puan speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk membawa isu yang saya bertanya tadi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, terima kasih Puan Speaker kerana beri peluang kepada Permatang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan No.2 yang di bentang oleh Y.A.B. Pelabuan Kelang sebentar tadi. Sebagaimana Y.B. Bukit Antarabangsa, Kampung Tunku, Permatang juga rasa agak terkejut dengan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar dalam dewan ini kerana mengundang beberapa persoalan yang mungkin perlukan penghujahan dan juga memerlukan penjelasan dan pada pihak Kerajaan atas rasional kenapa Rang Undang-undang ini dikemukakan dengan jumlah-jumlah yang sepatutnya agak besar. Saya ingin memulakan pembentangan saya dengan memetik sebahagian daripada ucapan Y.A.B. Menteri Besar pada masa itu selaku ADUN Ijok. Semasa pembentangan belanjawan 2013 pada 19 November 2012 di dewan yang mulia ini bagi maksud para (91) yang kita edarkan sewaktu pembentangan bajet yang dahulu yang mana Y.A.B. menyatakan bahawa perbelanjaan 2013 Negeri Selangor adalah belanjawan berimbang. Sukacita saya maklumkan bahawa Kerajaan Negeri bawah Pakatan Rakyat telah berjaya dan konsisten selama 5 tahun berturut-turut dengan membentangkan belanjawan berimbang. Kali ini sekali gus membuktikan kemampuan kita mentadbir secara telus, berhemah berbelanja dan mengamalkan kewangan secara berhemah. Pada masa yang sama kita juga telah memastikan kelestarian ekonomi negeri. Saya ikut daripada ucapan Y.A.B. Menteri Besar dalam persidangan bajet tahun lepas.

Semasa membahaskan bajet tersebut dan bajet-bajet sebelumnya, termasuklah beberapa Enakmen tambahan perbelanjaan perbekalan pada penggal yang lalu, kami di peringkat Barisan Nasional termasuk Ketua Pembangkang dan wakil-wakil BN pada masa itu sentiasa membangkitkan isu belanjawan berimbang yang sering di gembarkan gemburkan sebagai kecekapan dan ketelusan pengurusan kewangan Kerajaan Negeri walaupun tidak pernah dapat dipertahankan sepanjang tahun pemerintahan Kerajaan Pakatan pada penggal-penggal yang lalu. Malahan kami tidak yakin bahawa bajet 2013 yang dibentangkan yang bernilai RM1.63 bilion pada 19 November 2012 oleh Y.A.B. Menteri Besar pada masa itu dapat dipertahankan berdasarkan pengalaman-pengalaman kita yang lalu. Berdasarkan kepada prestasi bajet 2009, 2010, 2011 dan 2012 adalah didapati Kerajaan Negeri gagal mempertahankan strategi bajet berimbang. Saya ambil contoh pada tahun 2009, Kerajaan Selangor mengalami defisit perbelanjaan sebanyak RM120 juta bersamaan 8.6%, pada 2010 juga RM194 juta bersamaan 14.9%, 2011 juga ada peningkatan RM210 juta yang bersamaan dengan 13.9%. Pada 2012, perbelanjaan ini bertambah RM167.12 juta bersamaan 10.44% sedangkan setiap tahun kita bangkitkan perkara ini terbukti Kerajaan Negeri terutamanya Y.A.B. Menteri Besar sendiri pun saya rasa tidak begitu teliti terhadap perancangan penyediaan bajet negeri dan gagal mengawal perbelanjaan sehingga mengalami defisit pada setiap tahun dan pada kali ini defisit yang dialami oleh Kerajaan Negeri sangat memeranjatkan kita semua termasuk ahli-ahli dewan. Jauh lebih besar berbanding dengan defisit pada tahun 2009, 2010, 2011, 2012 dan melalui Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2013 dalam yang dibentangkan tadi Y.A.B. dan juga Kerajaan Negeri memohon menggunakan, mohon untuk menggunakan wang sebanyak

RM761,440,000.00 dari kumpulan wang disatukan negeri bagi menampung perbelanjaan tambahan perkhidmatan tahun 2013. Yang mana pertambahan ini ataupun permohonan ini meliputi hampir 46.7% daripada jumlah bajet 2013 yang dibajetkan sebanyak RM1,630 juta yang telah diluluskan oleh dewan yang mulia pada November tahun yang lalu. Satu defisit belanjawan yang amat besar....

TUAN SPEAKER : Baiklah Y.B. Permatang boleh sambung esok.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Y.B. Sekalian, jam sudah pun 5.00 petang, maka dewan ditangguhkan sehingga ke hari esok 5 hari bulan Julai jam 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan jam 5.00 petang)